

**MALAYSIA  
DEWAN NEGARA  
Isnin, 24 April 2000**

**Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah:

1. Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum
2. Y.B. Puan See Too Mee

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi, bahkan seorang daripadanya adalah sahabat lama saya dan telah pun berkhidmat sebagai Timbalan Presiden, Senate Malaysia kita. Saya berharap Ahli-ahli yang baru dipilih itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya, dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

**PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat. Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[*Setiausaha membacakan Perutusan*]

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat Kepada  
Dewan Negara**

“20 April 2000.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya.

1. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) 2000;
2. Rang Undang-undang Kewangan 2000;
3. Rang Undang-undang Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000;
4. Rang Undang-undang Perindustrian Niaga Hadapan (Pindaan) 2000;
5. Rang Undang-undang Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pindaan) 2000;
6. Rang Undang-undang Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000;
7. Rang Undang-undang Reka Bentuk Perindustrian (Pindaan) 2000;
8. Rang Undang-undang Petunjuk Geografi 2000;
9. Rang Undang-undang Cap Dagangan (Pindaan) 2000; dan
10. Rang Undang-undang Penguatkuasaan Konvensyen Periuik Api Peminasa Anggota 2000.

Yang ikhlas,

t.t.

“YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

**URUSAN MESYUARAT**

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusanitu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di mesyuarat ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah anggota bekas komunis yang telah diberi bantuan oleh pihak kerajaan dan jenis bantuan yang diberi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 340 bekas anggota komunis dan 50 orang anak mereka telah diberi bantuan yang berbentuk perkhidmatan supaya mereka dapat memulakan hidup baru. Bantuan tersebut merupakan pengurusan untuk mendapatkan dokumen-dokumen pengesahan mengenai kad pengenalan mereka, pengesahan taraf kewarganegaraan dan juga kemudahan persekolahan bagi anak-anak mereka.

Kerajaan sentiasa memberi nasihat dan bimbingan yang wajar dalam hal-hal pengurusan dan pentadbiran harian dengan jabatan-jabatan kerajaan lain. Sekian, terima kasih.

**Datuk Zainudin bin Maidin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah pemimpin-pemimpin Parti Komunis Malaya yang lain seperti Rashid Maidin, Rashidi yang sekarang ini bermastautin di Roha, Thailand juga telah meminta bantuan untuk kembali bermastautin di tanah air dan kenapakah mereka lebih bersedia untuk tinggal menetap di Thailand daripada kembali ke tanah air sendiri?

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan tambahan Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, semasa perjuangan bekas-bekas anggota komunis ini memang mereka sentiasa berada di negara kita dan juga negara Thai, negara jiran. Dan ini terpulanglah bila amnesty, dengan izin, diberikan kepada bekas anggota komunis maka terpulang kepada mereka sama ada mereka ingin menetap di Malaysia ataupun menetap di negeri Thai dan jika soalan ditanya sebab apa mereka lebih suka di negeri Thai, mungkin telah begitu lama mereka berada dekat sempadan, mereka mungkin berpendapat bahawa di negeri Thai lebih mudah bagi mereka dan saya juga difahamkan negara Thailand pun telah mempelawa mereka sedikit sebanyak tanah untuk diusahakan oleh mereka.

Mengenai soalan bekas komunis Rashid Maidin ini, jika beliau ingin balik ke Malaysia, maka kerajaan kita sedia menimbangkan permohonannya itu.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita ucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan telah dapat berjaya bukan sahaja menentukan mereka ini menyerah diri untuk daripada ideologi komunisme tetapi juga dapat diintegrasikan dengan masyarakat di tanah air kita ini. Tetapi soalan saya ialah, apakah pihak kerajaan buat atau pemberian yang diberi kepada mereka yang bertungkus lumus melawan komunis ini. Apakah bantuan yang diberikan kepada mereka terutama sekali baru-baru ini saya terbaca mereka yang mempertahankan Bukit Kepong misalnya, adakah ramai yang meninggal dunia, yang mati kerana pertempuran dengan pihak komunis, adakah mereka ini diberi bantuan ataupun diberikan bintang penghormatan secara mohon izin, posthumous dan begitu juga dengan askar-askar keselamatan, pegawai-pegawai keselamatan, kakitangan keselamatan daripada kumpulan Orang Asli, apakah pemberian yang diberi oleh pihak kerajaan kepada tugas-tugas yang mereka jalankan dengan penuh kejayaan itu?

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, suka saya memberitahu iaitu kerajaan juga menghulurkan bantuan kepada pihak-pihak yang betul-betul melawan dengan bekas komunis dan khususnya di tempat kejadian, tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang ada perakuan diberikan kepada mereka dan sekarang pihak PDRM sedang mengkaji sama ada apakah bantuan ataupun penghormatan yang sesuai untuk diberikan kepada mereka memandangkan juga baru-baru ini dalam surat khabar kita begitu banyak berita tersiar mengenai tragedi-tragedi yang berlaku 50 tahun yang lepas. Sekian.

2. **Datuk William Lau Kung Hui [Di bawah P.M. 23(2)]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan ada syarikat telekomunikasi mensyaratkan pelanggannya menjadi ahli sesebuah syarikat jualan-terus dahulu sebelum dapat menikmati sebarang tawaran istimewa sebagai satu strategi pemasaran. Adakah kerajaan memberi kelulusan kepada mereka untuk berbuat sedemikian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daripada maklumat yang diterima oleh kementerian ini tiada syarikat telekomunikasi yang menjalankan kegiatan sedemikian sebagai strategi pemasaran. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kegiatan yang mensyaratkan pelanggan-pelanggan untuk menjadi ahli-ahli mana-mana syarikat jualan terus, kementerian ini

berharap agar pihak yang berkenaan mengemukakan maklumat-maklumat untuk membolehkan siasatan dan tindakan yang sewajarnya diambil.

**Tuan Haji Karim bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan sedar bahawa syarikat telekomunikasi terutama sekali Celcom yang memberikan perkhidmatan melalui 019 adalah sangat tidak memuaskan dan adakah kerajaan mengambil langkah-langkah untuk menasihati syarikat ini memberi perkhidmatan yang lebih baik.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, selepas pelaksanaan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, negara kita telah mempunyai satu regime akta ada regime telekomunikasi yang baru di mana persaingan yang sihat di antara syarikat telekomunikasi diadakan dan diwujudkan dan mengadakan lebih daripada sebuah syarikat telekomunikasi dan melalui cara yang ini pelanggan-pelanggan dapat mempunyai pilihan atau kebebasan untuk memilih yang mana perkhidmatan yang mereka perlu dan diharap melalui persaingan yang sihat itu dan mempunyai pilihan yang sedia ada, adalah diharapkan bahawa perkhidmatan yang lebih baik dapat diberi oleh syarikat yang berkenaan dan sama dengan syarikat Celcom bahawa jika mereka ingin meneruskan mendapat pasaran yang besar, mereka mesti patut membaiki atau improve perkhidmatan mereka. Sekian, terima kasih.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. apakah langkah-langkah dari Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia berkenaan dengan izin, Internet service provider iaitu dari segi efficiency dari segi mendapatkan line-line untuk Internet seperti Jaring, TMnet masih didapati belum ada efficiency atau *effectiveness* nya sekarang ini. Apa langkah-langkah yang telah dibuat oleh kementerian. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menggalakkan syarikat-syarikat yang sedia ada seperti Jaring dan TMnet, kerajaan juga telah menggalakkan lebih lain syarikat yang mempunyai lesen untuk menjadikan Internet service provider (ISP) untuk memasuki pasaran ini dan dengan lebih banyak syarikat yang memberi perkhidmatan Internet access adalah diharapkan bahawa perkhidmatan atau access yang lebih baik dapat diadakan dan selain daripada itu syarikat-syarikat yang sedia ada digalakkan untuk melebihi talian telekomunikasi supaya tidak ada kesesakan laluan telekomunikasi. Sekian, terima kasih.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bagaimanakah langkah berkenaan dengan ura-uranya di masa hadapan Internet service provider (ISP), dengan izin akan dilalui melalui satelit dan dengan itu akan membencanakan semua syarikat telekomunikasi yang sekarang ini memberi jaringan perkhidmatan Internet. Terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Tuan Yang di-Pertua, access Internet melalui satelit memanglah mempunyai satu kemungkinan yang boleh diwujudkan di negara kita, tetapi setakat ini mungkin belum sampai saatnya dan selain daripada satelit, Internet access pun boleh melalui telefon bimbit dan lain-lain cara. Jadi, dengan perkembangan teknologi yang baru adalah diharapkan bahawa access Internet boleh berkembang dan laluan lebih baik dapat diwujudkan. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Hunaizah binti Mohd Noor** minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) jumlah hospital kerajaan yang telah diswastakan di seluruh negara dan punca-punca kerajaan mengambil langkah tersebut; dan
- (b) apakah kesan-kesan daripada langkah penswastakan tersebut ke atas harga-harga perubatan (ubat-ubatan dan khidmat nasihat para pengamal perubatan) kepada para pesakit.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.R. Anpalagan]:**

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu yang dibangkitkan dalam soalan ini hampir sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim pada 25 April 2000, saya bercadang untuk menjawab kedua-dua soalan tersebut serentak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan tidak berhasrat untuk menswastakan atau memperbadankan mana-mana hospital Kementerian Kesihatan. Dengan keputusan tersebut, para pesakit akan terus menerima rawatan perubatan daripada hospital-hospital Kementerian Kesihatan tanpa apa-apa kesan dari segi caj perubatan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan harga ubatan itu masih terkawal. Terima kasih.

**Tuan S.R. Anpalagan:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan memang sedar berkenaan dengan kawalan harga di pasaran. Antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan adalah seperti berikut:

- (i) kementerian sentiasa mengadakan kajian berkenaan dengan harga di pasaran, khususnya. Kajian terakhir dibuat pada 1998 untuk tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2000, cuma menyebabkan peningkatan harga secara purata 9.67% sahaja.
- (ii) Walaupun negara sedang menghadapi krisis kewangan pada tahun 1997 dan 1998, harga ubat-ubatan dapat dikawal. Peningkatan harga ini ditanggung oleh Kementerian Kesihatan dan tidak mendatangkan kesan kepada pesakit. Dengan hanya pendaftaran RM1 di hospital kerajaan, rakyat mendapat ujian, rawatan dan ubat-ubatan;
- (iii) kementerian juga telah pun mengeluarkan satu senarai harga perubatan supaya para pesakit dapat memperolehi rawatan perubatannya dengan harga yang sepatutnya; dan
- (iv) kawalan harga juga dilakukan setiap tiga tahun dengan persetujuan Remedy Pharmaceutical Sdn. Bhd. dan Kementerian Kesihatan dan ianya dikekalkan bagi tempoh tiga tahun.

Ini adalah antara langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal harga ubat-ubatan di negara ini. Terima kasih.

4. **Tuan Haji Gapar bin Gurrohu** minta Perdana Menteri menyatakan kedudukan Petroleum Nasional Berhad milik Petronas yang sedang menjalankan usaha carigali petroleum di Pakistan selepas Ketua Angkatan Tentera Pakistan, General Perves Musharraf mengumumkan dirinya sebagai pemerintah baru Pakistan dan menggantung Perlembagaan negara itu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, Petronas mula terlibat dalam aktiviti-aktiviti carigali minyak dan gas di Pakistan pada tahun 1996 secara usahasama dengan syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lain. Usahasama tersebut masih dalam peringkat eksplorasi yang melibatkan kajian secara geology dan juga geophysics maka ianya masih diteruskan sehingga kini.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah negeri-negeri lain di mana Petronas melabur dalam penggalian minyak dan berapakah jumlah pendapatan yang diperolehinya daripada pelaburan di luar negara ini.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat. Setakat ini Petronas telah membuat pelaburan di Afrika Selatan, Argentina, Australia, Britain, China, Filipina, India, Iran, Kamboja, Myanmar, Sudan, Thailand dan Vietnam. Bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 1999, operasi antarabangsa Petronas telah menyumbang RM14.3 bilion atau 33.7% kepada pendapatan kumpulan.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya, semenjak saya jadi Ahli Dewan Negara, buku laporan tahunan Petronas ni tidak langsung diberi. Saya tidak tahu Dewan Rakyat tetapi Dewan Negara, saya perhati satu persatu hampir tiga tahun, tidak ada laporan Petronas. Apakah Petronas merupakan organisasi yang begitu eksklusif bagi pihak kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk check dengan Petronas.

5. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) apakah benar bahawa pembinaan Kompleks Universiti Islam Antarabangsa telah tidak menepati jadual dan masa siap yang telah ditetapkan dan jika ini benar apakah bangunan kuliah yang belum disiapkan sehingga hari ini; dan
- (b) berapa ramaikah kontraktor atau pemaju yang terlibat dengan pembinaan kompleks ini dan siapakah di antara mereka yang telah dapat menyiapkan pembinaan bangunan-bangunan kuliah mengikut jadual.

**Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dibuat secara berperingkat-peringkat. Pembinaan pertama bermula pada 30 Oktober 1992 iaitu meliputi kerja-kerja sivil dan infrastruktur. Hampir keseluruhan kompleks Universiti Islam Antrabangsa



Malaysia, kampus Gombak telah disiapkan mengikut jadual. Buat masa ini hanya projek pembinaan kuliah, senibina dan rekabentuk alam sekitar bangunan tambahan kuliah kerjuruteraan dan bangunan kuliah perubatan sahaja yang masih dalam proses pembinaan.

Mengikut jadual kesemua bangunan yang di dalam proses pembinaan akan disiapkan sepenuhnya pada bulan April tahun 2002. Pembinaan projek Universiti Islam Antrabangsa Malaysia mengikut fakulti-fakulti adalah seperti:

<b>Fakulti</b>	<b>Mula</b>	<b>Selesai</b>	<b>Kos/Harga Projek</b>
Fakulti Undang-undang dan Ekonomi	14 Disember 1994	24 Disember 1996	RM39.9 juta
Fakulti Kejuruteraan	14 Disember 1994	30 Disember 1996	RM19.2 juta
Fakulti Perusahaan	20 Mei 1994	1 Mac 1997	RM 1.1 juta
Fakulti Pendidikan dan Sains Kemanusiaan	25 Mac 1996	10 Julai 1999	RM70.3 juta
Fakulti Komputer dan Language	25 Mac 1996	3 Mei 1999	RM29.8 juta
Fakulti Administration and Knowledge	25 Mac 1996	1 Ogos 1999	RM71.2 juta
Jabatan Arkitek (dalam pembinaan)	12 Oktober 1998	8 Januari 2001	RM149 juta
Fakulti Perubatan (dalam pembinaan)	14 April 2000	13 April 2002	RM86.4 juta

- (b) Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 15 kontraktor terlibat dengan pembinaan kompleks Universiti Islam Antrabangsa Malaysia. Kontraktor-lontraktor berikut telah menunjukkan prestasi yang baik, iaitu;
- (i) Ahmad Zaki Sdn. Bhd.;
  - (ii) Land Host Pancabumi Contractors;
  - (iii) Road Builder Malaysia Sdn. Bhd.;
  - (iv) 'Siliber' Jaya Sdn. Bhd; dan
  - (v) Mercujaya Sdn. Bhd.

Walau bagaimanapun, kontraktor-kontraktor yang lain telah menyiapkan kerja mereka dengan tambahan masa kontrak sebagaimana yang telah dipersetujui oleh kerajaan.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih. Boleh kerajaan memberi peratusan ataupun jumlah kontrak sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi berkenaan dengan kompleks Universiti Islam Antrabangsa ini untuk syarikat bumiputera dan bukan bumiputera. Dan, apakah pada masa depan kompleks-kompleks seperti ini kerajaan berhasrat untuk melibatkan konsortium kontraktor, Persatuan Kontraktor Melayu. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, kontraktor-kontraktor yang telah terlibat dalam semua pembinaan ini, semualah kontraktor bertaraf bumiputera tetapi peratusan ekuiti daripada mana-mana pihak, itu bukanlah tugas saya. Mereka berdaftar sebagai kontraktor bumiputera oleh kerajaan dan di sana mereka menunjukkan, apakah prestasi mereka, berapakah ekuiti dari bumiputera. Kami apabila dapat nama kontraktor, kita menyiasat, adakah kontraktor ini mendaftar sebagai kontraktor bumiputera, dengan serta merta kita bagi tawaran kepada mereka. Dan diikuti dengan harga yang kita dapat daripada mereka, kita akan memulakan kerja.

Selain dari itu untuk makluman Ahli Yang Berhormat tadi, semua syarikat-syarikat terlibat dalam kerja ini ialah *public listed companies*, telah disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, kemudahan kredit dan bank mereka menghadapi masalah, itulah sedikit masalah yang kita hadapi semasa dalam pembinaan. Walau bagaimanapun, mereka semua menyiapkan kerja pembinaan ini.

**Tuan Haji Gapar Gurrohu:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Ini berkait dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri tentang bangunan Pularek di Tanjong Pengelih, Kota Tinggi. Sebagaimana yang kita maklumat, sedikit masa dulu kita telah dikejutkan dengan keruntuhan bumbung bangunan dan kontraktor telah diminta membaikinya. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Dato' Seri Samy Vellu sendiri telah membuat kenyataan bahawa tidak puas hati tentang baiksemula bumbung Pularek ini. Jadi, kita ingin tahu, apa yang sebenarnya telah berlaku tentang bangunan yang berkenaan dan kontraktor yang berkenaan. Terima kasih.

**Dato' Seri S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini tidak ada kaitan dengan soalan asal tetapi untuk makluman Yang Berhormat saya bagi sedikit keteranganlah.

Pularek jadi satu projek popular di dunia ini sekarang. [*Ketawa*] Oleh kerana semua surat khabar menulis berkenaan dengan Pularek tetapi apa masalahnya saya sendiri siasat dalam lawatan saya. Mula-mulanya saya telah diminta oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada masa itu, sahabat saya di belakang [*Pusing ke arah Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar*] Beliau minta Menteri mesti melawat sendiri untuk mendapat tahu, apakah masalah yang dihadapi oleh projek itu. Saya melawat dan kita senaraikan sejumlah 7,850 masalah di dalam satu projek itu. Tujuh ribu bukan berertinya masalah besar. Nombor sahaja yang besar tetapi masalah tidak ada cat, ada pecah sini, pecah sana dan ada masalah tanah dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang besar iaitu bumbung dewan runtuh. Itu telah dibaiki dengan bumbung baru dan semua kerja-kerja struktur, saya telah melihat minggu yang lalu, boleh diterima tetapi apa masalah yang kita hadapi sekarang iaitu masalah kerja-kerja *finishing*, iaitu melicinkan kerja itu kita tidak mempunyai pekerja-pekerja yang berpengalaman. Ini satu masalah yang dihadapi oleh negara kita sekarang. Oleh kerana banyak pekerja dalam industri pembinaan sekarang telah dilantik oleh kontraktor-kontraktor itu, semualah lebih kurang 99% dari Indonesia. Mereka datang ke negara kita, dia sendiri jadi tukang kayu, dia sahaja jadi tukang batu, dia sudah jadi semua, semua kerja dia boleh buat. Jadi, itulah taraf kerja di negara ini dalam bidang pembinaan sudah runtuh. Tidak ada taraf lagi.

Jadi, masa akan datang, saya akan memperkenalkan satu syarat baru kepada kontraktor-kontraktor. Jikalau ada kerja-kerja yang spesifik untuk mendapat satu taraf yang baik, mereka mesti berdaftar dengan CIDB baru mereka boleh bekerja. Jikalau ada juga kerja-kerja yang lainlah, potong tanah, masalah longkang – itu bolehlah. Jikalau ada juga kerja-kerja bertaraf seperti *plastering*, seperti *rendering*, seperti memasang tiles dan juga bumbung, semuanya mesti berdaftar dengan *Construction Industry Development Board*.

Jadi saya harap dalam tempoh dua minggu lagi, saya akan dapat satu laporan atas kerja-kerja yang saya sendiri menyaksi dan saya minta diperbaiki, kita dapat

senarai dulu selepas itu kita dapat harga untuk memperbaiki. Saya jangka kos ini lebih kurang RM3 juta. Dan dalam tempoh dua bulan akan datang, kita akan selesaikan semua masalah-masalah pembinaan di dalam – iaitu pusat rekrut di Tanjong.....  
[Disampuk]Pengeleh, di kawasan Yang Berhormatlah.

Walau bagaimanapun, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah membangkitkan isu ini. Jangan susah payahlah masa akan datang kita jaga lebihlah [Ketawa]

6. **Dato' Tee Thiong Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) semenjak Pusat Informasi Hartanah (NAPIC) ditubuhkan dapatkah pasaran sektor harta dipastikan sebagai '*cyclical in nature*'; dan
- (b) apakah status kini 'Pasaran Sektor Harta Tanah' terutamanya stok berlebihan kondominium, pejabat dan bangunan perindustrian.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chan Kong Choy]:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini NAPIC belum lagi membuat kajian tentang *property cycle* kerana sedang menumpukan perhatian kepada pembangunan 'data stok' pasaran sektor hartatanah. Bagi sektor kediaman, jumlah unit yang tidak terjual di seluruh negara sehingga hujung tahun 1999 ialah 53,066 unit bersamaan nilai sebanyak RM6.48 bilion. Daripada jumlah unit harta kediaman yang tidak terjual, sebanyak 3,167 unit atau 5.9 % merupakan unit kondominium.

Di sektor perdagangan, jumlah unit hartanah perniagaan yang tidak terjual di seluruh negara pada Disember 1999 ialah lima ribu unit atau sebanyak RM2.12 bilion. Di sektor perindustrian pula, jumlah unit hartanah perindustrian yang tidak terjual di seluruh negara pada bulan Disember 1999 ialah 1,441 unit dengan nilai sebanyak RM0.36 bilion. Bagi ruang perniagaan di kompleks membelibelah, jumlah ruang kosong pada Disember 1999 ialah 1.422 juta persegi bernilai sebanyak RM12.63 bilion. Bagi pejabat binaan khas pula, jumlah ruang pejabat kosong 2.25 juta meter persegi bernilai sebanyak RM7.43 bilion.

**Tuan Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah benar dakwaan banyak pihak bahawa penilaian yang dibuat kepada *properties*, dengan izin, nilai terhadap hartanah kita oleh pemaju-pemaju ini

kerana untuk mendapatkan pembiayaan bank melebihi daripada harga pasaran ketika hendak mengemukakan pinjaman dan sebagainya. Sebab itulah apabila berlaku kegawatan ekonomi, kita nampak sektor hartanah ini agak jatuh dengan begitu teruk dan apakah benar dakwaan menyatakan oleh kerana penilaian hartanah dibuat begitu artificial dengan izin, maka harga rumah, sama ada rumah murah, rumah pertengahan dan rumah mahal di negara kita ini melebihi daripada harga piawai antarabangsa. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, segala penilaian hartanah adalah dibuat oleh pihak profesional yang diiktiraf oleh badan profesional dan diterima oleh semua pihak khususnya diterima oleh institusi-institusi kewangan maka dakwaan ini adalah tidak benar.

**Datuk Tee Thiong Hock:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Walaupun kita telah diberitahu oleh Timbalan Menteri bahawa data-data yang masih dikutip oleh NAPIC pun tidak dapat menentukan adakah market itu *property cyclical in nature* tetapi kita harapkan dengan adanya NAPIC industri property ini walaupun bubble burst tidak dapat dielakkan, sekurang-kurangnya kita tidak akan lagi sekali ada hard crash tetapi soft landing, itu yang mustahak, kita harap.

Soalan sebenar saya ialah tadi kita dengar dari Timbalan Menteri bahawa ketinggalan stok itu ada dalam volumenya, juta kps nilainya billion ringgit itu agak besar. Saya mahu tanya di sini agaknya bila pasaran property ini boleh baik pulih sampai satu tahap prakrisis, pada waktu itu jumlah atau nilai pasaran adalah lebih kurang RM60 juta, bilakah pasaran kita boleh baik prakrisis, itu adalah soalan pertama.

Soalan kedua, berkaitan dengan stok-stok yang ada balik sampai tahap di pasaran sekarang. Kita tahu kebanyakan kementerian-kementerian kerajaan akan pindah ke Putrajaya, Menteri pindah, Timbalan Menteri pindah, kakitangan pindah, tetapi bangunan tidak pindah. [Ketawa] Saya mahu bertanya apakah akan kita gunakan bangunan-bangunan ini ataupun bagaimana kerajaan akan cari kegunaan untuk bangunan-bangunan ini dan kesan bangunan ini bila turun di pasaran hartanah dan juga adakah oleh kerana bangunan-bangunan ini yang akan ditinggalkan ia akan memerosotkan situasi sekarang ini. Terima kasih.

**Dato' Chan Kong Choy:** Tuan Yang di-Pertua, pasaran hartanah pada keseluruhannya sudah bertambah baik kalau bukan sudah pulih sepenuhnya mulai

tahun 1999, sejak berlakunya krisis kewangan pada hujung tahun 1997. Memang pasaran sudah jadi teruk sekali pada tahun 1998 kalau dibandingkan dengan tahun-tahun sebelumnya. Misalan kata, jumlah transaksi telah turun pada tahun 1998, jumlah transaksi telah turun sebanyak 32.3 % dan nilai transaksi telah turun sebanyak 47.6% kalau dibandingkan dengan tahun sebelumnya. Tetapi bila tiba tahun 1999 jumlah transaksi telah naik sebanyak 27.8% dan nilai transaksi telah naik sebanyak 32.9%. Kalau sekiranya trend ini berterusan dengan faktor-faktor ekonomi yang sedia ada ini tidak berubah, misalan kata kadar pertumbuhan ekonomi dikekalkan di antara 6%, maka kita yakin, kita jangka bahawa pasaran hartanah ini akan pulih ke tahap prakrisis dalam jangka masa satu, dua tahun ini.

Berkenaan dengan perpindahan pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan ke Putrajaya pula, ia tidak akan mendatangkan ataupun mewujudkan satu impak yang dianggap sangat serius kepada ruang kosong yang sedia ada di Kuala Lumpur ini oleh kerana setakat ini cuma kira-kira 5.5% daripada jumlah ruang pejabat di Kuala Lumpur ini adalah dihuni oleh pihak Kerajaan Persekutuan lebih kurang 0.28 juta meter persegi dan perpindahan ke Putrajaya ini akan mengambil masa selama enam tahun mulai tahun 1999 hingga tahun 2005, maka dia bukan berlaku dalam satu jangka masa pendek. Ia akan berlaku dalam enam tahun, maka oleh kerana itu kita jangka ia tidak akan mengadakan impak yang sangat serius.

7. **Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany** minta Menteri Kewangan menyatakan mengapakah prestasi Amanah Saham Nasional dan harga pasarannya tidak dapat menandingi prestasi Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur yang naik sebanyak 38.5% pada tahun 1999.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa pergerakan harga ASN agak perlahan berbanding dengan pergerakan indeks komposit Bursa Saham Kuala Lumpur. Sebagai perbandingan, indeks BSKL telah meningkat sebanyak 282% daripada tahap terendah pada 1 September 1998 sehingga Februari 2000, manakala harga ASN berubah sebanyak 62% sahaja dalam tempoh yang sama.

Sebaliknya, kemantapan harga unit-unit ASN dapat dilihat dari pergerakan harga berbanding indeks komposit BSKL di mana apabila kejatuhan harga sebanyak 53.23% direkodkan oleh BSKL pada tahun 1997, harga unit ASN susut 46.45%. Pada

awal tahun 1997 hingga Jun 1997, indeks BSKL susut 17.7% manakala harga unit ASN susut 7.1% sahaja. Kadar pulangan ASN jauh lebih baik jika dibandingkan dengan kadar purata pulangan dividen bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL. Berdasarkan kadar dividen ASN bagi tahun 1999 iaitu 8.25% dan purata harga jualan unit ASN sebanyak 0.64 sen seunit, pulangan purata adalah sebanyak 12.89%.

Tuan Yang di-Pertua, indeks komposit BSKL terdiri daripada syarikat-syarikat portfolio pelaburan di mana ASN tidak melabur sepenuhnya di dalam syarikat-syarikat tersebut dan pecahan atau agihan portfolio juga tidak sama. Oleh itu kenaikan dan penurunan indeks komposit BSKL hanya boleh digunakan sebagai ukuran pergerakan harga bersih ASN secara umum sahaja tetapi tidak semestinya menunjukkan kadar kemikan atau kejatuhan yang sama.

Pelaburan di dalam Saham Amanah adalah untuk jangka panjang. Dengan adanya pengurus-pengurus dana profesional Saham Amanah membolehkan wang daripada pelabur-pelabur dilaburkan di dalam sejumlah saham yang dipelbagaikan dan lain-lain instrument pelaburan yang mungkin tidak dapat dilakukan oleh pelabur-pelabur sekiranya mereka membuat pelaburan secara bersendirian. Kepelbagaian pelaburan ini memerlukan saiz dana yang besar terutama kepelbagaian dalam pelaburan Saham Amanah adalah untuk mengurangkan kadar risiko yang harus ditempuhi oleh pelabur-pelabur sekiranya mereka melabur terus ke pasaran saham.

Sebagai contoh, sekiranya seorang pelabur melabur secara terus di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), pelabur tersebut mungkin boleh mendapat pulangan yang tinggi. Bagaimanapun, pelabur tersebut juga menghadapi risiko untuk kehilangan sehingga 30% daripada modal sahamnya dalam sehari berdasarkan kepada peraturan perubahan harga maksimum sehingga 30% dari harga pembukaan bagi setiap sesi perdagangan.

Pelabur juga harus mengambil kira konsep risiko dan pulangan di mana pelabur yang diharapkan memberi pulangan yang tinggi mempunyai risiko kerugian yang tinggi juga. Pengurusan dana ASN telah membentuk portfolio untuk mengurangkan risiko ini ke tahap yang dapat diterima oleh kebanyakan pelaburnya tanpa menjejaskan kadar pulangan yang bakal diterima. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita mempunyai dana yang banyak dari segi untuk melabur di dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur. KWSP kita diumumkan mempunyai 18.9%

pelaburan di dalam Saham Kuala Lumpur dan di sini Amanah Saham Nasional juga mempunyai keseluruhan dana untuk dilaburkan. Saya ingin mengetahui kalau KWSP mempunyai Namura sebagai konsultan untuk mempelbagaikan kegiatannya dalam pelaburan, siapakah konsultan kepada Amanah Saham Nasional untuk menentukan supaya pulangan dapat ditingkatkan daripada 12.89% seperti juga prestasi yang dicapai oleh Amanah Unit di RHB, BHL rata-rata meningkat lebih kurang sampai 100% dalam masa dua tahun.

Jadi, apakah perbandingan pulangan Amanah Saham Nasional dengan Amanah Unit syarikat-syarikat swasta yang lain kerana banyak perbezaannya ini.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau amanah saham swasta yang lain dia melabur di tiap-tiap kaunter ataupun *blue chips* dan sebagainya tetapi pelaburan Amanah Saham tertakluk kepada Jawatankuasa Syariah jika sekiranya didapati satu-satu kaunter itu bertentangan dengan agama Islam, maka saham itu akan ditarik balik. Itu pertama.

Kedua, seperti mana yang saya katakan tadi pelaburan di dalam Saham Amanah ialah untuk jangka panjang. Jadi, di sinilah kita harapkan bahawa orang-orang Melayu terutamanya yang tidak melabur ke kaunter-kaunter secara terus melabur melalui ASN, mereka bukannya melabur untuk mendapatkan keuntungan yang sekaligus tetapi kita juga melihat daripada risikonya sekaligus yang akan dihadapi. Alhamdulillah, setakat ini pelaburan Saham Amanah menunjukkan kecekapannya dan kita berharap bahawa tidak ada sangsi di antara orang-orang bumiputera terutamanya orang Islam bahawa Amanah Saham yang dilaburkan oleh ASN dan ASB di kaunter-kaunter tertentu adalah merupakan Amanah Saham dan kaunter yang halal. Terima kasih.

**Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengapakah saham amanah negeri muram jika dibandingkan dengan Amanah Saham Nasional? Apakah tindakan Suruhanjaya Sekuriti mengenai masalah ini? Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, satu kajian telah dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti mengenai amanah-amanah saham negeri dan hasil daripada kajian itu menunjukkan pertamanya ialah kekurangan sumber manusia yang berpengalaman dan berkelayakan. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pengurusan pelaburan adalah aktiviti yang terpenting terutama



setiap pengurusan Tabung Unit Amanah, maka Jabatan Pelaburan seharusnya mempunyai kakitangan yang profesional, yang berpengalaman, yang berkekeluargaan dan mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan pelaburan dan penyelidikan.

Walau bagaimanapun, pihak SC mendapati syarikat pengurusan kerajaan negeri tidak mempunyai sumber manusia yang mencukupi dan Jabatan Pelaburan terutamanya penyelidik pelaburan. Perkara ini telah dimaklumkan kepada syarikat pengurusan yang mana telah mengakui kekurangan-kekurangan ini dan pihak Securities Commission sedang pun memberikan recommendation ataupun syor-syor supaya dapat kerajaan-kerajaan negeri mengambil perhatian kepada saham amanah negeri ini. Terima kasih.

**Datuk Nor Azah binti Awin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Apakah portfolio lain dari segi pelaburan Amanah Saham Nasional di mana ia melabur dalam saham-saham yang tersenarai selain daripada bursa-bursa tempatan, soalan pertama.

Soalan kedua, adakah rancangan untuk PNB atau Amanah Saham Nasional untuk melancarkan saham unit trust dari segi regional, dengan izin, iaitu untuk mempelbagaikan risiko dari segi kos saham iaitu mempelbagaikan currency, memandangkan krisis mata wang kita yang baru kita lalui dan juga dari segi AFTA yang akan datang pada tahun 2003, di mana semuanya trade liberalization dari segi regional, dengan izin, akan dilaksanakan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, mengenai ASN melabur di peringkat regional dahulu, jadi kita harapkan terutamanya di negara kita simpanan kewangan kita ataupun saving kita sebanyak 40%. Oleh itu kebanyakan projek-projek yang kita jalankan kita tidak meminjam di luar negeri yang begitu teruk tetapi kita ambil daripada saving ataupun simpanan dalaman.

Oleh kerana itu baru-baru ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengisytiharkan lagi satu skim pelaburan kerana kita rasakan skim-skim pelaburan yang sedia ada seperti Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW) peruntukan untuk bumiputera masih lagi tidak mencapai kepada tahap yang berkenaan dan dengan itu kita hendakkan supaya pelaburan-pelaburan terutamanya orang-orang bumiputera dan orang Islam yang ada menyimpan, dapat menyimpan di Tabung Amanah ini ataupun saham amanah ini kerana kita tidak mahu mereka menyimpannya

di rumah kerana saya rasakan dahulupun ada yang berlaku apabila mereka mengatakan Y2K, mereka keluarkan duit simpanan, bawa ke rumah, lepas itu rumah terbakar, hangus semua duit simpanan mereka.

Jadi, oleh kerana itu kita berharap juga simpanan-simpanan seperti Tabung Haji, simpanan-simpanan ASN/ASB yang banyak sekali skim yang dibentangkan ini supaya dapat kita melihat bahawa ramai daripada orang-orang Melayu, kaum bumiputera dan orang Islam khususnya dapat menyimpan dalam skim ini.

Mengenai AFTA, ini akan kita lihat bahawa kebanyakannya daripada AFTA itu nanti tax ataupun cukai banyak dikurangkan dan kita juga berharap nanti dengan adanya pergabungan Securities Commission dan sebagainya, ini di dalam peraturan dan di dalam Part Nine, kita harapkan nanti pertamanya bank sudah pun kita gabungkan. Yang kedua, kita hendak gabungkan insurans, enam insurans telah pun memohon, tiga telah bergabung dan selepas itu kita hendak gabungkan broker saham sebelum AFTA dan WTO melanda negara kita. Terima kasih.

8. **Tuan Khoo Lay Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah pemilihan Tuan Chen Shui-bian sebagai Presiden baru Taiwan akan membawa faedah dari segi hubungan dagangan dua hala kepada negara kita.

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:**

Tuan Yang di-Pertua, urusan pilihan raya di Taiwan adalah urusan negara itu. Walau bagaimanapun, hubungan Malaysia dengan Taiwan adalah berdasarkan kepada 'Dasar Satu China' ataupun dengan izin, 'One China Policy' di mana Malaysia mengiktiraf Taiwan sebagai sebahagian daripada wilayah Republik Rakyat China. Oleh itu Malaysia tidak mempunyai hubungan diplomatik dengan Taiwan. Dasar ini tidak sekalipun menghalang Malaysia untuk mengadakan kerjasama dengan Taiwan dalam bidang perdagangan, pelaburan, sosial, kebudayaan, pelancongan dan pelajaran.

Taiwan adalah salah satu pelabur terbesar di Malaysia dan kita sentiasa menghargai hubungan yang baik di antara Malaysia dan Taiwan. Pemilihan pimpinan yang baru tidak menjadi penghalang. Di masa yang sama, usaha-usaha akan diteruskan untuk meningkatkan lagi hubungan perdagangan dan rakyat, dengan izin, *people to people* di antara Malaysia dan Taiwan. Terima kasih.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dunia sekarang ini sudah berubah, jadi paradigma kita pun berubah juga

dari segi hubungan antarabangsa kerana misalnya, Taiwan sendiri merupakan negara yang ketiga besarnya melabur di negara kita, saya diberitahu RM20 bilion dalam tahun 1990 hingga tahun 1999. Jadi, saya hendak tahu perkara ini dibuat oleh MITI dan pada masa yang sama Kementerian Luar Negeri memainkan peranan yang amat penting juga untuk meningkatkan perhubungan dari segi perdagangan liberalisasi dan juga globalisasi ini.

Jadi, saya hendak tahu persiapan yang dibuat oleh Kementerian Luar Negeri untuk menyediakan pegawai-pegawai mereka supaya canggih sedikit dari segi pemikiran untuk mengikat perhubungan ekonomi antara negara-negara dan kalau sekiranya dengan Taiwan, kita mempunyai pelaburan nombor tiga – RM20 bilion, berapa ramai misalnya pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin atau berapa ramai dalam bahasa Perancis dan sebagainya, kerana ini dapat menghayati kerana potensi China dengan satu dasar merupakan potensi pasaran yang amat besar di rantau ini. Terima kasih.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman di atas soalan tambahan tersebut. Pegawai-pegawai di Kementerian Luar Negeri sentiasa didedahkan dengan perkembangan terbaru dan mereka terpaksa mengikut apa juga anjakan paradigma yang berlaku dari segi hubungan dua hala ataupun pelbagai hala untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas kerana pada masa ini bukan sahaja kita memberikan tumpuan kepada persoalan berkenaan perhubungan politik tetapi lebih ditumpukan kepada perhubungan ekonomi dan perdagangan. Oleh itu pegawai-pegawainya diberikan persediaan yang amat cukup dan kita bekerja rapat dengan agensi dan kementerian lain untuk mencapai matlamat tersebut.

Adalah juga menjadi hasrat Kementerian Luar Negeri untuk menentukan pegawai-pegawainya difasihkan di dalam pelbagai bahasa, sebab itu pada masa ini dari segi pertukaran kepada sesuatu tempat ataupun kedutaan, kita akan memberikan latihan bahasa sebelum pegawai itu dipindahkan ke tempat yang mereka akan bertugas. Dengan itu, kita yakin dan percaya mereka akan dapat melaksanakan peranan dengan lebih baik. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Tuan Haji Rosli.

**Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apakah peranan Kementerian Luar Negeri di dalam membuat perhubungan awam kita

di peringkat antarabangsa khususnya di peringkat ASEAN kerana kita tahu bahawa Malaysia telah melepasi daripada kegawatan ekonomi dengan penyelesaian cara kita sendiri. Sebagai contohnya di Indonesia umpamanya baru-baru ini dilantik Henry Kissinger sebagai penasihat ekonomi. Apakah Kementerian Luar Negeri telah berusaha sebagai lobbyist bahawa pemimpin-pemimpin agung kita, pemimpin-pemimpin ekonomi kita khususnya, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sendiri telah menjadi model kepada negara-negara membangun yang lain khususnya di selatan Russia dan sebagainya untuk menjadi penggerak dasar ekonomi negara-negara mereka. Jadi, apakah kedudukan yang di peringkat ASEAN, keyakinan mereka terhadap kebolehan, kemampuan, keupayaan negara kita dari segi ekonomi?

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Rosli di atas soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kemampuan dan kebolehan Malaysia untuk memberi pilihan kepada pewujudan ataupun cara menyelesaikan masalah ekonomi bukan lagi menjadi satu perkara yang dipertikaikan, ianya diiktiraf dan oleh itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sentiasa dirundingi dan diambil pemikiran beliau untuk digunakan sebagai contoh dan bagaimana negara-negara di peringkat ASEAN lain dapat melaksanakan apa yang telah dijayakan oleh Malaysia. Oleh itu, kita lihat Malaysia memberikan latihan dan juga menyediakan rancangan program-program untuk negara-negara dalam ASEAN seperti Laos, Cambodia dan negara-negara lain termasuk Myanmar di ASEAN untuk membantu mereka di dalam mencapai pembangunan dan kemajuan. Oleh itu, kita merasakan bahawa peranan Malaysia adalah satu peranan yang berkesan dan diiktiraf oleh semua negara-negara ASEAN.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan Lisan sudahpun selesai.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 .hingga 28 akan dijilid dalam buku yang berasingan]*

## **RANG UNDANG-UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

##### **11.10 pagi**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan bagi peruntukan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah dibenarkan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Tahun 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada 25 Februari 2000 mengandungi langkah-langkah yang bertujuan meletakkan asas bagi membolehkan Malaysia menghadapi cabaran serta merebut peluang-peluang di alaf baru. Ini akan memantapkan lagi pertumbuhan ekonomi serta mengukuhkan daya saing dan daya tahan negara kita. Dalam hubungan ini, tumpuan diberi bagi memajukan lagi sektor perkhidmatan dan sektor pertanian sebagai penggerak pertumbuhan ekonomi negara di samping meneruskan agenda pembangunan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara kini pulih dengan meyakinkan dengan hampir semua sektor utama mencatatkan pertumbuhan. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar pada tahun 1999 telah kembali meningkat dalam tempoh yang singkat daripada kadar penguncupan 7.5% pada tahun 1998 kepada kadar pertumbuhan 5.4% dalam tahun 1999. Pencapaian cemerlang ini membolehkan ekonomi bergerak pantas pada paras hampir menyamai prestasi sebelum krisis kewangan serantau 1997. Ini dirangsang sebahagian besarnya oleh peningkatan pengeluaran sektor perkilangan sejak bulan Februari 1999, pertamanya bagi barangan elektronik dan kelengkapan pengangkutan. Malah pengeluaran sektor ini terus meningkat dengan pesatnya sebanyak 33.5% sepanjang dua bulan pertama tahun 2000. Industri pembinaan pula yang merupakan sektor ekonomi yang paling terjejas selama dua tahun berturut-turut telah bergiat semula sejak pertengahan tahun 1999.

Permintaan dalam negeri juga kembali meningkat didorong oleh perbelanjaan sektor awam dan penggunaan swasta hasil daripada dasar fizikal dan kewangan yang berkembang. Sungguhpun demikian, inflasi dapat dibendung pada kadar 2.8% berbanding 5.3% bagi tahun 1998.

Kadar pengangguran telah berkurangan daripada 3.2% kepada 3% berikutan peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik hasil pemulihan ekonomi. Oleh itu, pemulihan ekonomi negara sebenarnya lebih mantap daripada yang dijangkakan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pemulihan ekonomi ini turut diiringi oleh prestasi sektor eksport yang menggalakkan berikutan pemulihan ekonomi di kalangan rakan dagangan utama di negara Asia Timur serta pengukuhan ekonomi Amerika Syarikat. Import juga bertambah untuk memenuhi permintaan ekonomi di dalam negeri walaupun tidak secepat peningkatan eksport. Justeru itu, Malaysia telah menikmati lebih perdagangan berjumlah RM72.3 bilion bagi keseluruhan tahun 1999, iaitu jumlah terbesar yang pernah dicatatkan. Akaun semasa imbalan pembayaran negara pula, mencatatkan lebih sebanyak RM47.4 bilion. Perkembangan yang menggalakkan ini membolehkan rizab negara meningkat daripada US\$20.2 bilion pada akhir Ogos 1998 kepada US\$33.9 bilion pada akhir Mac 2000, yang mampu membiayai 6.3 bulan import tertangguh, melebihi daripada sasaran minimum 5 bulan yang ditetapkan dalam Pelan Pemulihan Ekonomi Negara.

Prestasi ekonomi yang bertambah baik, serta asas-asas ekonomi yang bertambah mantap telah memperkukuhkan lagi keyakinan para pelabur dan pengguna terhadap ekonomi negara. Indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) berada pada paras 898.98 mata pada 21 April 2000, iaitu peningkatan sebanyak 242.2% berbanding dengan tahap terendah 262.7 mata pada September 1998. Nilai pasaran BSKL turut meningkat sebanyak RM495.51 bilion atau 251% daripada RM181.49 bilion kepada RM637 bilion dalam tempoh tersebut. Prestasi pasaran BSKL dijangka terus memberangsangkan dalam tempoh terdekat khususnya selepas kemasukan semula di dalam beberapa pendarasan indeks pelaburan antarabangsa termasuk *locus standi* capital indeks pada bulan Mei hadapan.

Prestasi sektor kewangan dan korporat turut semakin kukuh serta berupaya untuk menyerap sebarang potensi kejutan luar ke atas ekonomi negara kita. Ini dapat dilihat pada peningkatan nisbah modal berwajaran risiko kepada 12.8% pada akhir

Februari 2000 berbanding dengan 10.6% pada akhir September 1998. Kedudukan Hutang Tidak Berbayar (NPL) pula, mengikut klasifikasi 6 bulan berkurangan daripada 8.1% pada akhir September 1998 kepada 6.7% pada akhir bulan Januari 2000. Malahan, Malaysia merupakan antara negara yang berjaya menangani masalah NPL, meningkatkan suntikan modal ke dalam sistem perbankan dan menggalakkan penyusunan semula korporat. Setakat 31 Disember 1999, Danaharta telah mengambil alih NPL bernilai RM45.5 bilion daripada sistem kewangan.

Dari segi pengurusan pinjaman dan aset, Danaharta telah menyusun semula atau melupuskan pinjaman dengan nilai kasar RM17.6 bilion. Suntikan modal oleh Danamodal pula, telah menurun daripada RM7.6 bilion kepada RM5.2 bilion sehingga akhir bulan Februari 2000 berikutan pembayaran balik oleh lima buah industri perbankan.

Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat (CDRC) telah menerima 68 permohonan dengan jumlah hutang RM36.5 bilion. Daripada jumlah ini, 19 skim penyusunan semula yang melibatkan hutang sebanyak RM14.1 bilion telah dapat diselesaikan.

Tuan Yang diPertua, kita boleh mengharapkan perkembangan ekonomi yang lebih baik dan cerah pada masa-masa hadapan. Dalam tempoh terdekat terutamanya bagi tahun 2000 prospek pertumbuhan ekonomi negara adalah semakin memberangsangkan dengan persekitaran antarabangsa yang terus menggalakkan. Perkembangan ekonomi dunia dijangka terus kukuh dengan kadar pertumbuhan hampir 4% dirangsang oleh pertumbuhan pesat dari ekonomi rakan-rakan perdagangan utama Malaysia di Asia Timur. Ekonomi negara-negara Eropah juga bertambah baik sementara ekonomi Amerika Syarikat terus berkembang pada paras yang lebih stabil. Justeru itu, jumlah perdagangan dunia boleh berkembang sebanyak 7% pada tahun ini.

Sebagai sebuah negara dagangan terbuka, Malaysia dijangka akan mendapat manfaat daripada perkembangan luar yang menggalakkan ini. Pada masa yang sama, permintaan dalam negeri dijangka meningkat dengan pesat hasil daripada impak dasar dan langkah yang pragmatik diambil oleh kerajaan untuk memantapkan lagi pemulihan ekonomi serta daya inisiatif sektor swasta untuk berbelanja lebih berikutan daripada peningkatan keyakinan para pelabur dan pengguna. Oleh itu, pada tahun ini KDNK dijangka akan berkembang pada kadar 5.8% . Malahan terdapat pihak-pihak

lain lebih optimistik dalam ramalan mereka bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia. Sebagai contoh, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) mengunjurkan kadar pertumbuhan 6% KDNK bagi Malaysia pada tahun ini.

Tuan Yang diPertua, Belanjawan Tahun 2000 ini adalah yang pertama bagi abad ke-21. Kerajaan akan meneruskan dasar-dasar pragmatik yang telah terbukti dapat memulihkan ekonomi dan kegawatan. Oleh yang demikian, belanjawan pada kali ini akan memperkukuhkan pemulihan ekonomi dan meletakkan asas bagi pertumbuhan yang mapan. Dengan mengambil kira cabaran-cabaran di alaf baru termasuk persekitaran ekonomi di luar dan di dalam negeri, teras strategi Belanjawan Tahun 2000 ditumpukan kepada:

- (i) meneruskan pemulihan serta mencergaskan pertumbuhan ekonomi kepada tahap selaras dengan potensi pertumbuhan ekonomi negara;
- (ii) memperkukuhkan lagi daya saing dan daya tahan negara kepada risiko-risiko luaran;
- (iii) menjadikan sektor perkhidmatan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi di samping memantapkan pembangunan sektor pertanian;
- (iv) membangunkan sumber manusia dari sudut kemahiran dan pengetahuan; dan
- (v) meneruskan program sosial dan kesejahteraan rakyat serta penjagaan alam sekitar.

Strategi belanjawan ini adalah selaras dengan dasar makro ekonomi yang pragmatik yang memberi penekanan kepada rangsangan fizikal serta menyediakan persekitaran yang bersesuaian bagi mencergaskan semula sektor swasta.

Walaupun kerajaan melaksanakan rangsangan fizikal yang mengukuh pemulihan serta mencergaskan semula ekonomi, kerajaan akan terus mengamalkan prinsip pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Akaun semasa kewangan Kerajaan Persekutuan akan dipastikan mempunyai lebih atau sekurang-kurangnya berimbang. Manakala defisit keseluruhan kewangan Kerajaan Persekutuan akan dipertahankan pada paras terkawal, iaitu lebih kurang 5% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Dari segi pembiayaan pula, kerajaan akan memastikan supaya sebahagian besar defisit dibiayai daripada sumber dalam negeri yang tidak membawa kesan



inflasi. Dengan cara ini, hutang negara dan nisbah khidmat hutang dapat dikekalkan pada paras yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, berlandaskan prinsip yang tersebut, saya mencadangkan RM78.03 bilion diperuntukkan bagi Belanjawan Tahun 2000. Peruntukan ini bertambah 19.9% berbanding dengan peruntukan asal tahun 1999. Daripada jumlah ini RM53.35 bilion adalah untuk perbelanjaan mengurus dan RM24.67 bilion untuk perbelanjaan pembangunan. Dengan anggaran hasil sebanyak RM59.9 bilion, akaun keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka mencatatkan defisit sebanyak RM12.97 bilion atau 4.4% daripada KDNK.

Pengagihan mengikut kategori-kategori utama perbelanjaan mengurus ialah RM28.37 bilion untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. RM14.61 bilion untuk Emolumen, RM7.56 bilion untuk Perkhidmatan dan Bekalan, RM610 juta untuk Kelengkapan dan Kemudahan Pejabat dan RM2.2 bilion bagi Perbelanjaan Lain termasuk Bayaran Balik Cukai.

Bagi perbelanjaan pembangunan pula, RM10.88 bilion pula adalah untuk sektor ekonomi, RM7.25 bilion untuk sektor sosial termasuk RM3.7 bilion untuk pendidikan dan latihan. RM908 juta untuk kesihatan dan RM1.2 bilion bagi program perumahan kos rendah dan sederhana. Di samping itu RM2.63 bilion adalah untuk sektor keselamatan, RM2.91 bilion untuk sektor perkhidmatan am dan RM1 bilion untuk simpanan luar jangka. Kerajaan akan terus memberikan penekanan kepada program-program pembangunan luar bandar, sebanyak RM129 juta diperuntukkan bagi menyediakan bekalan air di luar bandar di mana seribu projek dijangka dilaksanakan yang memberi manfaat kepada 30,000 keluarga di seluruh negara pada tahun ini.

Bagi perkhidmatan kesihatan pula peruntukan sebanyak RM193.84 juta disediakan bagi pembinaan klinik desa, rumah-rumah bidan dan lain-lain kemudahan kesihatan. Bagi penduduk di kawasan pedalaman bekalan air bersih serta kerja-kerja mempertingkatkan kemudahan rawatan dan kesihatan akan diteruskan dengan peruntukan sebanyak RM21.1 juta. Untuk memperluaskan perkhidmatan telefon ke kawasan luar bandar sistem *wireless on local loop* akan diperkenalkan oleh Telekom Malaysia Berhad dengan perbelanjaan RM318 juta.

Untuk mengatasi masalah kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah, program tanaman semula sektor pekebun kecil akan diteruskan. Bagi tujuan ini

sejumlah RM201 juta disediakan kepada RISDA untuk melaksanakan program tanaman semula yang melibatkan kawasan 45,000 hektar pada tahun 2000. Di samping itu Tabung Yayasan Pekebun Kecil telah ditubuhkan untuk membantu pekebun kecil melaksanakan aktiviti-aktiviti ekonomi sampingan dengan peruntukan RM100 juta sebagai tambahan kepada RM20 juta yang akan diperolehi daripada sumber dalaman RISDA.

Bagi memenuhi keperluan perumahan golongan yang berpendapatan rendah, pembinaan rumah kos rendah terus diberi keutamaan. Bagi tujuan ini sejumlah RM4.3 bilion disediakan di bawah beberapa dana khas seperti Tabung Perumahan Untuk Rakyat Termiskin, Tabung Pusingan Perumahan Kos Rendah, Tabung Khas Rumah Kos Rendah dan Sederhana serta dana perumahan kos rendah Syarikat Perumahan Negara. Setakat ini sejumlah 35,000 unit telah siap dibina dan kira-kira 52,000 berada di pelbagai peringkat pembinaan di bawah pembiayaan tabung-tabung tersebut. Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM452 juta untuk melaksanakan projek perumahan awam kos rendah serta projek perumahan rakyat bersepadu. Bagi projek perumahan rakyat bersepadu dilaksanakan di Kuala Lumpur sebanyak 26 projek yang terdiri daripada 34,892 unit rumah kediaman telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10%, melonggarkan syarat-syarat perumahan serta meningkatkan kadar imbuhan tetap perumahan sebanyak 50% kepada kakitangan kerajaan berpendapatan rendah. Pesara dan penerima pencen akan turut mendapat manfaat dari kenaikan 10% gaji kakitangan perkhidmatan awam. Pencen yang diterima oleh mereka akan diselaraskan dengan kenaikan gaji sebagai mana yang diperuntukkan oleh Akta Penyelarasan Pencen 1980. Di samping itu, kerajaan juga akan membenarkan anggota perkhidmatan awam yang telah diletakkan di bawah skim pencen mengeluarkan semua baki simpanan pelaburan mereka dalam KWSP tanpa menunggu had umur 55 tahun. Langkah ini akan dapat meningkatkan keupayaan perbelanjaan pengguna dan memusatkan lagi kegiatan ekonomi dalam negeri. Sementara itu bahagian yang dicarum oleh kerajaan akan dipindahkan ke Kumpulan Wang Amanah Pencen.

Bagi meringankan masalah kewangan pelajar-pelajar di luar negara, berkuat kuasa 1 Januari 2000 kerajaan telah menaikkan kadar biasiswa dan pinjaman di antara

10% hingga 65% untuk pelajar-pelajar tajaan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Mara di 15 buah negara. Bagi pelajar-pelajar institusi pengajian tinggi awam (IPTA) kerajaan telah memberi bantuan pendahuluan sebanyak RM1000 hingga RM1500 untuk membayar yuran pendaftaran. Kerajaan juga telah menyediakan skim pinjaman pendidikan melalui Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional kepada semua pelajar yang layak melanjutkan pengajian tinggi ke peringkat institusi pendidikan tinggi tempatan. Sehingga akhir tahun 1999 kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM980.6 juta untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan insan sentiasa diberi keutamaan dalam melaksanakan agenda pembangunan negara yang seimbang. Untuk itu sejumlah RM236.9 juta telah diperuntukkan bagi beberapa program keagamaan termasuk program pembangunan institusi keluarga dan khidmat sosial serta program pengurusan pendidikan Islam dan moral. Bagi mencapai matlamat pembentukan insan yang berjaya di dunia dan di akhirat berbagai program bersepadu terus dilaksanakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) termasuk memajukan ekonomi masyarakat Islam, membangunkan tanah wakaf dan baitulmal serta memperkembangkan lagi mekanisme kutipan zakat.

Di samping itu kerajaan juga memberi bantuan kepada perkembangan agama lain di negara kita. Bagi tujuan ini kerajaan telah menyediakan peruntukan setiap tahun bagi pembinaan dan pembesaran kuil, tokong, gereja dan lain-lain rumah ibadat. Langkah-langkah sentiasa diambil untuk mengukuhkan keyakinan beragama serta menghayati prinsip moral dan akhlak sebagai tunjang kekuatan dan ketahanan dalam membina sebuah masyarakat Malaysia yang mempunyai keyakinan diri serta berperibadi mulia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam alaf baru abad ke-21 ini kita berhadapan dengan cabaran yang lebih hebat terutamanya berikutan proses globalisasi dan liberalisasi serta perkembangan teknologi maklumat yang akan menjadikan dunia tanpa sempadan. Bagi menghadapi cabaran-cabaran ini kita perlu membuat perancangan yang teliti bagi meningkatkan ketahanan dan daya saing negara. Satu kumpulan pemikir dengan izin *think-tank* telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan bagi menyediakan plan perkhidmatan strategik bagi membolehkan kita mengambil tindakan yang lebih bersepadu dalam menghadapi cabaran ini. Sektor swasta perlu turut memainkan peranan yang penting untuk meningkatkan ketahanan dan daya saing

negara khususnya dalam mencapai cabaran globalisasi dan liberalisasi bagi membolehkan Malaysia menjadi peserta prasarana bertaraf antarabangsa. Mereka dalam menggiatkan lagi usaha untuk meningkatkan produktiviti, berinovatif dan mampu menghasilkan produk serta menyediakan perkhidmatan baru dengan menggunakan kaedah berteknologi tinggi yang terkini. Kita mesti bersedia bertindak mengubah paradigma daripada ekonomi berteraskan pengeluaran atau p-ekonomi kepada ekonomi berteraskan pengetahuan ataupun k-ekonomi selaras dengan usaha-usaha negara memesatkan pembangunan industri berteknologi tinggi serta menjadikan IT pemangkin pertumbuhan.

Sebuah jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan dan tindakan-tindakan diambil bagi menyediakan pelan induk K-ekonomi. Di samping itu satu pasukan petugas akan ditubuhkan untuk mengenal pasti projek-projek berkualiti tinggi termasuk projek-projek k-ekonomi yang layak diberi galakan istimewa, cukai dan bukan cukai.

Kerajaan juga sedang mempertingkatkan pelaksanaan IT dalam jentera pentadbiran supaya perkhidmatan kepada rakyat dapat disediakan dengan lebih cekap. Pelaburan dalam IT akan terus diberi keutamaan. Kerajaan berharap pihak swasta juga turut membuat lebih dan lebih banyak lagi pelaburan dalam pembangunan IT. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan bilangan tenaga pekerja berpengetahuan IT secukupnya sangat penting dalam proses peralihan kepada k-ekonomi. Dalam hal ini sistem pendidikan negara mesti memberi penekanan yang lebih ke arah mewujudkan pendidikan berkualiti tinggi demi melahirkan satu generasi tenaga kerja yang pintar dan berpengetahuan. Sektor swasta juga patut tampil ke hadapan bagi meningkatkan usaha kerajaan dengan menyediakan pelaburan yang berkaitan.

Tuan Yang diPertua, langkah-langkah percukaian yang diperkenalkan dalam belanjawan 2000 adalah bertujuan menyokong usaha-usaha memantapkan lagi pemulihan ekonomi khususnya bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta termasuk mengurangkan kos perniagaan, memperkukuhkan dan memajukan sistem perbankan, menggalakkan penstrukturan semula korporat, memperkukuhkan pasaran modal dan memajukan industri pelancongan. Bagi menggalakkan kegiatan sektor swasta langkah-langkah percukaian berikut dicadangkan. Mulai tahun taksiran 2000 kadar cukai individu diturunkan 1 mata peratus bagi semua peringkat dan dengan itu mengurangkan kadar tertinggi daripada 30% kepada 29%. Selanjutnya cukai

pendapatan koperasi diturunkan 1 mata peratus bagi semua peringkat dan cukai pendapatan individu bukan pemastautin juga dikurangkan sebanyak 1 mata peratus. Di samping itu pelepasan diri dinaikkan dari RM5000 kepada RM8000.

Tempoh pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas alat ganti dan bahan guna habis yang diberi cara terpilih bagi sektor perkilangan dilanjutkan sehingga 31 Disember tahun 2000. Galakan potongan dua kali diberi ke atas kos pengangkutan, perkapalan dari Sabah dan Sarawak ke Semenanjung Malaysia dan struktur dankadar elaun modal tahunan bagi loji dan mesin dikurangkan daripada 16 klasifikasi kepada 3 klasifikasi sahaja dengan kadar 10%, 14% dan juga 20%.

Perbelanjaan operasi termasuk bayaran juruperunding yang berkaitan dengan penggunaan sistem IT dalam proses pengurusan dan pengeluaran diberi potongan dalam pengiraan cukai pendapatan syarikat. Dan duti import ke atas 305 jenis barangan yang telah dilindungi melebihi 10 tahun dikurangkan daripada antara 5% hingga 30% kepada di antara 0% hingga 20%.

Bagi memperkukuhkan dan memajukan sistem perbankan, langkah-langkah percukaian yang dicadangkan adalah seperti berikut;

- (i) Mendapatkan faedah daripada pinjaman bank yang melebihi kadar pertumbuhan pinjaman bersih 8% setahun dikecualikan cukai pendapatan dengan syarat bank berkenaan telah mencapai kadar pertumbuhan pinjaman bersih 10% ke atas setahun untuk sektor produktif bagi tahun 2000.
- (ii) Faedah tergantung, interest-in-suspense bagi tahun 2000 dibenarkan sebagai potongan sepenuhnya bagi tujuan pengiraan cukai institusi kewangan.
- (iii) Duti setem ke atas surat cara bagi pinjaman berterma Al-Ijarah diberi layanan-layanan yang sama dengan surat cara yang serupa di bawah perbankan konvensional.
- (iv) Instrumen perbankan Islam yang lain seperti overdraf, surat pinjaman tanpa cagaran yang pada masa ini dikenakan duti setem berkali-kali hanya dikenakan bayaran duti setem sekali sahaja.

Bagi menggalakkan penstrukturan semula korporat, adalah dicadangkan supaya semua instrumen yang terlibat dalam skim penstrukturan semula hutang

korporat diberi pengecualian duti setem. Dan apa-apa perbelanjaan berkaitan dengan skim penstrukturan semula itu diberi potongan bagi tujuan pengiraan cukai pendapatan. Galakan ini dikuatkuasakan untuk semua skim penstrukturan semula yang disahkan oleh CDRC atau Danaharta mulai 30 Oktober 1999 hingga 31 Disember 2000.

Bagi menggalakkan pembangunan industri insurans dan broker saham, 50% kerugian terkumpul syarikat insurans dan broker saham yang diambil alih dibenarkan sebagai potongan kepada entiti yang mengambil alih dalam bentuk kredit cukai dan hendaklah digunakan dalam tempoh dua tahun. Pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah diberi kepada syarikat broker saham yang bergabung mulai 30 Oktober 1999 hingga 31 Disember 2000. Bagi syarikat insurans, pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah yang telah diluluskan dilanjutkan sehingga 31 Disember 2000. Duti setem dan cukai keuntungan hartanah dikecualikan ke atas instrumen mengeluarkan sekuriti bersandarkan aset. Syarikat-syarikat modal teroka diberikan pengecualian cukai sepenuhnya ke atas semua sumber pendapatan untuk tempoh hayat dana atau 10 tahun yang mana lebih pendek. Galakan ini diberi kepada syarikat modal teroka yang melabur 70% dananya dalam aktiviti yang digalakkan kerajaan untuk membiayai di peringkat awal permulaan dan pertama.

Dan akhir sekali, yang kelima, unit amanah anjuran kerajaan persekutuan dan negeri diberi pengecualian cukai pendapatan untuk tahun tafsiran 2000 dan 2001.

Untuk memastikan lagi industri pelancongan telah dicadangkan supaya satu pengecualian cukai pendapatan yang diberi kepada syarikat pelancongan bagi mengendalikan sekurang-kurangnya 500 pelancong luar negara setahun atau 1200 pelancong domestik setahun dilanjutkan sehingga tahun 2001.

Sebagai usaha meningkatkan kesejahteraan rakyat kerajaan juga mencadangkan langkah-langkah percukaian berikut.

- (i) Pelepasan berasingan diperkenalkan untuk premium annuity sehingga RM1000 kepada pembayar cukai yang membeli annuity melalui skim annuity KWSP. Di samping itu pelepasan premium insurans pendidikan dan perubatan semasa dinaikkan kepada RM2000 kepada RM3000. Cadangan ini dikuatkuasakan mulai tahun 2000.

- (ii) Bagi perjanjian jual beli rumah yang ditandatangani pada 1 Januari 2000 hingga 31 Disember 2001 duti setem ke atas surat cara pindah milik diberi pengecualian sebanyak 100% bagi rumah yang bernilai kurang daripada RM75,000 dan pengecualian sebanyak 50% bagi rumah yang bernilai di antara RM75,000 hingga ke RM150,000.
- (iii) Duti import ke atas 43 jenis barangan makanan di mana duti importnya di antara 5% hingga 20% dihapuskan. Di samping itu duti import ke atas 136 jenis barangan makanan dikurangkan di antara 5% hingga 20% kepada di antara 2% hingga 12%. Pemansuhan dan pengurangan duti ini berkuat kuasa pada 29 Oktober 1999.
- (iv) Pengecualian cukai yang diberikan ke atas pendapatan yang diterima dari penggubahan lagu dinaikkan daripada RM12,000 ke RM20,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup langkah-langkah yang diperkenal dalam Belanjawan 2000 ini dijangka akan membawa kesan positif kepada ekonomi negara untuk membolehkannya terus berkembang pada kadar 5.8%. Di samping itu asas-asas ekonomi negara akan menjadi lebih kukuh bagi membolehkan ekonomi berkembang dengan lebih pesat pada tahun-tahun hadapan. Saya percaya negara kita akan menangani cabaran-cabaran alaf baru dengan semangat keyakinan yang tinggi berkat sokongan padu dari semua lapisan masyarakat. Marilah kita semua sama-sama berdoa semoga segala usaha kita membangunkan negara ini beroleh kejayaan dan keberkatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Abdul Aziz bin Shamsudin:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**11.32 pagi**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat menurut Peraturan Mesyuarat 6(1) saya menjemput Yang Berhormat Dato' Michael Chen untuk mempengerusikan mesyuarat.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta bagi menggunakan

sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2000 dan baki peruntukan jumlah wang itu dan apa-apa jumlah wang lain yang telah digunakan sebagai perbelanjaan untuk perkhidmatan bagi sebahagian daripada tahun ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Dato' Dr. T. Marimuthu.

### 11.33 pagi

**Dato' Dr. T. Marimuthu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang telah membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 yang begitu menggalakkan. Belanjawan ini boleh dianggap sebagai recovery dan developmental budget dengan izin. Beberapa langkah yang telah dan sedang diambil oleh kerajaan memulihkan ekonomi negara kita. Ekonomi negara kita dipulihkan dan KDNK tahun lalu telah meningkat 5.4% berbanding anggaran pertumbuhan 4.3%. Untuk tahun 2000 MIER dan juga dana kewangan antarabangsa, IMF, meramalkan daripada 6-7% pertumbuhan KDNK berdasarkan kepada pertumbuhan yang menggalakkan pada tahun yang lalu.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad atas kepimpinan beliau mengenai perkara ini. Satu langkah yang diambil oleh kerajaan ialah memperkenalkan kawalan modal berpilih-pilih dan menetapkan ringgit pada kadar RM3.80 berbanding dengan US\$1. Dana kewangan antarabangsa, IMF, dan beberapa pakar ekonomi asing mengkritik langkah penetapan pertukaran ini dan mereka berpendapat bahawa ringgit berada di bawah nilai ataupun "under valued" dan jika penetapan ini tidak disemak semula Malaysia akan menghadapi risiko ekonomi dan inflasi berlebihan akan berlaku pada tahun hadapan.

Malaysia telah membuktikan bahawa langkah-langkah yang telah diambil dalam tempoh kegawatan ekonomi telah membawa manfaat kepada negara kita. Walau bagaimanapun kita harus peka dan sedar perkembangan ekonomi di luar negara khususnya dasar kewangan antarabangsa atau "the financial architecture". Saya ingin tahu apakah pendirian kerajaan mengemi penetapan kadar pertukaran pada jangka masa sederhana dan jangka masa panjang berdasar perkembangan dalam kewangan dan proses globalisasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang telah dikemukakan dalam belanjawan ini adalah mengenai k-ekonomi. K-ekonomi yang berdasarkan pengetahuan, kita



harus bergerak daripada bergantung kepada p-ekonomi iaitu yang berasaskan daya pengeluaran. K-ekonomi akan memberi tumpuan kepada ekonomi yang berteraskan pengetahuan dan pertumbuhan di bidang-bidang baru. Laporan Bank Negara Malaysia tahun 1999 memberi satu definisi k-ekonomi iaitu k-ekonomi memberi penekanan atas penjanaan (exploitation) dan penggunaan pengetahuan untuk menghasilkan nilai baru dalam ekonomi. Tiga aspek utama dalam k-ekonomi yang diutamakan iaitu yang pertama memberi tumpuan kepada pengetahuan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi. Ini tidak terhad kepada teknologi maklumat. Yang kedua meliputi kedua-dua perubahan kualitatif dan juga kuantitatif yang menggubal struktur mode dan cara ekonomi yang beroperasi. Yang ketiga ialah firma dalam k-ekonomi memberi tumpuan kepada pelaburan dalam bidang yang tidak nyata iaitu “intangibles” seperti modal manusia, human capital, kapasiti penyelidikan pembangunan, R & D, maklumat pelanggan, barangan berjenama dan reputasi.

Untuk bergerak kepada k-ekonomi kita harus menyediakan persekitaran yang sesuai di mana tumpuan diberi khususnya atas pelaburan untuk pendidikan dan latihan. Pembelajaran seumur hidup dan mempertingkatkan kemahiran penduduk yang lebih pengetahuan dan menubuhkan satu budaya inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, satu dekad yang lalu seorang ahli sosiologi iaitu Peter Drucker telah mengemukakan konsep masyarakat berilmu ataupun “the knowledge society” di mana semua ahli *learn how to learn* dengan izin. Beliau juga mengatakan pengetahuan adalah asas ekonomi dan pengetahuan adalah kuasa, “knowledge is power”. Konsep ini menunjukkan betapa pentingnya peranan pendidikan dan latihan untuk mencapai hasrat k-ekonomi. Saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah menubuhkan satu pasukan petugas bagi mengenal pasti projek-projek yang berkualiti tinggi bercirikan k-ekonomi dan juga satu jawatankuasa pemandu untuk mengadakan pelan induk k-ekonomi. Satu aspek yang disentuh untuk perkembangan k-ekonomi adalah pelaburan dalam perkembangan tenaga manusia yang berpengetahuan yang tinggi, berkaliber, berinovatif, kreatif dan mempunyai kemahiran yang berfikir iaitu buah fikiran yang lateral dan *divergent*.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini keputusan STPM dan SPM telah diumumkan. Tahap pencapaian dalam kedua-dua peperiksaan telah meningkat dari segi kualiti dan juga dari segi kuantiti. Apa yang penting di sini ialah peninggian kualiti pencapaian oleh murid-murid kita dalam peperiksaan SPM tahun 1999.

Seramai 189 penuntut telah mendapat 10A1, dibandingkan dengan 65 penuntut pada tahun 1998. Ini menunjukkan 200 peningkatan calon-cabn mendapat Gred 10A1. Bagi peperiksaan STPM calon-cabn yang mendapat 5A telah meningkat daripada 206 calon kepada 225 penuntut pada tahun 1999. Kumpulan ini boleh dianggap sebagai intellectual capital ataupun modal manusia negara kita. Kita harus memuji mereka dan memberi galakan dan motivasi untuk meneruskan pendidikan tinggi mereka di institusi pendidikan tinggi di negara ataupun di luar negara dalam bidang-bidang yang tertentu yang diperlukan oleh k-ekonomi. Saya ingin mencadangkan bahawa semua pelajar ini sejumlah 414 diberi biasiswa cemerlang, bukan pinjaman oleh kerajaan. Saya harap Jabatan Perkhidmatan Awam akan mengkaji cadangan ini untuk perkembangan k-ekonomi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada golongan ini kita harus menumpukan ke atas golongan yang tersekat sosial ekonomi. Murid-murid daripada kawasan terpencil harus diberi keutamaan oleh kerana mereka tidak mendapat peluang untuk berkembang potensi intelek mereka dengan penuh oleh kerana sekolah-sekolah yang dihadiri oleh mereka tidak mempunyai kemudahan infrastruktur yang penuh, kekurangan bilik darjah, kerusi meja dan sebagainya. Sekolah-sekolah seperti ini diletakkan di kawasan perladangan dan pedalaman yang boleh dianggap sebagai "under achieving schools, sekolah-sekolah yang tidak mencapai potensi yang penuh dalam bidang pendidikan. Sebagai contoh 80 sekolah daripada sejumlah 512 sekolah-sekolah Tamil mencapai 0% dalam peperiksaan UPSR.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang sedang dibincang dengan hebat ialah masalah gengsterisme di sekolah-sekolah negara kita. 1/3 daripada sekolah menengah di gelar sebagai *high-risk schools* oleh kerana sekolah-sekolah ini diletakkan di kawasan yang dianggap yang tidak sesuai.

Walaupun saya setuju bahawa masalah disiplin dan delinquency telah meningkat, masalah ini boleh dibendung jika kita memberi fokus atas sebab-sebab masalah ini. Dari beberapa faktor yang menyebabkan masalah disiplin atau gengsterisme, satu faktor yang penting ialah persekitaran rumahtangga. Proses sosialisasi di rumah, sikap ibu bapa dan orientasi nilai keluarga menentukan perkembangan personaliti dan kelakuan seseorang individu. Faktor-faktor yang lain adalah pengaruh sekolah, kumpulan sebaya dan juga pengaruh komuniti.

Apa saya maksudkan di sini ialah sekolah sahaja sebagai institusi sosial tidak boleh menyelesaikan masalah ini. Kita harus mendapat kerjasama dan sokongan padu daripada ibu bapa dan masyarakat umum untuk mengawal dan membendung masalah gengsterisme ini. Tindakan polis ataupun memberi kuasa polis kepada guru besar adalah pendekatan jangka masa pendek. Kita memerlukan satu pelan tindakan jangka masa panjang di mana kita mendapat input daripada semua pihak masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, di seluruh negara kita ada beberapa sekolah yang baik di mana tidak ada ataupun kurang masalah disiplin, pencapaian akademik adalah tinggi, murid-murid mengambil bahagian dalam kegiatan kokurikulum secara aktif, motivasi murid dan guru adalah tinggi, penglibatan PIBG adalah aktif dan sebagainya. Bolehkah Kementerian Pendidikan mengenal pasti sekolah-sekolah ini iaitu “the higher achieving schools” dan membuat satu kajian terperinci sebagai case study mengenai kepimpinan guru besar, dedikasi guru, organisasi sekolah, budaya sekolah dan sebagainya dan gunakan sekolah-sekolah ini sebagai prototype untuk mengurangkan ataupun untuk membuat dasar pendidikan dan strategi-strategi untuk mengurangkan insiden disiplin ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sistem pendidikan kita menghadapi beberapa masalah, saya berpendapat bahawa sistem pendidikan negara kita adalah satu sistem yang terbaik di rantau ini untuk memenuhi hasrat dan jangkauan masyarakat majmuk Malaysia. Sistem pendidikan masa kini adalah usaha ahli-ahli politik dan ahli-ahli pendidikan menentukan satu sistem dan struktur pendidikan yang diterima oleh semua lapisan masyarakat.

Semenjak merdeka pada tahun 1957 dan dalam tahun 60-an usaha adalah untuk menyatu-padukan semua sistem vernacular kepada satu sistem dan struktur pendidikan nasional. Dalam tempoh ini juga tumpuan diberi kepada accessibility kepada sekolah iaitu kadar enrollment diberi perhatian. Proses pendemokrasian pendidikan (democratization of education) memberi peluang persamaan kepada semua golongan taraf sosial ekonomi. Enrollment dalam semua peringkat pendidikan pada tempoh ini telah meningkat. Kita telah memberi equality of treatment kepada semua murid.

Dalam dekad 70-an dan 80-an perhatian diberi atas mutu pendidikan. Ini adalah usaha ke arah persamaan pencapaian akademik ataupun equality of

achievement. Maksudnya seseorang murid harus diberi peluang untuk mencapai potensi beliau dengan sepenuhnya. Ini belum kita capai dan kita terus memberi tumpuan atas perkara ini. Dalam tahun 90-an tumpuan diberi kepada sains dan teknologi dan pada abad ke-21 perhatian diberi atas k-ekonomi berasaskan pendidikan IT dan teknologi tinggi.

Sistem pendidikan negara kita telah distrukturkan atas syor-syor daripada beberapa laporan pendidikan seperti Laporan Razak, Laporan Abdul Talib, Laporan Murad, Laporan Aziz dan Rang Undang-undang Pendidikan. Selain daripada Laporan Razak pada tahun 1956, kita tidak ada satu kajian atas sistem dan struktur pendidikan negara kita. Saya berpendapat masa sudah sampai untuk menyediakan satu laporan terperinci dan komprehensif mengenai perkembangan pendidikan negara kita.

Saya ingin bercadang kepada Kementerian Pendidikan dan kerajaan untuk menubuhkan satu Suruhanjaya Pendidikan 2000 (Education Commission 2000) dengan objektif mengkaji dan menyemak semula penyesuaian sistem pendidikan negara kita dengan kehendak negara yang berubah dengan pesat. Commission ini juga harus memikirkan bagaimana sistem pendidikan akan menghadapi cabaran-cabaran yang ditimbul daripada proses globalisasi, modenisasi dan urbanisasi. Suruhanjaya Pendidikan ini bukanlah satu 'Commission of Inquiry' tetapi satu pasukan pendidikan yang akan menyediakan satu dokumen yang boleh digunakan sebagai satu panduan untuk membuat dasar-dasar pendidikan dalam abad ke-21.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin sentuh adalah mengenai pengangguran siswazah yang kini berjumlah 39,000 graduan. Saya telah membangkitkan soalan ini di Dewan ini dan mengikut Menteri Sumber Manusia Datuk Dr. Fong Chan Onn graduan ini masih menganggur oleh kerana mereka tidak mempunyai bidang pengajian yang diperlukan oleh pasaran tenaga kerja. Mengikut Menteri Sumber Manusia juga bidang-bidang yang diperlukan oleh the market place ialah bidang komputer, kejuruteraan dan teknologi maklumat tetapi Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tan Sri Dato' Seri Musa berpendapat bahawa soal kelulusan tidak begitu relevan dengan pekerjaan oleh kerana graduan telah memberi latihan mengenai menggunakan pemikiran dan mereka boleh menjana pekerjaan sendiri dan majikan juga memberi perhatian atas sikap dan keinginan graduan itu untuk belajar.

Kedua-dua menteri adalah ahli pendidik dan mempunyai pandangan yang berbeza. Untuk menyelesaikan masalah ini, saya bercadang ataupun untuk sejauh manakah mismatch ini berlaku, kita membuat satu analisis apa yang kita katakan quick and dirty research harus dibuat atas 39,000 graduan ini. Saya juga ingin tahu tempoh menunggu mendapat kerja iaitu the waiting period untuk graduan ini untuk mendapat kerja.

Satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah gaji bulanan pekerja estet. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang telah berjanji bahawa masalah ini akan diselesaikan tidak lama lagi selepas Jawatankuasa di Universiti Malaya memberi syor-syor mereka. Golongan pekerja estet ini telah menyumbang kepada perkembangan dan pertumbuhan ekonomi negara kita dalam tempoh 100 tahun. Pada tahun 50-an dan 60-an sumbangan getah asli bagi nilai eksport negara kita adalah lebih daripada 60%. Pada tahun 1960, nilai eksport getah adalah 71%.

Pada masa kini sumbangan daripada sektor pembuatan telah meningkat dan sumbangan daripada sektor pertanian termasuk getah telah kurang. Walau bagaimanapun golongan ini masih menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan perhatian serius harus diberi oleh pihak MAPA dan kerajaan untuk menyelesaikan masalah pekerja estet untuk kesejahteraan semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya pohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Tuan Zainal Rampak.

**11.56 pagi.**

**Tuan Zainal bin Rampak:** Tuan Yang di-Pertua, dan ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian. Alhamdulillah, bersyukur saya sekali lagi ke hadrat Ilahi kerana di atas limpah kurnianya maka saya dapat bersama-sama dengan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya kasihi sekalian di Dewan yang mulia ini bagi membentangkan pandangan saya mewakili Pergerakan Kesatuan Sekerja dan pekerja amnya terhadap peruntukan Belanjawan Tahun 2000 yang telah dibentangkan kali pertama oleh Yang Berhormat Tun Dato' Daim Zainuddin, Menteri Kewangan di Dewan Rakyat pada bulan Februari kemudian Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan Dato' Dr. Haji Shafie pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum sejak dari perbahasan Belanjawan ini dimulakan di Dewan Rakyat dan sekarang kita mulakan perbahasan di Dewan Negara, beberapa pandangan terhadap Belanjawan ini telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat dan kita semua sedia maklum Belanjawan ini mengandungi faedah-faedah yang lebih mirip kepada kepentingan rakyat jelata seperti penurunan cukai pendapatan individu, penghapusan lesen TV, kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 10% mulai Januari tahun 2000, peningkatan perbelanjaan pembangunan luar bandar dan pelbagai lagi pengurangan cukai yang kami rasakan ianya dapat mengurangkan beban rakyat sambil mempertingkatkan lagi perkembangan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya bila Belanjawan ini dibentangkan dalam tahun 1999 sebelum pilihan raya umum sesetengah golongan rakyat dan beberapa organisasi menganggap ianya merupakan belanjawan pilihan raya untuk memancing undi dan selepas sahaja perbentangan ini dibuat belum sempat lagi Dewan Rakyat dan Dewan Negara membahaskannya kerajaan telah membubarkan Parlimen dan mengadakan pilihan raya umum.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat telah membuat keputusan dalam pilihan raya lepas dan keputusan ini harus diterima kerana keputusan ini adalah keputusan rakyat yang menjadi pengundi dalam negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi semenjak kita mencapai kemerdekaan tahun 1957. Keputusan rakyat Tuan Yang di-Pertua, harus dihormati oleh semua pihak.

Selepas pilihan raya ada kalangan beberapa pihak dan organisasi yang tertentu yang menyatakan bahawa perbentangan Belanjawan yang baru tidak akan lagi mencerminkan Belanjawan yang telah dibentangkan pada tahun 1999 dan segala peruntukan-peruntukan dan faedah-faedah yang akan dinikmati dalam Belanjawan tahun 1999 akan ditarik semula tetapi malangnya sekali anggapan mereka ini tidak benar. Kerajaan tetap dengan pendiriannya tidak menarik segala apa juga potongan-potongan cukai, keistimewaan perseorangan, gaji kakitangan awam dan peningkatan perbelanjaan pembangunan luar bandar seperti mana yang dikatakan oleh mereka.

Saya, Tuan Yang di-Pertua, ingin mengucapkan syabas kepada kerajaan kerana menepati janji-janjinya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara yang telah dijelaskan dalam Belanjawan tahun 2000, saya suka untuk menambah dan mengemukakan

pandangan konstruktif dan membina demi untuk memperbaiki lagi perkara-perkara yang telah baik bagi memastikan negara kita terus maju dan makmur serta mempunyai perkembangan ekonomi yang teguh.

Tuan Yang di-Pertua, isu dividen KWSP merupakan isu yang hangat selalu diperkatakan, dibincangkan oleh pekerja, majikan dan juga organisasi yang berminat terhadap perkembangan KWSP kerana KWSP adalah merupakan sebuah dana yang ditubuhkan dalam tahun 1951 dengan objektif menolong para pekerja menyimpan untuk masa tua .

Tuan Yang di-Pertua, sejak bertahun-tahun kebelakangan ini, dividen KWSP telah menurun dan ingin saya jelaskan kalau kita lihat pada tahun 1991 hingga 1994, dividen disyitiharkan sebanyak 8%, 1995 - 7.5%, 1996 menurun, 1997 menurun dan akhir sekali, kalau kita imbas kembali 1998 – 6.7% dan pada tahun 1999 – 6.84%. Dan kita memang peka dengan keadaan kegawatan yang berlaku di negara kita tiga tahun yang lepas dan penurunan dividen KWSP disebabkan kemerosotan ekonomi tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara telah pulih. Dividen tahun 1999 telah diisytiharkan sebanyak 6.84% walaupun, Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengarah KWSP telah mencadangkan lebih dari itu. Kami telah pun merayu kepada Yang t Berhormat Menteri Kewangan untuk mengisytiharkan dividen sejajar dengan keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah dan kami telah berjumpa dengan beliau pada 14 haribulan yang lepas untuk memohon kepada beliau supaya mengkaji semula pengisian dividen tersebut sejajar dengan keputusan yang telah dibuat oleh Lembaga Pengarah KWSP.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti dividen ini yang mana jika ianya diisytiharkan 9% yang diputuskan oleh Menteri Kewangan, ianya akan dirasai sama, tidak kira sama ada jumlah simpanan besar ataupun kecil. Jika simpanan orang perseorangan itu besar dari kalangan mereka yang berpendapatan tinggi, maka besarlah dividen yang diterima oleh mereka. Pada mereka yang berpendapatan rendah dan jumlah simpanan juga rendah, maka kecilah dividen yang diterima kerana pemberian dividen berasaskan jumlah simpanan individu pada penghujung tiap-tiap tahun.

Saya suka untuk mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, supaya perubahan pemberian dividen ini dibuat bagi mengatasi, bagi

memastikan yang pekerja berpendapatan rendah yang mempunyai simpanan yang kecil dapat dividen yang tinggi bagi membolehkan simpanan mereka bertambah dari tahun ke setahun terutama sekali simpanan untuk Akaun 1 iaitu pencen untuk masa tua. Justeru itu, saya mencadangkan dividen KWSP dibahagikan kepada tiga peringkat.

Peringkat pertama, simpanan kurang RM100,000 ke bawah, satu dividen yang tinggi. Simpanan di antara RM100,001 hingga RM250,000 diberi dividen kurang dari penyimpan RM100,000; dan yang ketiga, simpanan RM250,001 dan ke atas diberikan dividen kurang daripada penyimpan RM100,001 satu hingga RM250,00. Saya jangkakan cadangan ini amat adil untuk kita menolong mereka yang berpendapatan rendah mendapat dividen yang lebih tinggi sekaligus penyimpanannya juga akan bertambah pada tiap-tiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, saya juga ingin mencadangkan pindaan Akta KWSP dibuat bagi membolehkan pekerja-pekerja wanita, waktu bersara 50 tahun, mengeluarkan caruman mereka kerana kebanyakan syarikat swasta Tuan Yang di-Pertua, pekerja-pekerja wanita bersara waktu sampai umur 50 tahun. Tetapi malangnya, waktu mereka bersara, mereka tidak boleh mengeluarkan KWSP mereka kerana peuntukan yang ada dalam Akta KWSP di mana pengeluaran caruman boleh dikeluarkan apabila sampai umur 50 tahun, tidak kira jantina pekerja yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jika cadangan ini dapat dilaksanakan, maka dapatlah pekerja wanita yang bersara menggunakan simpanan KWSP mereka sama ada untuk membuat perniagaan secara kecil-kecilan, untuk menolong suami mereka dari pembayaran instalment perumahan dan juga perbelanjaan-perbelanjaan yang lain, lebih-lebih lagi ia dapat membawa faedah yang lebih baik kepada ibu tunggal untuk menjaga keluarga mereka setelah ibu tunggal tidak mempunyai suami.

Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, besar kemungkinan sama ada menteri atau timbalan menteri menyatakan, saya ahli Lembaga Pengarah KWSP, kenapa tidak perkara ini dibawa kepada Mesyuarat Lembaga Pengarah? Saya telah mengemukakan perkara ini beberapa kali dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KWSP tetapi ditolak oleh Lembaga Pengarah sebab Tuan Yang di-Pertua, jumlah wakil pekerja dalam KWSP hanyalah 5 orang menentang 18 orang yang selalunya tidak bersimpati dengan kami semua.



Tuan Yang di-Pertua, isu CPF telah menjadi isu yang paling hangat diperkatakan dalam media cetak dan elektronik termasuk perbincangan dalam Dewan Rakyat. Kenyataan-kenyataan yang telah dibuat oleh pemimpin-pemimpin negara termasuk pemimpin Kesatuan Sekerja dan MTUC yang mencerminkan bahawa kami semua memohon supaya isu CPF ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin.

Dalam surat saya kepada Mr. Goh Chok Tong, Perdana Menteri Singapore pada 17 Januari 2000, bagi meminta beliau meminda CPF Ordinance Singapore, dengan izin, bagi mengeluarkan isu CPF daripada pakej perundingan di antara kedua-kedua pemimpin negara dan mendesak isu ini hendaklah diselesaikan secepat mungkin yang boleh bagi membolehkan pekerja-pekerja Semenanjung Malaysia yang bekerja di Singapore yang dianggarkan berjumlah 60,000 pada setiap masa, mengeluarkan wang simpanan CPF mereka bila mana telah menamatkan perkhidmatan mereka di Singapore.

Jawapan yang diberikan oleh Perdana Menteri Singapore pada 1 Februari 2000, katanya, "Isu CPF ini tertakluk kepada pakej perundingan di antara kedua-dua pemimpin negara dan terpulang kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad mengemukakan cadangan untuk menarik isu CPF ini dari dimasukkan ke dalam pakej perundingan" dan surat tersebut mengatakan, perundingan tersebut masih lagi berjalan dan terpulanglah kepada Kerajaan Malaysia untuk menetapkan satu tarikh baru untuk perundingan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu menyentuh lebih panjang perkara ini. Apa yang saya harapkan perkara ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Kerajaan Singapore hendaklah ikhlas dalam perkara ini dan memahami bahawa isu wang simpanan CPF adalah hak kaum pekerja Malaysia dan sebagai sebuah negara yang berlainan daripada kita, Singapore tidak berhak menahan pekerja Malaysia mengeluarkan wang simpanan mereka. Sepatutnya Kerajaan Singapore membuat pindaan dan meluluskan pengeluaran CPF ini sebelum didesak oleh kita semua.

Bila mana Singapore keluar dari Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1965, sepatutnya isu simpanan CPF pekerja-pekerja Malaysia juga turut dipisahkan. Saya tidak tahu mengapa Kerajaan Singapore mengamalkan sikap *double standard*, dengan izin. Satu, pekerja-pekerja Malaysia dari Sabah dan Sarawak boleh mengeluarkan simpanan mereka tetapi tidak pula kepada pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana isu CLOB, telah diselesaikan dengan begitu baik, maka sepatutnya lah kerajaan Singapore, Tuan Yang di-Pertua, membalas budi kepada keikhlasan Kerajaan Malaysia menyelesaikan isu ini. Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Singapore kurang prihatin terhadap keikhlasan negara kita menangani isu-isu yang dihadapi oleh kedua-dua negara. Sifat-sifat jiran yang baik dan memahami antara satu dengan lain, tidak diamalkan oleh Kerajaan Singapore.

Isu CPF bukanlah isu politik tetapi isu hak asasi manusia dan Kerajaan Singapore harus memandang berat atas perkara ini dan Kerajaan Malaysia pula harus mendesak Kerajaan Singapore menyelesaikan perkara ini dengan segera tanpa berdolak-dalih dan menggunakan isu-isu lain untuk mengikat perkara ini diselesaikan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira saya gagal menjalankan tugas saya sebagai Presiden MTUC jika sekiranya saya tidak menyentuh sedikit sebanyak terhadap Kementerian Sumber Manusia iaitu kementerian yang paling rapat dengan tugas saya dan pergerakan Kesatuan Sekerja, khususnya. Apa yang hendak saya perkatakan, Tuan Yang di-Pertua, ialah satu teguran yang membina dan ia tidak harus dianggap sebagai kritikan negatif. Saya telah memperkatakan dalam sidang yang lepas, sepatutnya Kementerian Sumber Manusia harus *at par* dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa (MITI) kerana kedua-duanya memainkan peranan yang sama penting, satu menarik pelabur asing dan yang satu lagi menjaga keharmonian perhubungan perusahaan dalam negara ini.

Pegawai-pegawai kementerian khususnya dari Jabatan Perhubungan Perusahaan haruslah diberikan latihan dan menghadiri kursus-kursus dalam bidang perhubungan perusahaan sama ada dalam negeri ataupun luar negeri bagi menambah pengetahuan dan pengalaman mereka, bagi membolehkan mereka menjalankan tugas lebih produktif dan menyelesaikan masalah-masalah perhubungan perusahaan di peringkat perundingan *consolation* Kementerian Sumber Manusia seperti pemuangan kerja, perjanjian bersama dan pertikaian perhubungan perusahaan

Pegawai-pegawai ini harus mempunyai keupayaan menyelesaikan masalah-masalah ini di peringkat kementerian itu sendiri. Saya juga ingin menegaskan bahawa tidak dapat dinafikan kedapatan juga pegawai-pegawai yang mempunyai keupayaan dan pengalaman serta berdedikasi menyelesaikan masalah pertikaian perusahaan yang dirujuk kepada kementerian tetapi pegawai-pegawai ini harus juga diberikan

latihan yang lebih mendalam bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan penuh minat.

Dengan hal yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, ianya akan dapat memberikan perkhidmatan dalam kariernya, demi mewujudkan keharmonian perhubungan perusahaan dalam negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya juga pernah melalui inisiatif saya sendiri, menghantar seorang pegawai dari Kementerian Sumber Manusia untuk berlatih di luar negeri. Usaha ini saya akan teruskan untuk membantu kementerian bagi memastikan pegawai-pegawainya mempunyai pengalaman yang cukup dalam menghadapi isu-isu semasa, isu-isu perhubungan perusahaan dalam negara kita.

Saya suka mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam isu-isu pertikaian perhubungan perusahaan, Kementerian Sumber Manusia harus mencari satu formula baru di mana Akta Perhubungan Perusahaan dipinda, maknanya diwujudkan tiga peringkat tindakan ke arah penyelesaian, khususnya isu-isu pembuangan kerja. Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini, saya suka mencadangkan pertama sekali isu pembuangan kerja haruslah diselesaikan dalam masa tiga bulan dari tarikh tersebut tamat atau diberhentikan kerja.

Tindakan pertama ialah perundingan terus di antara kesatuan dengan majikan. Jika ada kesatuan, ianya hendaklah diselesaikan dalam masa sebulan dan jika tidak selesai, langkah kedua, perundingan di Jabatan Perhubungan Perusahaan hendaklah juga diselesaikan dalam masa sebulan iaitu bulan kedua. Jika gagal mencapai penyelesaian, hendaklah dirujuk ke mahkamah secara automatik tanpa rujukan menteri dan mahkamah juga hendaklah menyelesaikan perkara ini dalam masa sebulan. Kalau tidak silap, Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini pun telah kami kemukakan dan telah juga dikemukakan oleh beberapa ahli profesional bagi memastikan perkara pembuangan kerja ini dapat diselesaikan.

Kita semua sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, kadang kala pembuangan kerja bila dirujuk pergi mahkamah perusahaan memakan masa dua ataupun tiga tahun. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dengan lain perkataan, proses penyelesaian ini dari perundingan pertama, perundingan kedua di peringkat kementerian sehingga ke Mahkamah Perusahaan hendaklah diselesaikan dalam masa tiga bulan. Dengan perubahan-perubahan ini, ianya bukan sahaja dapat menolong pekerja menyelesaikan kes-kes mereka dengan cepat, sama ada ia balik semula bekerja atau sebaliknya dan

dalam masa yang sama menolong majikan tidak mengisi kekosongan tersebut sehingga keputusan dapat dibuat dalam masa tiga bulan oleh Mahkamah Perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan saya ini berasaskan pengalaman saya dalam isu pertikaian perhubungan perusahaan khususnya bersabit pembuangan kerja yang mana jumlahnya telah bertambah. Kalau dua tiga tahun dulu jumlah pembuangan kerja dikendalikan di bawah Seksyen 2, Akta Perhubungan Perusahaan sejumlah lebih dari 100,000 kes, hari ini jumlahnya meningkat tiga kali ganda. Tetapi pegawai yang mengendalikan kes ini walaupun ada penambahan tetapi jumlahnya masih lagi kurang daripada yang harus diwujudkan.

Kadangkala seseorang pegawai terpaksa mengendalikan empat kes dalam satu hari dan beliau tidak mempunyai masa yang cukup untuk membuat laporan tiap-tiap kes sama ada untuk dirujuk ke mahkamah ataupun tidak oleh merteri di bawah Seksyen 26(2), Akta Perhubungan Perusahaan di Mahkamah Perusahaan. Justeru itu, saya mencadangkan pegawai-pegawai Jabatan Perhubungan Perusahaan ditambah dan saya juga berharap Kementerian Sumber Manusia membuka pejabat-pejabat Jabatan Perhubungan Perusahaan di Sabah dan Sarawak dan saya telah diberitahu tiga hari yang lepas bahawa kementerian sedang mengambil tindakan atas perkara ini. Walaupun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk menegaskan di sini sekali lagi supaya pejabat-pejabat Perhubungan Perusahaan dibuka di Sabah dan Sarawak dengan secepat mungkin yang boleh.

Dalam perkara ini saya juga ingin membangkitkan soal pengiktirafan kesatuan oleh majikan terhadap sesebuah kesatuan sekerja. Kedapatan kes-kes kelambatan pengiktirafan, keengganan pihak majikan mengiktiraf kesatuan dengan alasan-alasan yang tidak munasabah walaupun keputusan pemeriksaan keahlian yang dibuat oleh Jabatan Kesatuan Sekerja telah diperolehi di mana majoriti pekerja di sesebuah syarikat telah menganggotai kesatuan. Keengganan pihak majikan mengiktiraf kesatuan kadangkala telah berpanjangan begitu lama. Tujuan majikan berbuat demikian, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk di'moralize'. Pekerja terus menjadi ahli dan menyokong kesatuan. Inilah tujuan syarikat yang sebenarnya. Tindak tanduk majikan ini sangatlah membimbangkan kerana ianya akan mengeruh dan menjejaskan keharmonian perhubungan perusahaan yang telah kita nikmati selama ini. Jika sekiranya ianya dibiarkan berpanjangan tanpa tindakan-tindakan yang positif

dalam bentuk undang-undang, saya yakin keharmonian perhubungan perusahaan akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun dalam situasi sekali yang berlaku dalam kes-kes yang demikian terdapat kuasa menteri dalam Seksyen 9 Akta Perhubungan Perusahaan di mana kadangkala, Tuan Yang di-Pertua, perintah Menteri Sumber Manusia bagi majikan mengiktiraf kesatuan selalunya dipersoalkan oleh majikan di mahkamah di negara ini. Oleh itu, saya mencadangkan satu kaedah baru berbentuk undang-undang harus diwujudkan dan saya ingin menjelaskan bahawa cadangan telah dibuat meminda Akta yang berkenaan iaitu mewujudkan pengiktirafan secara automatik setelah keputusan pengesahan ahli dibuat, jumlah majoriti telah diperolehi. Pindaan ini telah pun diluluskan oleh Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan tiga tahun yang lepas tetapi tidak dikemukakan sebagai satu undang-undang untuk tindakan kedua-dua Dewan.

Saya mencadangkan kementerian mengambil satu tindakan segera terhadap pindaan ini dan dalam masa yang sama pegawai-pegawai kementerian yang mengendalikan pengiktirafan ini harus tegas di mana mereka harus memastikan kehendak perbekalan dalam Akta Perhubungan Perusahaan dipatuhi oleh majikan dalam jangka yang ditentukan oleh Akta Perhubungan Perusahaan dan jika gagal tindakan perlaksanaannya harus dibuat tanpa mengira rayuan yang tidak munasabah oleh majikan dengan niat untuk melambat-lambatkan terselesainya isu pengiktirafan. Pegawai Kementerian Sumber Manusia harus pegang kepada Akta Perhubungan Perusahaan di dalam kerja karier mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya ingin membawa perhatian Kementerian Sumber Manusia iaitu tujuan Kementerian Sumber Manusia menganugerahkan majikan contoh pada Hari Buruh yang disambut secara tripartite dianjurkan oleh kementerian adalah memang baik, tapi saya ingin mengingatkan kementerian supaya berhati-hati memilih majikan contoh kerana dari pengalaman saya 3, 4 tahun yang lepas sejak dari anugerah ini diperkenalkan di mana majikan contoh diberikan kepada syarikat-syarikat yang anti kepada kesatuan dan terdapat juga majikan ini mengambil tindakan mahkamah terhadap perintah Menteri Sumber Manusia. Saya berharap perayaan Hari Buruh pada tahun ini, Tuan Yang di-Pertua, kementerian tidak lagi memilih majikan-majikan sedemikian untuk dijadikan majikan contoh. Apa gunanya menjadi majikan contoh kalau mereka bertindak mengambil

tindakan menteri dan perintah menteri tidak dipatuhi dan menyeret perintah tersebut ke Mahkamah Perusahaan sehingga berpanjangan.

Dalam Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Daim dan juga Timbalan Menteri Kewangan telah menyampaikan keputusan kerajaan memberi kenaikan gaji 10% kepada kakitangan awam. Pembayaran sebulan bonus tidak kurang dari RM1,000 dan juga dinaikkan pencen kakitangan awam yang telah bersara. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana prihatinnya terhadap kakitangan awam. Bagaimana pula dengan peranan yang harus dimainkan oleh Kementerian Sumber Manusia terhadap kakitangan swasta? Sepatutnya Menteri Sumber Manusia harus mengingatkan majikan negara ini prihatin terhadap masalah kaum pekerja swasta dengan mencadangkan:

- (i) tidak mengambil tindakan membuang kerja atau menutup syarikat mereka tanpa sebab-sebab yang tertentu;
- (ii) membuat pembayaran gaji dan bonus seimbang dengan keuntungan yang diperolehi oleh syarikat;
- (iii) menjalin perhubungan yang baik di antara kesatuan dan majikan bagi menjalinkan keharmonian perhubungan perusahaan, salah satu daripada kejayaan dan perkembangan ekonomi negara; dan
- (iv) syarikat adalah digesa membayar semula potongan gaji pekerja yang telah dipotong waktu kegawatan pada tahun 1997, 1998 dan awal 1999. Kerajaan harus memantau majikan-majikan yang tidak membayar kembali gaji pekerja yang dipotong di waktu kegawatan yang berlaku lepas. Sepatutnyalah syarikat harus telus waktu di mana kegawatan pekerja telah berkorban dan pengorbanan ini harus dijaga dan potongan gaji mereka harus dipulangkan semula kepada pekerja yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mendengar kenyataan Yang Berhormat Menteri Sumber Manusia yang mencadangkan Perkeso boleh memberi pinjaman perumahan kepada pencarum dan pekerja. Cadangan untuk memberi pinjaman perumahan kepada pekerja adalah satu cadangan yang baik tetapi Tuan Yang di-Pertua, menggunakan kumpulan wang Perkeso adalah sesuatu yang janggal kerana ianya bertentangan dengan konsep Perkeso itu sendiri.

Saya tidak bersetuju dengan pinjaman perumahan yang dibuat melalui dana Perkeso. Perkeso ditubuhkan dengan matlamat memberi bantuan kewangan waktu pekerja ditimpa kemalangan, mengadakan pembayaran perubatan, mengadakan peralatan kaki palsu, melatih mereka yang cacat anggota untuk menjadi pekerja mahir, mengadakan pembayaran ilat dan pencen kepada balu dan anak pekerja yang menjadi mangsa kemalangan waktu bekerja. Mengapa tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita memikirkan di sebalik memberi pinjaman perumahan, mengapa tidak kita menambah pembayaran pencen ilat, menambah pembayaran pampasan waktu sakit dan juga pencen untuk balu dan anak-anak pekerja yang meninggal dunia, ini lebih baik dan lebih menguntungkan pekerja itu sendiri. Saya yakin jika sekiranya Kementerian dapat menimbang perkara ini, ianya akan disambut baik oleh para pekerja terutama mereka yang ditimpa kemalangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang begitu gigih menarik pelabur-pelabur asing datang ke negara ini untuk membuat pelaburan, dengan itu ia akan dapat memperbanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan di kalangan pemuda pemudi, baik lepasan sekolah rendah, menengah ataupun IPT. Rombongan pendaratan pelaburan asing ke luar negeri dengan jemputan kerajaan turut disetujui oleh wakil-wakil kesatuan sekerja. Tujuannya untuk menolong kerajaan menerangkan situasi perburuhan dan keharmonian perhubungan perusahaan dalam negara kita. Saya berharap usaha-usaha bersama ini harus diteruskan.

Dalam masa yang sama, Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dapat mengingatkan kepada pelabur-pelabur asing terhadap kebudayaan adat resam negara kita serta menekankan mereka harus mempunyai tanggungjawab sosial kepada pekerja-pekerjanya selain daripada mengiktiraf kesatuan sebagai rakan kongsi dalam usahawan. Menberi pembayaran gaji yang selaras dengan kos sara hidup negara ini dan juga mempunyai dasar profit sharing oriented, dengan izin, dan mereka juga harus melatih pekerja-pekerja tempatan menjadikan mereka sebagai pekerja mahir. Tidak dapat dinafikan kedapatan setengah syarikat mempunyai sikap yang saya nyatakan tetapi masih banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua, golongan besar majikan-majikan ini sikap mereka tidak ubah seperti kata perumpamaan Melayu 'kumbang dengan madu'. Mereka datang untuk mengaut keuntungan tanpa mengambil kepentingan pekerja dan selepas

itu meninggalkan negara ini dengan berbagai-bagai sebab yang tidak munasabah, selepas itu pergerakan kesatuan sekerja dituduh tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, sejak saya dilantik menjadi ahli Dewan yang mulia ini, setiap kali perbincangan, kita selalu membangkitkan rasa bangga kita terhadap perkhidmatan Angkatan Tentera dan Polis yang menjaga keamanan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira kata-kata pujian sahaja tidak dapat memberikan penilaian terhadap perkhidmatan anggota-anggota keselamatan yang sentiasa berkhidmat demi keselamatan rakyat dan negara ini. Oleh kerana itu, saya ingin mencadangkan supaya Dewan yang mulia ini dan kerajaan khususnya menimbang kenaikan gaji yang sewajarnya kepada mereka supaya produktiviti perkhidmatan mereka terus meningkat dan mereka tidak mempunyai kebimbangan terhadap masa depan mereka dengan pendapatan dan gaji yang dapat menyara keluarga mereka. Inilah harapan saya dan inilah harapan anggota keselamatan kepada kita semua supaya menyokong tuntutan mereka, menyokong nasib mereka. Jika sekiranya kita dapat lakukan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya percaya harapan mereka, saya percaya perkhidmatan mereka dalam bidang keselamatan, menjaga keselamatan rakyat dan negara ini akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua sambil kita memperkatakan pendapatan dan gaji Angkatan Tentera dan Polis, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada satu isu lain iaitu umur persaraan Angkatan Tentera yang diletakkan di bawah perkhidmatan kontrak. Kebanyakan mereka yang berpangkat rendah harus menamatkan kontraknya waktu umur masih muda di antara 30 hingga 35 tahun. Bila mana golongan ini diberhentikan, mereka tidak mempunyai pencen dan umur pertengahan ini memanglah susah untuk mereka menyesuaikan diri untuk mendapatkan kerja dalam syarikat-syarikat perkilangan ataupun sektor perdagangan yang lain. Saya juga percaya umur pertengahan ini tidak akan menjadi pilihan kepada majikan kerana majikan lebih berminat pekerja yang lebih muda daripada mereka. Oleh itu saya ingin mencadangkan dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua:

- (i) umur bersara anggota Angkatan Tentera yang berkhidmat secara kontrak dilanjutkan sehingga 50 tahun;
- (ii) sebelum mereka bersara, sewaktu masih lagi di dalam perkhidmatan, mereka harus diberikan latihan kemahiran



perindustrian bagi membolehkan mereka bekerja dalam sektor perindustrian ataupun bekerja sendiri; dan

- (iii) jika kerajaan tidak dapat menimbangkan perkara ini, melanjutkan perkhidmatan kontrak mereka, mereka ini hendaklah diserapkan dalam perhidmatan polis yang berpencen dalam negara kita. Saya yakin ini akan dapat menolong mereka dalam meneruskan kehidupan dan karier mereka untuk menyara keluarga mereka di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, umur persaraan adalah satu daripada isu yang telah saya bangkitkan di masa yang lepas dalam sidang yang mulia ini. Sebelum pilihan raya, kita semua telah diberitahu secara tidak rasmi kerajaan bersetuju pada dasarnya untuk melanjutkan umur persaraan daripada 55 tahun ke 58 tahun. Selepas pilihan raya kita tidak mendengar apa-apa berita pun. Saya ingin mengetahui daripada Perdana Menteri terhadap perkembangan perkara ini kerana banyak kakitangan awam yang aktif, produktif, berpengalaman, mempunyai kemahiran dan sanggup untuk berkhidmat dan menabur budi untuk bangsa dan negara telah dan akan ditamatkan perkhidmatan mereka. Alangkah ruginya negara kehilangan mereka ini malahan kesengsaraan yang paling dirasai oleh mereka ini tidak mempunyai pekerjaan untuk meneruskan kehidupan dan menanggung keluarga mereka terutama sekali mereka yang berpendapatan rendah, supporting group atau golongan sokongan.

Kebanyakan dari mereka ini, Tuan Yang di-Pertua, ialah dari kumpulan sokongan. Kumpulan sokongan inilah yang selalunya menyokong kerajaan dan mengharapkan kerajaan sahajalah yang dapat menolong mereka. Saya berharap kerajaan akan membuat keputusan dan seterusnya membuat kenyataan terhadap lanjutan umur bersara dengan secepat mungkin kerana mereka tertunggu-tunggu kenyataan yang menggembirakan ini. Jika sekiranya kerajaan mengambil keputusan melanjutkan umur persaraan, Tuan Yang di-Pertua, sama ada genap 58 ataupun 60 ianya harus secara automatik dan bukan terletak kepada sokongan ataupun rekomendasi daripada ketua-ketua jabatan kerana jika sekiranya berlaku sedemikian sudah barang tentu wujudnya, Tuan Yang di-Pertua, pilih kasih seperti mana kenaikan gaji termaktub dalam Sistem Saraan Baru ataupun SSB.

Sambil itu saya juga mencadangkan optional retirement age, dengan izin, kekal 50 tahun untuk mereka membuat pilihan sama ada bersara awal ataupun meneruskan perkhidmatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Program Buku Hijau, tidak ada siapa yang dapat menjangka, malahan penjajahan Inggeris sendiri waktu mereka menakluk dan menjajah negara kita dan selepas peninggalannya bahawa negara kita menjadi negara perindustrian. Realitinya telah dapat kita lihat, idaman pemimpin-pemimpin negara termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjadi negara kita negara perindustrian baru atau dengan izin, newly industrial country, telah sampai ke ambang matlamat tersebut.

Saya dan pekerja sendiri merasa bangga terhadap pencapaian ini, di samping itu kita harus mempertingkatkan lagi kualiti hidup rakyat jelata dan kaum pekerja seiring dengan perkembangannya. Dengan ini, usaha untuk mengurang dan menghapuskan jurang kemiskinan juga harus menjadi kenyataan. Dalam perkara ini sukalah saya membawa kembali pandangan Dewan terhadap ilham yang diutarakan oleh bekas Perdana Menteri kedua negara kita iaitu Almarhum Tun Abdul Razak iaitu Program Buku Hijau. Dasar ini semakin hari semakin kita lupai.

Negara Jepun, Thailand dan juga Taiwan walaupun bergerak ke arah matlamat menjadikan sebahagian perkembangan ekonomi ke arah pengeluaran perindustrian, namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, mereka telah menoleh ke belakang dan menghidupkan semula, dengan izin, agro based industry. Industri pertanian adalah satu-satunya industri yang stabil kerana demand dan supply sentiasa berada di pasaran tidak seperti stock market kalau jatuh menjunam terus ke bawah dan merugikan negara.

Saya telah mendengar rancangan-rancangan yang telah disusun oleh Menteri Pertanian yang baru untuk menjadi sektor pertanian sebagai satu sektor yang mampu menampung keperluan makanan negara, syabas saya ucapkan kepada beliau. Kita berharap beliau akan terus berusaha kalau boleh saya guna perkataan, without fear or favour, dengan izin, menggerakkan Dasar Pertanian Negara seperti mana yang telah dirancangan.

Tuan Yang di-Pertua, Tanjong Karang suatu ketika dahulu dianggap sebagai kawasan jelapang padi, begitu juga di Kedah. Pengeluaran beras negara mencukupi 70% keperluan negara dan hanya 30% diimport tetapi sekarang sudah terbalik. 30%

pengeluaran negara dan 70% di import. Sesuatu kajian harus dibuat mengapa keadaan sedemikian telah berlaku, adakah disebabkan faktor-faktor seperti kurang minat rakyat mengerjakan sawah padi, faktor air yang tidak mencukupi, harga padi yang rendah, kawasan digunakan untuk mendirikan kawasan perumahan atau kilang, segala faktor ini harus dikaji dan kerajaan negeri adalah diminta bekerjasama bagi memastikan Dasar Pertanian Negara mencapai matlamatnya. Dan kita harus mengurangkan pergantungan kita kepada barang-barang makanan di import dari luar negeri dan dengan sekali gus ianya akan dapat mengelakkan pengaliran keluar mata wang negara.

Negara kita tanah yang begitu subur, cukup dengan penurunan air hujan yang dikurniakan oleh Allah S.W.T. Kita juga boleh menghasilkan tanaman lain seperti dalam matlamat Buku Hijau dan juga pengeluaran barang makanan haiwan ternakan untuk keperluan negara kita. Jika sekiranya kementerian terus bertindak, saya percaya kita boleh menjadi pengeksport satu masa kelak barang makanan untuk rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari itu saya menyeru Kementerian Pertanian mengkaji semula Buku Hijau yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak dalam Dasar Pertanian Negara yang baru dan rancangan dibuat dan dirancang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan lebuh raya dan tol menjadi perbincangan yang begitu hangat. Saya menyokong usaha-usaha kerajaan untuk terus membangun negara ini dari segi infrastruktur, jalan yang lebih baik dan membina lebuh raya utara dan selatan, timur dan barat bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga rancangan membina lebuh raya di Sabah dan Sarawak juga ada diwujudkan.

Pungutan tol merupakan satu isu yang begitu kontroversi. Pada umumnya rakyat tidak menentang pembangunan dan pungutan tol adalah satu-satunya untuk membiayai pembinaan dan pengendalian lebuh raya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi apa yang hendak saya perkatakan, pembayaran tol ini tidaklah seharusnya begitu tinggi dan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah sehinggakan dalam satu perjalanan harga tol lebih mahal daripada harga minyak, maka itulah sebabnya rakyat memilih menggunakan jalan biasa dari menggunakan lebuh raya dan akhirnya statistik kemalangan maut lebih banyak

berlaku di jalan-jalan biasa. Walaupun kerajaan berkali-kali mengatakan bahawa tol negara kita adalah lebih rendah dari negara-negara lain, tetapi jika dibandingkan pula dengan pendapatan pekerja, saya kira pendapatan rakyat negara ini tidak seperti pendapatan rakyat negara-negara perindustrian yang mempunyai banyak lebuh raya dan tol seperti Korea Selatan, Jepun, Amerika Syarikat dan negara-negara Eropah yang lain di mana mereka mampu untuk membayar tol berasaskan kepada pendapatan mereka.

Dengan itu, saya ingin memohon kerajaan supaya menimbangkan kepentingan rakyat yang berpendapatan rendah jika pembayaran tol rendah, maka sudah barang tentu rakyat negara ini akan menggunakan hari kelepasan am cuti hujung minggu dua Sabtu bagi kakitangan awam untuk melancong dalam negeri akan menjadi kenyataan dan akan dapat menggalakkan lagi sektor pelancongan negara kita.

Saya berharap kedua-dua Kementerian Kerja Raya dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan akan berbincang perkara ini kalau pun Kementerian Kerja Raya tidak mahu menemui kami semua, saya pernah menulis surat kepada Kementerian Kerja Raya tetapi tidak ada jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap bila mana konsesi dengan syarikat-syarikat membina lebuh raya tamat, saya berharap perjanjian konsesi ini tidak akan diperbaharui dan kerajaan hendaklah mengambil semula pungutan-pungutan tol tersebut sambil kerajaan boleh mengurangkan kadar pembayaran tol. Pungutan daripada pendapatan ini boleh digunakan untuk membiayai projek-projek infrastruktur kerajaan seperti hospital, sekolah dan perkhidmatan masyarakat luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, satu hari kelak kita semua akan bersara. Persaraan warga tua haruslah menjadi salah satu agenda dalam membina masyarakat penyayang, kita pun tidak tahu sama ada generasi muda akan datang, akan meneruskan budaya penyayang terhadap ibu bapa mereka, wallahu'alam.

Justeru itu, kita harus membuat persediaan untuk warga tua memasuki alaf baru mereka supaya mereka tidak tersisih dari meneruskan kehidupan mereka dan tidak pula membebankan negara ini. Dari itu, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya warga tua yang saya anggap warga berusia emas, atau lebih dikenali dengan izin, senior people atau senior citizen diberikan keistimewaan iaitu dengan mewujudkan satu senior citizen smart card dengan izin, atau kad pintar warga usia emas. Dengan kad pintar ini, mereka boleh mendapatkan faedah-faedah seperti

membayar bukan sahaja tambang kapal terbang separuh harga tetapi juga tempat-tempat penginapan bila mana mereka melancong, makan di restoran-restoran dan juga membeli barang-barang keperluan yang lain. Jadi, mereka tidak akan berfikir mereka telah tersisih dari menikmati arus pembangunan dan mempunyai perasaan seperti juga warga muda yang masih lagi cergas bergerak dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pencen kakitangan awam. Sambil itu, saya juga ingin menggesa kerajaan menaikkan pembayaran kadar pencen dari kalangan kakitangan awam di mana kita tahu, hari ini, kebanyakan golongan sokongan ini menerima pencen kurang dari RM300 sebulan. Walaupun kerajaan telah berusaha menaikkan menjadikan 10% bersama juga dengan kenaikan gaji yang telah disiarkan bagi kakitangan lain, namun demikian, masih lagi jauh ketinggalan.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan, supaya pencen kakitangan awam terutama sekali dari kalangan golongan sokongan dinaikkan menjadi paling rendah RM500 sebulan, jika ini dapat diwujudkan, saya percaya kita akan dapat menolong mereka dan saya juga percaya mereka telah berkhidmat kepada negara, telah berkhidmat kepada kerajaan tanpa mengira penat dan lelah mereka dan seharusnya bila mana mereka pencen, bersara, segala perkhidmatan mereka ini harus dikenang oleh kita, bukan sahaja dengan pujian dan selalu saya menitikberatkan bukan sahaja dengan pujian, tetapi kita harus memberikannya dengan materialistik. Materialistiklah sesuatu yang berkekalan yang akan dikenang oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pandangan dan cadangan yang telah saya kemukakan serta kritik-kritik yang membina saya nyatakan tadi, saya berharap kritik-kritik ini merupakan kritik-kritik yang dapat memberi bantuan kepada kerajaan dan saya tidak mahu beranggapan bahawa segala kritik-kritik saya ini merupakan kritik-kritik yang tidak membina tetapi merupakan kritik yang saya anggap membina yang akan dapat menolong dan suara yang telah saya luahkan ini adalah suara di kalangan pekerja-pekerja dan juga kalangan mereka yang selalu meluahkan perasaan kepada saya untuk ditunjukkan kepada kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya menyokong Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim.

**12.43 tgh.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Tuan Yang diPertua, terima kasih kerana memberi laluan kepada saya setelah saya melihat belum ada lagi kawan-kawan untuk turut berbahas Belanjawan 2000 walaupun dalam keadaan suara saya yang agak lemah.

Pertamanya saya membawa suatu ayat yang mana Allah menyatakan “*Dialah Allah yang telah menjadikan kamu dari bumi dan kamulah pemakmur segala isi kandungannya kerana itulah mohonlah keampunan dan bertaubat kepadaNya, sesungguhnya Tuhanku sangat dekat rahmatNya dan memperkenankan hambaNya.*”

Tuan Yang diPertua, saya ingin menyentuh mengenai hak pengguna. Dalam membangunkan setiap aktiviti di atas bumi ini, manusia tidak dapat lari dari menjaga tiga bentuk hubungan, ketiga-tiga hubungan tersebut adalah hubungan manusia dengan penciptanya, hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan alam sekitar.

Di sini suka saya menyentuh hubungan manusia dengan manusia iaitu dari sudut hak rakyat sebagai pengguna ataupun hubungan pengguna dengan peniaga. Peniaga, contohnya tidak boleh menaikkan harga sewenang-wenangnya kerana mereka perlu menjaga hubungan yang baik dengan pelanggan atau pengguna produk ataupun perkhidmatan mereka. Pengguna pula mestilah bijak membuat pemilihan sebelum membuat pembelian, andai kata berlaku kenaikan harga tanpa batas atau isu yang menyentuh pengguna, maka akan berlakulah tindakan boikot daripada pihak pengguna dan sebagainya.

Sebagai pengguna, rakyat mestilah sentiasa peka serta memahami hak-hak mereka sebagai pengguna, usaha-usaha perlulah dibuat oleh pihak yang berkenaan bagi meningkatkan lagi kesedaran pengguna terhadap hak dan tanggungjawab mereka. Sebagai kerajaan yang menggubal undang-undang dan bertanggungjawab ke atas rakyat, kepentingan pengguna merupakan satu aspek yang tidak dapat diketepikan, lebih-lebih lagi di zaman serba maju dan moden ini.

Tuan Yang diPertua, satu ketika dahulu, kerajaan telah menghantar sejumlah besar pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara untuk menimba ilmu dan pengalaman, implikasinya di negara ini wujud satu golongan masyarakat yang berilmu dan berpendidikan (educated), dengan izin. Hal ini menjadikan negara terus berkembang maju dalam setiap pembangunan.

Dalam mengharungi arus pembangunan yang pesat ini apa yang mendukacitakan adalah terdapat hal-hal yang masih belum mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kerajaan. Antaranya adalah penjagaan hak dan kepentingan pengguna yang mana masih berada di tahap minimum. Kalau ada pun usaha ke arah itu ianya selalu dipelopori oleh NGO ataupun persatuan pengguna, apa yang dapat kita perhatikan tumpuan kerajaan terhadap isu yang membabitkan hak pengguna tidak selari dan tidak setimpal dengan urusan pembangunan yang kita hadapi sekarang.

Di negara maju seperti Amerika Syarikat contohnya amat prihatin dan sentiasa menjaga kepentingan pengguna. Banyak akta yang digubal melindungi pengguna, contohnya jika pengguna tidak berpuas hati dalam sesuatu produk yang tidak dibeli mereka boleh memulangkan produk tersebut dengan jaminan pulangan wang selama sebulan tanpa disoal oleh peniaga. Mengikut adat resam perniagaan, menanggung risiko adalah di pihak peniaga dan bukan pengguna. Dengan ini dari apa yang diutarakan di atas tadi saya ingin mencadangkan supaya kajian yang lebih terperinci dan lebih serius dapat dijalankan bagi mewujudkan undang-undang yang lebih ketat dalam melindungi pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, dalam surah Al-Baqarah, Allah mengingatkan kita di maksudnya *“Janganlah kamu makan harta di kalangan kamu melalui cara yang bathil dan janganlah kami membawa urusan tersebut kepada hakim bagi membolehkan kamu memakan harta orang secara berdosa padahal kamu mengetahuinya.”*

Sehubungan dengan isu kepenggunaan yang diutarakan tadi, suka saya menyentuh perkara berkaitan dengan isu hubungan antara pembeli dan pemaju projek perumahan. Saban hari kita mendengar aduan demi aduan dari pembeli rumah terhadap pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab antaranya ada yang merungut, rumah mereka tidak disiapkan pada jangka waktu yang ditetapkan. Ada yang merungut, rumah mereka tidak mengikut spesifikasi seperti yang dijanjikan. Terdapat juga projek rumah mereka terus terbiar dan terbengkalai kerana pemaju melarikan diri dan akibatnya pembeli terpaksa menanggung kos dan faedah yang tinggi bagi membiayai kos pinjaman yang telah ditandatangani.

Tuan Yang di-Pertua, rumah merupakan keperluan asas manusia dan kos sebuah rumah bukanlah satu jumlah yang kecil. Untuk membeli sebuah rumah yang

berharga RM150 ribu, sebuah keluarga perlu mengeneipkan sekurang-kurangnya RM1200 sebulan daripada belanjaan bulanan keluarga. Perbelanjaan tersebut adalah suatu jumlah yang besar bagi keluarga yang pendapatan sederhana. Jika, sebuah keluarga mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM2500 sebulan dan mempunyai empat orang anak, cuba bayangkan bagaimana mereka boleh teruskan saraan bulanan di samping membayar hutang pinjaman rumah yang terbengkalai.

Di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak kerajaan menimbangkan pembinaan rumah-rumah kos rendah bagi membantu rakyat yang telah pun bersara dengan penerimaan pencen yang rendah sedangkan mereka tidak pernah memiliki hatta sebuah rumah pun sepanjang berkhidmat di bawah kerajaan. Dengan pencen yang mereka perolehi itu tidak memungkinkan mereka membeli rumah walaupun kos rendah di samping terpaksa pula menanggung anak-anak yang masih bersekolah.

Saya mencadangkan agar pihak kerajaan membantu golongan seperti ini melalui cara pemberian subsidi ataupun melalui apa juga cara yang sesuai. Meskipun kerajaan boleh memberikan jawapan dengan kata, mengumpul wang anak-anak bersama dengan keluarga untuk membeli sebuah rumah. Anak-anak itu juga perlukan sebuah rumah mereka sendiri dan bukannya selama-lama tinggal bersama ibu bapa mereka. Seterusnya dengan ini akan memberi ketenangan hati dan fikiran kepada golongan tersebut di samping mereka boleh berehat dan memberikan tumpuan kepada peningkatan ibadat. Hasilnya golongan ini akan memenuhi ruang-ruang masjid di persekitaran kampung mereka untuk mendapatkan ketenangan jiwa.

Setakat ini apa yang kita tahu, pihak kerajaan telahpun memberi tambang separuh harga kepada beberapa golongan penerima pencen tetapi tidak berbentuk menyeluruh kepada semua. Oleh yang demikian, saya merayu agar pihak kerajaan mempertimbangkan dan menyelaraskan semua bentuk bantuan terhadap golongan ini.

Tuan Yang diPertua, apa yang kita ketahui sekarang ini, akta yang sedia ada lebih melindungi pemaju daripada pembeli. Pembeli terus terbelenggu dengan masalah yang tidak ada penyelesaiannya terutama apabila rumah yang dibeli tidak siap atau terbengkalai dan masalah lain yang timbul. Oleh itu Tuan Yang diPertua, saya juga ingin mencadangkan satu kajian yang terperinci perlu dibuat bagi mengatasi masalah yang ditanggung oleh rakyat khususnya pembeli rumah terutama dalam projek perumahan terbengkalai dan projek perumahan yang tidak mengikut spesi... spe, sorry, pengkhususan waktu yang telah dijanjikan.



Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kementerian ada mencadangkan untuk mewujudkan semula tabung projek rumah terbungkalai dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Cadangan itu adalah satu cadangan yang amat baik tetapi saya berpendapat dengan mewujudkan tabung rumah terbungkalai tidak dapat menyelesaikan kesemua masalah yang dihadapi oleh pembeli. Apa yang lebih penting dengan mengubal undang-undang yang lebih ketat terhadap pemaju dan sekaligus dapat melindungi pengguna.

Sudah tiba masanya kerajaan memantau aktiviti pemaju projek perumahan dengan lebih berkesan. Hanya pemaju yang mempunyai rekod yang bersih dan berdaya maju sahaja yang layak diberi lesen pemaju. Pemaju adalah juga peniaga, mereka mesti berani menghadapi risiko yang bakal ditanggung. Jika, sekiranya risiko yang sepatutnya mereka tanggung dibebankan ke atas pengguna maka ini adalah amat mendukacitakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai wanita. Sebagai seorang wanita saya terpenggil untuk menyentuh isu wanita. Wanita merupakan agen perubahan yang paling penting di dalam pembangunan sesebuah negara, baik wanita maka baiklah negara. Wanita juga mampu mengoncang dunia. Di zaman Rasullullah S.A.W. wanita telah menjadi agen perubahan yang dapat mengubah dunia dan tamadun manusia itu sendiri. Pengorbanan wanita di zaman kegemilangan Islam berjaya melahirkan para cendikiawan, para saintis, para ilmuan, pahlawan dan sebagainya, amatlah membanggakan, sehingga agama Islam yang kita sanjungi dapat kita nikmati bersama. Kedatangan Islam telah mengangkat darjat kaum wanita di zaman Jahiliah ke darjat yang lebih tinggi bersesuaian dengan fitrahnya. Kaum wanita khususnya kaum ibu mendapat penghormatan yang tinggi di sisi Islam.

Dalam Islam, wanita dan lelaki saling lengkap melengkap apa sahaja tugas yang tidak mampu dilaksana oleh kaum lelaki boleh dilengkapkan oleh kaum wanita. Akibat dari perubahan zaman – skop dan tanggungjawab wanita lebih mencabar. Wanita bukan sahaja menjadi ibu dan isteri malah menjadi sumber tenaga kerja yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara akibat dari masa yang terpaksa di luangkan di tempat kerja, masa yang diperuntuk untuk keluarga dan rumahtangga menjadi terbatas. Ini membuatkan keadaan lebih rumit jika tidak ada pembantu rumah. Pihak yang berwajib seperti HAWA perlu memandang serius akan pengorbanan wanita dalam aspek dewi tanggungjawab dengan cabaran yang hebat

dewasa ini. Wanita terus dihantui dengan perasaan bimbang ke atas anak-anak yang ditinggalkan di rumah. Kes-kes jenayah seperti sumbang muhrim, rogol, dera, lari dari rumah, yang kebanyakan mangsanya yang terdiri daripada wanita, membuat perasaan wanita resah dan tidak terjamin dari segi keselamatan diri dan keluarga.

Usaha yang perlu ditingkatkan, iaitu dalam menerapkan ilmu dan praktik ke dalam setiap sanubari wanita. Wanita yang berilmu mampu membawa lebih kepada keamanan dan keharmonian dalam masyarakat kerana wanita yang berilmu akan membawa wujudnya masyarakat yang baik dan sihat, dalam ertikata fizikal, mental dan spiritual. Kita mahu melihat wanita kita terus diberikan ilmu dan pendidikan. Oleh itu, pendidikan yang berteraskan nilai maruah dan kehidupan, perlu dititikberatkan dalam setiap program wanita, baik di kalangan golongan remaja mahupun golongan dewasa.

Program-program yang saya maksudkan seperti *parenting skill*, dengan izin, kemahiran keibubapaan, kaunseling remaja, akhlak mulia dan lain-lain. Program yang mampu membentuk sebuah masyarakat yang sihat. Kita perlu memikirkan program-program seumpamanya dan program ini perlu diberikan secara percuma ataupun sekurang-kurangnya dikenakan yuran yang paling minimum kepada setiap golongan wanita.

Kita tidak mahu melihat kaum wanita, khususnya kaum remaja kita terus menjadi sasaran pihak-pihak tertentu dengan menghancurkan akhlak dan maruah mereka. Hadis Rasulullah ada berpesan yang bermaksud, "*Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu dengan cara mencabutnya dari dalam dada manusia tetapi Allah mencabut ilmu dengan menghilangkan para ulama sehingga tidak ada lagi orang yang berilmu maka manusia akan mengambil ilmu dari orang jahil dan mengambil mereka sebagai ketua dan pemimpin mereka.*" Apabila ditanya, lalu mereka mengeluarkan fatwa-fatwa tanap berasaskan ilmu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak swasta juga perlu diberikan galakkan supaya mereka dapat sama-sama mewujudkan sebuah masyarakat yang sihat di samping meningkatkan motivasi pekerja-pekerja wanita melalui latihan kerja. Mereka juga perlu menunaikan tanggungjawab sosial merk terhadap pekerja dengan mengadakan nursery-nursery ataupun pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja ini sentiasa berulang-ulang di perkatakan oleh wakil wanita di dalam dewan ini kerana ini sangat perlu bagi kami kaum ibu. Agensi-agensi swasta juga perlu digalakkan mengadakan

projek seperti disebut di atas. Kajian-kajian terperinci perlu dibuat bagi mengurangkan beban wanita khususnya yang bekerja serta mempunyai keluarga. Sudah tiba masanya wanita diberikan penghormatan sewajarnya sebagai pekerja dan sebagai ibu. Oleh itu saya ingin mencadangkan agar semua tenaga pekerja wanita perlu menyesuaikan penjadualan oleh para majikan agar wanita hanya bekerja di waktu siang hari kecuali yang melibatkan golongan profesional seperti doktor, jururawat dan seumpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan belanjawan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan lebih memfokuskan kepada sektor ekonomi moden khususnya sektor kewangan, perbankan, sektor korporat, sektor pembuatan, k-ekonomi dan lain-lain sektor bersekitar pembangunan bandar. Malangnya sektor pertanian terus dipinggir tanpa pembelaan sewajarnya dari pihak-pihak tertentu. Sektor pertanian adalah suatu sektor yang penting dalam sebuah negara. Kepentingan ini dapat kita selami dalam surah Al-Anam yang bererti, maksud ayat, “*Makanlah dari buahnya yang bermacam-macam itu bila ia berbuah dan tunaikanlah haknya di hari memetik hasilnya, dengan mengeluarkan zakat.*”

Di Amerika Syarikat, di Eropah juga merupakan negara yang maju perkembangan sektor pertanian, berjalan seiring dengan perkembangan sektor-sektor lain, maka terus menjadi printis kepada rekaan dan ciptaan teknologi baru dalam pertanian yang paling ketara adalah menguasai hala perdagangan dunia termasuk komoditi pertanian dan pasaran global.

**Dato’ Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya.

**Dato’ Michael Chen Wing Sum:** Boleh sambung selepas makan tengah hari.

Ahli-ahli Yang Berhormat masa sudah cukup. Majlis ini ditempokkan sehingga pukul 2.30 petang ini.

**Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.**

**Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Jamilah sudah siap, sudah habis ya. Sudah habis cakap tadi?

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** [*Menggeleng kepala*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Belum, sambung. *[Ketawa]* Jadi, sambungkan.

**2.33 ptg.**

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menyambung kembali perbincangan mengenai Belanjawan tahun 2000 setelah kita berehat sejam setengah tengah hari ini.

Dengan wujud globalisasi akan wujud satu bentuk manipular baru yang mana penemuan baru akan dipatenkan dan negara-negara yang mendapatkan teknologi ini perlu membayar untuk mendapatkannya.

Tuan Yang di-Pertua, pihak MARDI, Jabatan Pertanian dan institusi pengajian perlulah meningkatkan kajian dan penemuan baru dalam sektor pertanian dan apa yang diharapkan hasil penemuan baru ini perlulah sampai kepada pekebun dan kepada petani supaya mereka dapat memanfaatkan teknologi baru ini bagi mempertingkatkan hasil dan mutu pertanian mereka. Tetapi kadang-kadang hasil penemuan baru tidak sampai kepada petani-petani akibat dari hubungan antara agensi dengan pekebun atau petani tidak begitu baik. Oleh itu perlulah diwujudkan hubungan dua hala antara agensi-agensi kerajaan dan petani-petani ini supaya petani-petani mendapat manfaat daripada perkembangan yang berlaku.

Kita perlu mewujudkan petani alaf baru selari dengan era globalisasi dan adalah menjadi harapan kita supaya bidang pertanian menjadi bidang perniagaan baru yang mampu melahirkan usahawan-usahawan yang berjaya. Dengan itu imej bidang pertanian yang selama ini dianggap sebagai bidang yang tidak memberi apa-apa pulangan pendapatan yang lumayan dapat kita hapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, mengurangkan import makanan perlu menjadi salah satu hala tuju pembangunan sesebuah negara. RM10 bilion nilai import bahan makanan merupakan satu nilai yang tinggi bagi sesebuah negara yang kecil seperti Malaysia. Suburnya tanah di negera ini juga menjadi faktor yang utama bagi kita mengurangkan import makanan dari negara luar. Dengan faktor ini juga Malaysia berpotensi menjadi negara pertanian yang maju seiring dengan negara perindustrian seperti yang kita fahami.

Oleh itu saya ingin mencadangkan supaya pihak yang bertanggungjawab mengambil inisiatif untuk membangunkan sektor pertanian seiring dengan sektor-sektor lain, janganlah dipinggirkan sektor pertanian ini semata-mata untuk mengejar keuntungan berlipat ganda dengan sekelip mata.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan ini saya ingin menyentuh sedikit tentang globalisasi. Kita sedar bahawa globalisasi merupakan suatu ancaman kepada negara-negara membangun. Globalisasi yang menuju ke arah pasaran bebas yang diciptakan oleh golongan kapitalis bolehlah dianggap penjajahan baru dari sudut ekonomi dan modal. Apa yang anehnya kebebasan dalam bentuk pergerakan modal boleh berlaku tetapi tidak dalam bentuk pergerakan buruh.

Tuan Yang di-Pertua, dari apa yang kita fahami globalisasi menggalakkan monopoli secara global dan tidak menggalakkan persaingan. Akibatnya kita akan dapati taburan pendapatan antara negara maju dan negara membangun menjadi bertambah teruk. Berkemungkinan kita akan berhadapan dengan kemasukan syarikat-syarikat gergasi dari Amerika Syarikat dan lain-lain negara maju. Contohnya, pasar raya *Wall Mart*, memasuki pasaran tanah air kita, ketika itu syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga kecil terpaksa berhadapan dengan risiko yang tinggi untuk memasarkan barangan mereka. Sudahkah kita bersedia untuk menghadapi cabaran globalisasi ini? Dalam pembentangan Belanjawan tidak dinyatakan secara khusus apakah persiapan dan persediaan kita untuk menghadapi AFTA pasaran bebas ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita imbasi semula beberapa tahun lalu blok perdagangan Eropah atau East Asia Economy Congress (EAEC), dengan izin, telah memperkenalkan mata wang atau currency .....

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Minta laluan sedikit.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** EAEC bukan East Asia Economic Congress – 'East Asia Economic Caucus' bukan 'Congress'.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Ya, ya.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya hendak betulkan itu.

**Puan Jamilah binti Ibrahim:** Terima kasih di atas pembetulan Dato'. .....telah memperkenalkan mata wang atau currency mereka sendiri iaitu dikenali sebagai Euro Dollar, penggunaan wang ini secara tidak langsung telah memberi perlindungan kepada negara-negara Eropah dalam berhadapan dengan AFTA.

Dalam Dewan yang mulia ini suka saya mencadangkan Malaysia hendaklah mempelopori satu blok perdagangan baru di kalangan negara-negara umat Islam dan seterusnya menggunakan Dinar sebagai mata wang atau currency yang

boleh digunakan bersama. Jika kita mampu berhadapan dengan kegawatan ekonomi baru dengan mengadakan kawalan modal, mengapa kita tidak boleh mengawal gelombang globalisasi dengan menubuhkan blok perdagangan yang baru seperti yang saya utarakan di atas.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh berkaitan dengan Hari Buku dan Hak Cipta Sedunia yang bertarikh 23 April. Saya menyentuh perkara ini kerana saya hairan kenapa kita tidak melakukan satu kempen membaca secara berleluasa di kalangan rakyat Malaysia atau melakukan aktiviti-aktiviti yang sewajarnya sesuai dengan sambutan hari tersebut. Kita bimbang sekiranya Internet sebagai sumber maklumat yang telah dapat menggantikan peranan buku, tabiat malas membaca ini bukan sahaja berlaku kepada masyarakat biasa tetapi juga akan menular kepada kalangan ahli-ahli akademik.

Kajian yang telah dibuat pada pertengahan tahun 1980-an menunjukkan rakyat Malaysia secara purata membaca satu setengah halaman sahaja setahun, begitu juga dengan kajian profil membaca rakyat Malaysia pada tahun 1996 tidak menunjukkan banyak perubahan dan diakui sememangnya budaya masyarakat Malaysia kurang membaca. Oleh itu saya menyeru kepada pihak kerajaan dan pihak-pihak yang berkenaan agar mengambil langkah yang sewajarnya bagi menggalakkan orang ramai membaca tanpa mengharapkan kewujudan perpustakaan atau khutub khanah semata-mata.

Firmah Allah s.w.t dalam surat Al-Fatir, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, “*Tidakkah kamu melihat bahawasanya Allah s.w.t menurunkan hujan dari langit, lalu Kami hasilkan dengan hujan itu buah-buahan yang beraneka macam jenisnya dan di antara gunung itu ada garisan putih, merah, yang bermacam aneka warnanya dan ada pula yang hitam pekat. Yang demikian pula di antara manusia, binatang-binatang melata, binatang-binatang ternak dan ada bermacam-macam warna, jenis, sesungguhnya yang takut kepada Allah s.w.t di antaranya hamba-hambanya ialah ulama. Sesungguhnya Allah s.w.t Maha Perkasa lagi Maha Pengampun.*” Pendek kata, Islam yang kita warisi tersebar melalui ilmu pengetahuan yang menjadi teras dan kekuatan juga kecerdasannya.

Tuan Yang diPertua, sekiranya remaja lelaki pada hari ini menjadikan buku cerita *Dragon Ball*, *Pedang Setiawan*, *Jejak Wira* sebagai tatapan manakala anak gadis dan ibu dengan majalah hiburan, maka apakah akan terjadi kepada generasi

yang akan datang. Oleh itu, marilah sama-sama kita menyediakan ruang dan tempat untuk letakkan apa juga bahan bacaan yang dapat mengimbangkan antara pertumbuhan fizikal dan minda bangsa kita dengan ilmu yang membimbing rakyat ke arah satu bentuk hidup yang lebih realiti, bukannya fantasi.

Saya rasa setakat itu sahajalah saya turut mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan dan saya sokong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada lagi hendak bercakap? Yang Berhormat Menteri akan ...

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, ada.

**2.43 ptg.**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana menjemput saya mengambil bahagian dalam perbincangan Belanjawan tahun 2000. Tadi rakan saya Yang Berhormat Puan Jamilah binti Ibrahim telah menyentuh tentang projek-projek yang terbengkalai dan memang ini satu masalah yang sangat besar bukan sahaja di bandar-bandar tetapi juga di desa-desa.

Sebagai contoh, di negeri Pulau Pinang sahaja kami ada lebih daripada 20 projek yang telah terbengkalai oleh kerana kemelesetan ekonomi baru-baru ini dan ini bukan kali yang pertama perkara ini telah wujud. Pada tahun 1985 apabila kita menghadapi satu kemelesetan ekonomi, maka pada masa itu juga ada banyak projek yang telah terbengkalai dan selepas itu apabila keadaan ekonomi pulih, maka banyak lagi projek telah dimulakan dan ada juga yang masih terbengkalai dan mereka tidak dipulihkan. Baru-baru ini nampaknya kita tidak belajar apa yang telah berlaku dan masih menghadapi masalah yang sama.

Banyak daripada projek ini ada kandungan perumahan kos rendah dan sungguhpun pada suatu ketika, kita ada satu tabung bagi projek perumahan yang terbengkalai maka tabung itu telah dihentikan atas sebab-sebab tertentu dan nampaknya perkara ini selalu diwujudkan tanpa kawalan atau langkah untuk mengatasinya.

Baru-baru ini kita dengar jawapan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa skim BKJ, iaitu Bina-Kemudian-Jual sedang dikaji dan satu lagi keputusan masih belum diambil. Bagi saya, skim BKJ ini sangat penting sebagai satu daripada langkah untuk mengatasi masalah ini. Di dalam skim Bina-Kemudian-Jual, maka risiko

tanggungannya itu ialah kepada pemaju dan bukan kepada pembeli. Pada keadaan yang ada sekarang, tiap-tiap kali satu projek itu terbengkalai, maka yang menjadi mangsa ialah pembeli. Ramai daripada pembeli ini sudah habiskan semua wang simpanan mereka.

Saya ada banyak contoh, di kawasan Pulau Pinang ramai daripada pembeli ini tiada menghadapi banyak masalah. Pinjaman daripada bank mereka telah disalurkan kepada pemaju ini dan mereka sedang membayar pinjaman faedah kepada pinjaman itu. Tetapi apabila projek itu terbengkalai maka habislah semua wang simpanan mereka dan tidak ada apa-apa jalan bagi mereka. Apabila projek itu dipulihkan semula oleh pemaju baru maka mereka masih menjadi mangsa kerana pemaju baru itu tidak mengambil kira apa yang telah dibayar oleh pihak ini dan kalau mereka hendak sambung, pemaju yang baru ini selalu minta bayaran tambahan. Dan bagi mangsa-mangsa ini memang mereka tidak dapat menanggung oleh kerana sudah begitu lama mereka menunggu projek mereka disiapkan dan semasa menunggu itu mereka telah menanggung perbelanjaan bukan sahaja hendak servis faedah bank tetapi kena sewa rumah di tempat lain.

Satu lagi masalah yang dihadapi pada masa sekarang dalam dasar melaksanakan projek-projek ini ialah selepas sesuatu projek itu dihabiskan, sungguhpun dihabiskan tetapi didapati ada banyak yang tidak memuaskan hati pembeli-pembeli itu. Sebagai contoh, mungkin bahan-bahan yang digunakan untuk pembinaan itu kurang sesuai, rumah-rumah itu ada banyak masalah dan ini selalunya menjadi satu pergaduhan di antara pihak pembeli dan pihak pemaju.

Bagi saya, satu cara yang kena dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini ialah melalui BKJ. BKJ bukan satu konsep yang baru. Di beberapa projek perumahan khususnya di bandar-bandar dan juga di desa-desa, saya telah dapati bahawa ada pemaju-pemaju yang bina, kemudian mereka jualkan ini bukan sekaligus tetapi dengan cara beberapa unit sekali. Bagi saya, selepas saya mengkaji perkara ini, saya dapati bahawa keuntungan bagi pihak ini memang tinggi dan juga kepuasan daripada pihak pembeli ada dan juga masalah projek terbengkalai itu tidak ada.

Jadi, saya minta kementerian berkenaan supaya mengkaji perkara ini dengan lebih mendalam dan juga memberikan tumpuan yang sebenarnya kepada perkara ini supaya rakyat kita tidak menjadi mangsa kepada sesuatu keadaan di luar kawalan mereka. Bukan mereka sengaja mahu terlibat dengan perkara ini tetapi apabila



mereka baca iklan, bahawa lesen pemaju telah dikeluarkan, pelan projek itu telah diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan, mereka telah ada keyakinan dan telah membeli, menandatangani perjanjian tetapi apabila ada masalah mereka hanya diketepikan dan bukan itu sahaja, bila mereka minta bantuan daripada kementerian mungkin ada satu, dua pegawai berhubung dengan mereka dan kemudian tidak ada apa-apa perkembangan.

Perkara yang kedua yang ingin saya menyentuh, Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang penswastaan. Baru-baru ini kita telah diberitahu dalam surat khabar bahawa satu daripada syarikat yang telah dikenal pasti oleh Kerajaan Persekutuan sebagai syarikat untuk mengendalikan sampah-sarap di kawasan utara telah dibawa ke mahkamah oleh pekerja-pekerja mereka termasuk pengurus besar syarikat ini. Dan syarikat ini telah dikenal pasti sebagai syarikat yang akan mengambil alih semua hal pelupusan sampah di kawasan utara dan syarikat ini dinamakan Northern Waste Industry Berhad (NWI). Apabila sesuatu syarikat itu dikenalpastikan supaya mengambil alih satu tugas yang begitu penting sama ada satu kajian yang teliti telah dibuat untuk memastikan syarikat ini ada keupayaan.

Dalam kes ini, sebelum syarikat ini mula perkhidmatan maka syarikat ini telah menghadapi masalah. Nasib baik kerja ini belum lagi diberi kepada syarikat ini. Kalau sudah diberi, akan terlibat dengan keadaan ketidakpuasan di kawasan-kawasan di negeri utara itu termasuk negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Bagi saya, satu kajian yang teliti patut diambil sebelum satu keputusan seperti ini boleh dibuat. Kalau perkara ini telah dilaksanakan dan satu masalah begitu besar seperti ini timbul sehingga syarikat ini tidak dapat membayar gaji kepada pekerja-pekerja mereka, sehingga mereka tidak dapat mulakan sungguhpun mereka telah diberikan kontrak ini.

Satu lagi contoh di mana penswastaan nampaknya ada masalah ialah IWK. Baru-baru ini, kerajaan juga telah mengambil alih fungsi operasi bagi syarikat ini oleh kerana syarikat ini juga menghadapi banyak masalah. Apabila sesuatu penswastaan itu dilakukan memang satu kajian yang teliti telah dijalankan. Setahu saya, EPU telah menjalankan satu kajian yang sangat teliti tetapi sungguhpun demikian, nampaknya masalah masih wujud sehingga pada ketika ini apabila kita katakan penswastaan, maka rakyat tidak ada keyakinan terhadap perkara ini. Dan apabila kita hendak swastakan, tiap-tiap kali telah menimbulkan banyak pertanyaan oleh kerana dalam penswastaan beberapa projek yang dilakukan ini, nampaknya tidak membawa faedah

yang diharap-harapkan itu kepada rakyat jelata. Apabila didengar bahawa hospital-hospital pun akan diswastakan, maka rakyat telah juga mengeluarkan banyak pertanyaan sama ada ini akan membawa faedah kepada mereka.

Apa yang penting dalam hal ini apabila sesuatu projek itu dikenalpastikan untuk diswastakan sama ada kutipan tol, sama ada pembinaan jalan, sama ada perkhidmatan dan sebagainya maka kerajaan kena meyakinkan bahawa apabila ini telah dilakukan, tanggungan-tanggungan kepada rakyat itu bukan sahaja akan diringankan tetapi mereka juga akan menikmati banyak lagi kemudahan-kemudahan dan syarikat-syarikat yang diberi kontrak penswastaaan ini adalah syarikat-syarikat yang kukuh dan tidak perlu apa bantuan daripada kerajaan untuk menyelamatkan mereka sekiranya usaha mereka itu tidak berjaya. Dalam hal ini saya menyerulah kepada pihak kerajaan dan juga pihak EPU apabila sesuatu projek itu dikenalpastikan untuk penswastaaan, maka kajian yang teliti, perbincangan yang meluas, keyakinan yang diharapkan mesti diatasi sebelum perkara ini dilaksanakan.

Perkara yang ketiga, yang saya ingin menyentuh ialah satu daripada bidang tugas Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Di bandar-bandar besar seperti di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur, di Johor Bahru, di Ipoh dan sebagainya, oleh kerana kekurangan tanah maka banyak daripada rumah pangsa, kondominium dan sebagainya telah dibina.

Satu daripada masalah yang besar dalam rumah pangsa dan kondominium ini ialah tentang pengeluaran hak milik strata. Bagi banyak daripada projek-projek ini sudah lepas 10 tahun, 15 tahun, maka hak milik strata ini masih belum dikeluarkan. Oleh kerana ini maka satu perbadanan pengurusan atau management corporation yang dikuasai oleh penduduk itu tidak dapat ditubuhkan, maka pemaju masih mengutip bayaran servis, masih mengendalikan semua hal tentang rumah pangsa atau kondominium itu. Oleh kerana kelemahan sistem ini, maka pemaju yang mengendalikan servis ini di sesuatu rumah pangsa atau kondominium, lebih mementingkan keuntungan dan bayaran servis yang dikutip itu tidak digunakan semata-mata untuk kepentingan penduduk di dalam flat atau di dalam rumah pangsa itu.

Oleh kerana itu, kita dapat banyak aduan tentang perkhidmatan. Dan sungguhpun banyak daripada projek-projek ini ada RA atau Persatuan Penduduk atau Resident Association, maka suara mereka dari segi undang-undang memang tidak ada

oleh kerana di dalam projek ini hak milik strata belum dikeluarkan. Dan sungguhpun mereka buat rungutan-rungutan kepada pemaju maka tindakan yang diambil itu kurang memuaskan sehingga di banyak daripada tempat ini ada sebilangan daripada penduduk ini enggan membayar bayaran servis. Dan apabila ini berlaku maka semua perkhidmatan di dalam tempat itu akan terjejas. Ada kes-kes di mana pemaju telah tutup lif-lif, telah tidak memasang lampu-lampu di koridor dan di tempat-tempat awam oleh kerana dikatakan ada pihak-pihak yang enggan membayar bayaran servis. Ada juga mereka yang bayar selalu bayar dengan tepat. Apabila mendapati bahawa kemudahan yang ada di sana kurang memuaskan mereka juga tidak bayar. Dan akibat daripada ini maka satu keadaan yang menyusahkan orang ramai yang duduk dalam rumah pangsa ini telah wujud. Ada kes-kes di mana orang tua itu tidak dapat naik ke tingkat mereka kerana orang tua ini tidak mampu menggunakan langkah ke tempat mereka.

Dan perkara ini memang telah diutarakan kepada pihak berkenaan dan ada perbincangan yang dianjurkan di antara pihak kementerian dengan beberapa persatuan penduduk tetapi sehingga sekarang maka perkara ini belum lagi diselesaikan. Dan kalau perkara ini dibiarkan begitu lama, kian lama kian susah untuk diselesaikan perkara ini. Dan saya harapkan perkara ini akan dikaji dengan serius oleh kementerian dan kemudian apa-apa penyelesaian masalah tentang pengeluaran hak milik strata ini akan dipercepatkan dan kalau itu adalah satu aspek perundangan yang tidak dapat diatasi dengan cepatnya maka satu langkah yang sementara kena dilaksanakan supaya perkara ini dapat diberi perhatian yang sewajarnya.

Perkara yang keempat yang saya sentuh Tuan Yang di-Pertua ialah tentang pengeluaran lesen perdagangan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan.

Bagi banyak daripada bandar-bandar itu satu daripada masalah yang besar ialah pengangkutan awam khasnya dalam keadaan kemelesetan ekonomi dua tahun yang lalu maka banyak daripada penduduk di bandar-bandar ini terpaksa menggunakan pengangkutan awam untuk ke tempat kerja atau tempat penginapan mereka. Dan saya dapati bahawa servis bagi pengangkutan awam di banyak bandar ini kurang memuaskan oleh kerana daripada tinjauan saya penguatkuasaan kepada sebarang penyelewengan syarikat-syarikat pengangkutan awam itu dilakukan oleh JPJ yang dikuasakan untuk menguatkuasakan undang-undang ini oleh kementerian dan di

dalam banyak tempat maka pegawai yang ditugaskan untuk hal-hal ini mungkin seorang sahaja atau mungkin sepasukan empat lima orang sahaja dan mereka perlu menguatkuasakan di satu kawasan yang begitu luas. Katakan kawasan utara. Pejabat mereka di Sungai Petani dan mereka kena mengawasi dari Perak hingga Perlis. Kalau kita minta empat lima orang ini menjalankan tugas sebegitu penting ini maka bagaimana mereka boleh berbuat dengan memuaskan. Ini oleh kerana pihak penguatkuasaan di bawah undang-undang itu diberi kepada satu pihak yang selalunya jauh daripada tempat asalnya masalah.

Saya mencadangkan bahawa di tiap-tiap negeri ditubuhkan satu lembaga pengeluaran lesen pengangkutan awam, iaitu di peringkat negeri dan diperkuasakan untuk menjaga kepentingan di tempat itu. Apabila satu lembaga ditubuhkan di peringkat negeri dengan kuasa penuh untuk mengambil tindakan terhadap sebarang syarikat yang telah mendapatkan lesen itu dan tidak menunaikan janji mereka. Saya dapati ini akan lebih berkesan. Dalam keadaan yang ada sekarang sungguhpun dijadualkan bas itu akan jalan sehingga 12 tengah malam tetapi apabila ditinjau atau mungkin pada 10 malam servis itu sudah dihentikan. Dan apabila dilaporkan kepada pihak penguatkuasaan, apabila mereka datang untuk menyiasat dan mengambil tindakan ini telah mengambil masa yang panjang dan kesan daripada itu hanya pengguna-pengguna yang menderita dan apabila perkhidmatan semacam ini tidak memuaskan maka telah wujudnya teksi sapu dan sebagainya. Dan teksi sapu ini memang tidak dilesenkan dan apabila diguna oleh pengguna-pengguna maka ini di atas risiko sendiri kalau ada apa kemalangan.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa jelaslah, ini teksi sapu dia sapu siapa?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Teksi sapu ini ialah orang awam menggunakan kenderaan sendiri tanpa lesen, tanpa kelulusan tetapi berkhidmat sebagai teksi dan mereka selalu guna kenderaan-kenderaan lama dan apabila tertangkap oleh pihak JPJ maka kereta itu dirampas oleh JPJ. So, ini tiap-tiap kali telah datang ke perhentian-perhentian bas dan oleh kerana masalah pengangkutan awam itu kurang memuaskan maka rakyat terpaksa menggunakan servis ini. Dan bagi Pulau Pinang juga teksi yang telah dilesenkan itu tidak menggunakan meter, so, ini juga menambahkan masalah dan apabila pihak penguat kuasa datang untuk mengesan perkara ini maka pegawai-pegawai itu dipukul oleh

pemandu teksi-teksi yang berlesen ini. Sehingga sekarang maka tidak ada apa penguatkuasaan. So, oleh kerana begitu banyak masalah yang dihadapi di bandar-bandar di mana ramai orang ingin menggunakan perkhidmatan pengangkutan tetapi oleh kerana masalah-masalah yang wujud itu maka perkhidmatan pengangkutan itu kurang memuaskan.

Di bandar Kuala Lumpur kita ada satu perkhidmatan pengangkutan awam yang berintegrasi dan ini telah berjaya oleh kerana penglibatan kerajaan secara langsung dalam perkara ini memandangkan Kuala Lumpur adalah ibu 'kota' negara kita. Tetapi apabila sampai ke bandar-bandar lain maka perkara ini kurang diberi perhatian dan apabila sesuatu lesen itu kena dipohon maka semua kena datang ke LPKP untuk dibentangkan di Kuala Lumpur dan apa masalah tempatan itu tidak dirasai oleh pihak yang ada di sini.

Oleh kerana itu adalah amat penting supaya kita bersama mengatasi masalah ini dengan menubuhkan satu lembaga tempatan, diberi kuasa penuh untuk kenalpastikan laluan yang sesuai, untuk mengenaapastikan di mana tempat-tempat perumahan baru yang perlukan perkhidmatan pengangkutan awam ini supaya semua hal-hal tentang pengeluaran lesen, tentang permohonan, tentang perkhidmatan itu semua boleh diletakkan dibawah lembaga di peringkat negeri ini. Dan kalau tiap-tiap negeri ada diwujudkan satu lembaga semacam ini maka saya dapati pengangkutan awam akan lebih terkawal akan memberi satu keselesaan kepada pengguna-pengguna dan akhirnya akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap pengangkutan awam ini. Dan apabila ini sudah berjaya maka dengan sendirinya perkara-perkara semacam kesesakan lalu lintas semacam 'single occupancy vehicle SOV' semua ini kita dapat mengatasi dan saya menyeru supaya perkara ini diberi perhatian yang sewajarnya dan kalau boleh dilaksanakan secepat mungkin.

Berkenaan dengan satu lagi perkara yang saya ingin menyentuhi Tuan Yang di-Pertua ialah kos perkhidmatan perubatan. Dalam Malaysia ini kita dapati perkhidmatan perubatan swasta sedang berkembang dengan pesatnya. Di bandar-bandar besar telah ditubuhkan banyak daripada hospital swasta dan memang ini memberikan satu perkhidmatan kepada rakyat kita dan bukan sahaja kepada rakyat kita tetapi penduduk-penduduk di negara jiran-jiran kita datang. Sebagai contoh di Pulau Pinang hospital-hospital swasta itu dapat banyak pelanggan mereka daripada negeri Thailand, daripada negara Indonesia dan juga daripada negara Filipina dan

sebagainya. Dan memang mereka ditubuhkan dengan hasrat keuntungan. Bagi rakyat biasa, rakyat ini masih mengharapkan kepada hospital-hospital kerajaan oleh kerana kos bagi hospital swasta ini begitu tinggi. Tiap-tiap kali masuk satu hari sahaja kena sekurang-kurangnya belanja RM500 hingga RM1000.

Oleh kerana itu langkah yang diambil sekarang untuk mengatasi masalah ini ialah melalui Skim Insurans Perubatan dan baru-baru ini saya difahamkan bahawa KWSP akan juga mengadakan satu skim untuk mereka yang menyumbang kepada KWSP. Tetapi bagi orang-orang yang betul-betul memerlukan perkhidmatan ini seperti contoh orang-orang yang sudah tidak menyumbangkan kepada KWSP kerana tidak bekerja lagi ataupun kerana telah melebihi umur 55 tahun tidak dibenar mengambil bahagian. Mereka ini yang betul-betul memerlukan perkhidmatan yang semacam ini, oleh kerana apabila seseorang itu semakin tua maka penyakit-penyakit yang lebih kerap datang, mungkin penyakit-penyakit yang juga lebih serius telah menyerang mereka. Bagi kumpulan ini nampaknya satu daripada skim yang begitu baik tidak dapat dipanjangkan kepada mereka.

Saya telah menyeru supaya perkara ini diberi perhatian dan kepada golongan ini yang perlu, yang betul-betul memerlukan perkhidmatan semacam ini sama ada satu skim khas disalurkan kepada kumpulan ini ataupun satu kajian dibuat di atas premium yang kena *dichargekan* itu, atau premium yang akan dikenakan kepada kumpulan ini dikaji dan kalau boleh pihak kerajaan haruslah menyumbang dan mungkin menanggung sedikit atau sebahagian daripada kos premium untuk kumpulan ini sahaja. Oleh kerana kumpulan-kumpulan lain boleh menyertai skim yang dianjurkan oleh KWSP ini.

Akhir sekali Tuan Yang diPertua, saya ingin menyentuh tentang satu masalah kelemahan undang-undang buruh. Baru-baru ini oleh kerana keadaan ekonomi bagi sebahagian sektor itu masih belum pulih maka kita dapati ada kilang-kilang tertentu yang telah menghentikan usaha mereka dan pekerja-pekerja dengan tiba-tiba telah didapati bila datang sudah kehilangan pekerjaan. Dari satu contoh di Pulau Pinang apabila ini berlaku nampaknya undang-undang buruh itu tidak melindungi orang-orang ini dengan mencukupi sehingga apabila waran tahanan disampaikan kepada Pengarah Urusan syarikat ini maka Pengarah Urusan telah keluar dari Malaysia dan tidak dapat dikesan. Bagaimana perkara ini boleh berlaku di negara kita? Adakah undang-undang kita lebih mementingkan rakyat kita ataupun

undang-undang kita lebih mementingkan syarikat-syarikat atau pelabur-pelabur dari luar negara. Apabila masalah ini telah wujud maka dalam surat khabar tiap-tiap hari kita sudah lihat pekerja-pekerja itu datang dan telah berkumpul di luar syarikat ini untuk membentangkan masalah-masalah mereka itu, bukan sahaja kepada pihak pengurusan tetapi juga kepada Jabatan Buruh dan juga kepada pihak berkuasa. Semasa perundingan ini dijalankan maka Pengarah Urusan telah melarikan diri daripada negara kita.

Akibat daripada keadaan semacam ini maka pengarah-pengarah tempatan yang berkata: "Saya hanya dilantik untuk mengisi tempat Pengarah Tempatan Bebas. Saya pun tidak tahu apa yang berlaku dan semua kuasa itu dipertaruhkan di bawah Pengarah Urusan dari luar negara ini". Saya minta perkara ini harus diberi perhatian apabila ia boleh berlaku di satu kilang, nanti mungkin di kilang-kilang lain perkara ini pun boleh berlaku. Bagi saya apa yang penting ialah rakyat kita, mereka dengan tidak sengajanya telah dijadikan mangsa sesuatu perkara ini sungguhpun ada perlindungan-perlindungan yang tertentu di dalam undang-undang tetapi mereka hanya diberi sebahagian yang apa yang patut mereka terima sebagai ganti rugi.

Apabila pihak ini sudah melarikan diri maka tidak ada apa tindakan lagi yang kita boleh ambil, dan apabila ditanya kenapa tidak merampas passport orang berkenaan supaya ia tidak dapat keluar dari negara kita sehingga perkara ini diselesaikan, maka dijawab, tidak ada kuasa undang-undang berkenaan dengan perkara ini. Ini menunjukkan bahawa sistem kita ada banyak kelemahan dan patut diatasi. Kita dengar bahawa tiap-tiap kali MITI atau apa rombongan keluar mereka telah menarik begitu banyak pelabur ke negara kita. Tetapi kalau pihak-pihak ini hanya datang ke sini semata-mata untuk keuntungan dan tidak mengambil berat tentang kebajikan rakyat kita maka kita harus mengambil langkah lebih awal, sama ada dari segi perundangan mereka ataupun sama ada dari sistem pentadbiran kita supaya apabila perkara ini diketahui maka tindakan cepat dapat diambil dan semua rakyat kita diberi perlindungan yang patut.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Saya minta laluan Yang Berhormat Tuan Yang diPertua, saya ingin bertanya berkenaan syarikat yang diberi contoh oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng tadi. Adakah syarikat ini mempunyai aset atau harta di mana ianya boleh dijual atau dilelong untuk membiayai pampasan kepada pekerja-pekerja yang terlantar dan terdampar begitu sahaja itu,

dan adakah mereka juga menggunakan kewangan daripada bank-bank tempatan untuk membeli khazanah-khazanah harta ini sehinggakan mereka juga berhutang kepada bank-bank tempatan dan pakai cabut lari sahaja.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab pertanyaan Dato' Aziz rakan saya itu, maka memang syarikat ini ada aset-aset seperti tanah, harta dan sebagainya tetapi malangnya oleh kerana syarikat ini telah menghadapi banyak masalah kewangan maka tidak mencukupi dan ada pembekal-pembekal tempatan yang habislah semua hutang mereka oleh kerana satu sen pun tidak dijelaskan oleh syarikat ini. Dari segi undang-undang, kita haruslah mengambil tindakan untuk melindungi pihak-pihak rakyat kita, sama ada pembekal-pembekal tempatan ataupun pekerja-pekerja dan sebagainya. Itu yang saya minta kementerian mengkaji dengan teliti supaya kita boleh adakan undang-undang di mana perlindungan yang secukup-cukupnya diberi kepada pihak-pihak rakyat kita. Itu yang penting bagi saya, sungguhpun apabila kita membuat perniagaan tentu ada risiko.

**Tuan Zainal bin Rampak:** Boleh beri laluan. Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu kes tersebut. Saya tahu nama syarikat tersebut, saya pun sudah berucap dua tiga hari yang lepas atas isu yang sama. Adakah Yang Berhormat setuju oleh kerana kalau hendak kirakan aset, property banyak syarikat cagarkan property dengan bank, pinjam dengan bank, 'Morges Carrion' dan ada syarikat beroperasi atas asas penyewaan. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya kalau kita mencadangkan supaya apa yang disarankan oleh MTUC dahulu supaya wujudnya Skim Penamatan Perkhidmatan iaitu RM1.00 majikan RM1.00 pekerja diletakkan di bawah PERKESO dan bila keadaan ini timbul pembayaran boleh dibuat. Pekerja tidak hilang pendapatan mereka dari segi pembayaran pampasan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih, Yang Berhormat Zainal Rampak. Saya memang setuju bahawa kita patut ada satu skim sama ada daripada sumbangan ini ataupun skim lainlah, yang penting ialah perlindungan diberi kepada orang-orang kita. Itu yang saya mementingkan sama ada melalui apa jua caranya asalkan pada akhirnya kita dapat satu yang boleh membantu rakyat kita apabila tiba-tiba mereka bangun datang ke kilang dan nampak pintu sudah tertutup. Satu hari sudah rasa mewah, besok sudah jadi miskin kerana gaji sudah tidak ada, semua pinjaman tidak boleh diselesaikan, semua hutang tidak boleh dibayar dan mungkin ada anak-anak di



sekolah, di universiti. Semua ini mereka tidak dapat menanggung lagi oleh kerana masalah semacam ini. Apa yang penting kita mesti ada perlindungan. Bagi saya apa cara pun tidak penting tetapi mesti ada satu skim yang munasabah yang melibatkan semua pihak supaya pekerja-pekerja itu dilindungi dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih dan saya menyokong belanjawan tahun 2000 ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita membahaskan usul, jawapan daripada kementerian pada 3hb.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! Maaflah. Ya, Yang Berhormat.

**3.30 ptg.**

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan ini saya ingin terlebih dahulu membuat pembedaan yang mana mungkin tidak dapat dibetulkan oleh saya secara bertulis kerana ianya adalah jawapan daripada menteri dan saya minta maaf kerana tidak ada di Dewan ini pada waktu menteri menjawab pada 20 haribulan. Saya percaya mungkin kebanyakan daripada pegawai-pegawai kita sudah letih kerana bekerja begitu lama sehingga ada juga pembedaan yang perlu dibuat.

Saya ingin membetulkan nama yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Pertanian semasa menjawab perbahasan ke atas Titah Diraja pada 20 April di mana nama 'Abidin Abdul Rahman' sepatutnya adalah Abdillah Abdul Rahim kerana soalan itu adalah soalan saya. Begitu juga nama yang disebutkan oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat di mana nama itu disebut sebagai 'Abdillah Abdul Rahman' dan soalan itu juga adalah soalan saya maka saya ingin membetulkan bahawa nama saya yang betul ialah Abdillah bin Abdul Rahim.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana jelas sekali usaha kerajaan memulihkan ekonomi negara telah berhasil. Kita bersyukur kepada Allah S.W.T kerana ianya telah berhasil seperti apa yang telah kita rancang. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pagi tadi, kita berasa gembira kerana kebanyakan daripada kilang elektronik kita telah bergerak dan membaiki prestasinya dan begitu juga dengan industri pembinaan yang nampaknya sudah mula

hidup balik dan kita juga terus bergembira kerana kadar inflasi kita juga telah menurun begitu juga dengan kadar unemployment kita, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, semua kemajuan yang telah dicapai untuk memulih ekonomi negara adalah hasil usaha kita bersama dan kita bersyukur sekali lagi kerana negara kita nampaknya akan terus maju membawa ekonomi kita ke tahap yang baik seperti sebelum kita dilanda oleh spekulasi mata wang asing dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, Anggaran Belanjawan 2000 adalah memuaskan dan ianya sejajar dengan hasrat kerajaan untuk menggerakkan kegiatan ekonomi ke arah usaha kita memulihkan ekonomi negara dan dengan itu saya berpendapat bahawa peruntukan untuk mengurus sebanyak RM53.351 bilion adalah wajar.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara, beberapa kementerian yang telah dimuatkan dalam Belanjawan ini. Pertama sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan Kementerian Pendidikan, walaupun peruntukan untuk Kementerian Pendidikan telah bertambah, saya mendapati bahawa beberapa perkara mungkin perlu diperbaiki kerana ada terdapat sebahagian daripada kegiatan yang mempunyai peruntukannya yang telah dikurangkan. Pertama sekali ialah peruntukan untuk pembangunan kurikulum di mana ianya telah dikurangkan daripada RM47 million kepada RM15 million secara ringkas. Saya melihat perkara ini dengan serius kerana saya percaya banyak lagi perkara-perkara yang perlu difikirkan dalam pembangunan kurikulum.

Sebagai contoh, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada pendidikan keusahawanan ataupun pembangunan keusahawanan ada dimuatkan dalam pendidikan anak-anak kita di sekolah. Saya berpendapat kemahiran dalam keusahawanan harus juga kita dedah dari awal lagi kepada anak-anak kita di bangku sekolah bahkan juga di peringkat kolej ataupun universiti supaya mereka lebih kreatif, inovatif dan juga saya tambah lagi imaginatif supaya minda mereka akan dapat membangun selaras dengan pembangunan yang ada pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu melihat sekolah-sekolah mengadakan pertandingan untuk merekabentuk sesuatu ataupun mencipta sesuatu, dengan izin, 'invention', tetapi kiranya kemahiran ataupun ilmu yang mereka perolehi dalam menciptakan sesuatu hanya tinggal sebagai ilmu sahaja maka ianya tidak akan dapat membawa keuntungan kepada mereka melainkan tiap-tiap perkara yang dicipta itu mempunyai unsur-unsur komersial. Oleh yang demikian, saya percaya adalah baik

bagi Kementerian Pendidikan memberi tumpuan kepada pembangunan keusahawanan di kalangan murid-murid sekolah sehinggalah ke peringkat universiti.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kemahiran ini sudah ada pada murid-murid kita, saya percaya masalah yang kita hadapi sekarang di mana terdapat banyak lulusan SPM dan juga siswazah-siswazah kita menganggur, yalah mungkin mereka tidak mendapat pekerjaan ataupun memilih sangat terhadap pekerjaan ataupun mereka ingin jadi tuan sendiri tidak akan timbul. Mereka tidak akan mahu makan gaji bekerja kerana mereka ingin hendak bekerja sendiri. Tetapi keinginan ini tidak akan dapat terlaksana sekiranya mereka tidak mempunyai kemahiran yang tertentu. Jadi saya berpendapat sekiranya anak-anak kita didedahkan kepada kemahiran keusahawanan dari mula lagi, insya-Allah mereka akan dapat berdiri atas kaki sendiri ataupun dengan izin, self employed.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita maklum usahawan ataupun kegiatan small business dengan izin, boleh menjadi penggerak ekonomi negara seperti mana yang telah berlaku di Amerika Syarikat di mana di waktu syarikat-syarikat besar mula, dengan izin, down sizing, sebahagian besar daripada mereka yang bekerja dengan syarikat besar itu telah mula keluar dan membuka perniagaan sendiri dan dengan adanya penglibatan mereka ini dalam perniagaan maka mereka juga dapat membantu negara itu untuk memberi pekerjaan dan seterusnya menggerakkan lagi ekonomi negara tersebut. Jadi saya berpendapat negara kita memang sudah menuju ke arah itu kerana Kementerian Pembangunan Usahawan telah lama bergerak ke arah itu tetapi ianya tidak ada diberi tumpuan di peringkat sekolah dan universiti kita kecuali mungkin di Universiti Teknologi MARA.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh mengenai peruntukan yang diberikan kepada Pendidikan Islam dan Moral di mana peruntukan itu telah menurun daripada kira-kira RM71 million kepada RM67 million. Saya memandang berat keatas penurunan peruntukan ini kerana seperti mana yang kita maklum masalah yang terdapat di sekolah pada masa ini ialah anak-anak, murid-murid kita telah didapati nakal dan terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat. Mereka ini perlu diberi pendedahan kepada Pendidikan Islam bagi orang Islam dan juga Pendidikan Moral bagi mereka yang bukan Islam.

Saya telah membawa perkara ini dalam perbahasan saya berhubung dengan Titah Ucapan Diraja sebelum ini dan saya masih lagi bertanya apakah kemajuan yang

telah tercapai oleh kementerian dalam usahanya untuk mempertingkatkan lagi kegiatan untuk mendedahkan penuntut-penuntut kita kepada Pendidikan Islam dan Moral. Yang menyedihkannya ialah peruntukan untuk mengurus Pendidikan Islam dan Moral di mana penurunannya adalah lebih jelas lagi, ketara iaitu dari RM4.7 juta kepada RM1.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin saya tersalah baca ataupun mungkin perkiraan saya salah, walau bagaimanapun saya berpendapat peruntukan untuk Pendidikan Islam dan Moral ini adalah penting memandangkan kepada isu semasa yang melibatkan gejala-gejala yang tidak sihat di sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah menambahkan jumlah sekolah daripada tahun ke setahun tetapi saya percaya banyak lagi bangunan sekolah yang telah diperuntukkan belum lagi siap, sebagai contoh di negeri Sarawak banyak lagi sekolah-sekolah yang sudah dirancang belum lagi dibina dan saya berharap sekolah-sekolah yang belum lagi dibina itu akan dibina mengikut apa yang telah dirancang.

Saya juga ingin mengemukakan tentang penyelenggaraan sekolah-sekolah dan asrama-asrama serta kemudahan guru-guru di Sarawak. Walaupun peruntukan yang banyak telah diberi kepada penyelenggaraan sekolah, asrama dan kemudahan guru, dukacita di beberapa tempat terutama sekali di kawasan pedalaman keadaan sekolah, asrama dan tempat guru-guru tinggal masih lagi dalam keadaan yang menyedihkan. Saya berharap peruntukan yang telah diberi untuk menyelenggarakan ataupun dengan izin, maintenance, sekolah-sekolah ini akan dapat dilaksanakan dengan baik seperti yang dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini banyak kakitangan kerajaan termasuklah guru-guru yang ingin memperbaiki kedudukan masing-masing dengan menimba ilmu. Kalau mereka tidak dapat pergi ke universiti secara penuh masa mereka membuat secara sambilan dan ada juga mereka yang menimba ilmu secara, dengan izin, distance learning. Guru, memandangkan kepada pengalaman mereka sudah pasti mudah mengikuti kursus yang mereka ambil itu dan mudah mendapat ijazah mereka tetapi dukacita terdapat juga di kalangan mereka ini mungkin hampa kerana apabila ada jawatan kosong ataupun untuk mereka naik pangkat keutamaan tidak diberi kepada mereka kerana ianya harus mengikuti proses temuduga.

Saya berpendapat memanglah baik mereka mengikuti proses temuduga itu dan lulusan ijazah yang lain diberi pertimbangan yang sama dengan mereka iaitu guru-guru yang telah lulus melalui, dengan izin, *distance learning* tetapi keutamaan haruslah diberi kepada guru-guru ini supaya *morale*, dengan izin, semangat mereka akan bertambah dan mereka akan lebih *committed* dan *dedicated*, dengan izin, untuk mendidik anak-anak kita di sekolah. Jikalau mereka ini tidak ingin membaiki mereka sendiri, sejajar dengan nasihat-nasihat yang mereka beri kepada murid-murid mereka supaya membaiki diri mereka sendiri mereka tidak akan dapat maju sebab pendidikan itu tidak ada hadnya. Selagi kita mampu, kita mahu belajar, kita boleh belajar.

Jadi, saya berpendapat dengan adanya semangat seperti ini, guru-guru ini harus diberi pertimbangan ataupun diberi keutamaan dalam pemberian jawatan jika ada kosong terutama sekali jawatan yang tinggi daripada jawatan yang mereka pegang apabila mereka sudah mempunyai ijazah mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya berhubung dengan pendidikan, saya ingin juga menyentuh sedikit apa yang telah disebutkan oleh salah seorang daripada Yang Berhormat kita tadi berhubung dengan membaca. Saya benar-benar bersetuju bahawa kita perlu juga mempunyai banyak bahan-bahan untuk dibaca. Memanglah pada masa ini, kita mempunyai komputer dan kita boleh menggunakan IT untuk mendapatkan ilmu tetapi tidak semua rakyat mempunyai ataupun berkemampuan untuk membeli komputer. Tetapi mereka mungkin mudah dapat memperolehi buku-buku untuk dibaca.

Oleh yang demikian, memandangkan negara kita adalah menuju ke arah ekonomi berasaskan ilmu, saya berharap kerajaan akan dapat menggubal satu sistem di mana buku-buku untuk dibaca boleh dicetak dalam negeri dan dibuat dengan cara yang menarik, bukan sahaja dari segi rupa buku itu tetapi juga dari segi kandungannya dan buku itu juga mudah didapati dengan harga yang berpatutan. Dengan cara begitu, lebih banyak lagi rakyat kita mampu memperolehi bahan-bahan bacaan untuk menimba ilmu.

Dan seterusnya, di kalangan anak-anak muda kita yang suka membaca majalah hiburan, saya ingin mencadangkan supaya majalah hiburan itu tidak hanya terhad ataupun mengandungi bahan-bahan berhubung dengan hiburan sahaja, ianya juga harus mengandungi rencana-rencana yang ada unsur ilmu supaya sambil mereka

membaca cerita-cerita berhubung dengan hiburan, mereka juga akan dapat membaca rencana-rencana yang ada kaitan dengan ilmu.

Tuan Yang diPertua, saya juga ingin meninjau ke arah belia kita. Mengikut peruntukan yang telah diberi kepada Kementerian Belia dan Sukan, pinjaman yang telah diberi kepada belia kita bagi tahun 1998, ialah 400, maaf, ini bukan ringgit tetapi jumlah pinjaman yang diberi ialah sebanyak 400. Manakala pada tahun 1999, jumlah pinjaman yang diberi kepada belia kita ialah 123. Ini nampaknya sudah menurun tetapi naik sedikit dalam anggaran kita bagi tahun 2000 iaitu sebanyak 200. Tetapi anggaran ini masih lagi kecil daripada pinjaman yang diberi kepada belia-belia kita dalam tahun 1998.

Begitu juga dengan bilangan latihan belia, maaf, bilangan belia yang telah diberi latihan dan kursus keusahawanan bagi tahun 1998, ianya berjumlah 6,599 dan turun dalam anggaran tahun 1999 kepada angka 3,650 dan anggaran bagi tahun 2000 pun sama iaitu 3,650. Di sini, saya berasa pelik kerana jumlah ini menurun. Sepatutnya ianya meningkat tetapi ianya menurun. Sepertimana yang kita maklum, belia kita bukan sahaja digalakkan untuk mencebur diri dalam sukan tetapi juga dalam pembangunan ekonomi. Pembangunan ekonomi belia seperti yang tercatat dalam anggaran belanjawan kita ialah mempunyai tujuan untuk melahirkan, menggalakkan dan meningkatkan keusahawanan belia kita di kalangan masyarakat.

Jadi, saya berpendapat adalah baik peruntukan ini ataupun anggaran ini ditambah bagi tahun-tahun yang akan datang. Begitu juga bagi belia yang diberi latihan vokasional dan teknikal. Jumlahnya tidak banyak perubahan walaupun ianya meningkat dari tahun 1998 sebanyak 1,824 menjadi 2,270 dalam tahun 2000, ianya meningkat tetapi tidak dalam lingkungan yang besar. Saya percaya belia yang diberi latihan vokasional dan teknikal ini, harus ada kaitan dengan belia yang diberi latihan dalam kursus keusahawanan kerana dengan adanya gabungan dalam latihan vokasional dan teknikal dengan latihan dan kursus keusahawanan ini, belia-belia kita yang mempunyai ilmu teknikal akan dapat menceburkan diri dalam perniagaan.

Kalau mereka hanya mempunyai ilmu vokasional dan teknikal, mungkin mereka akan menjadi pekerja sahaja. Tetapi dengan adanya gabungan latihan dan kursus keusahawanan sekali diberi kepada belia itu, mereka akan dapat menggunakan ilmu vokasional dan teknikal mereka untuk berkecimpung dalam dunia perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lama dahulu, beberapa bulan yang lalu, surat khabar kita pernah melaporkan bahawa terdapat *organizers*, dengan izin, mengadakan beberapa konsert yang mana mempunyai unsur-unsur yang tidak sihat di mana belia-belia kita sambil mereka menari, mereka juga terlibat dalam amalan yang tidak sihat seperti mabuk dan seterusnya.

Saya membawa perkara ini sekali lagi dalam Dewan ini, walaupun ianya telah berkali-kali diucapkan dalam Dewan yang mulia ini kerana saya rasa perbahasan saya pada hari ini tidak akan lengkap sekiranya saya tidak membawa perkara ini untuk ditinjau dan direnung kita bersama-sama. Semoga belia-belia kita ataupun semoga kita sendiri dan kerajaan akan dapat mencari jalan bagaimana gejala sosial di kalangan belia-belia kita akan dapat diatasi.

Saya percaya selepas kita makan tengah hari tadi, sebahagian besar daripada Ahli-ahli Yang Berhormat telah dapat mendengar taklimat yang diberi oleh Kementerian Dalam Negeri dan dari taklimat itu dan tayangan video saya percaya kita semua terharu apabila melihat keadaan belia-belia kita yang terjerumus dalam kegiatan dadah dan semuanya ini, kebanyakan daripada nyalah di bandar-bandar ini, berpunca daripada kegiatan yang tidak sihat seperti *rock concert*, di mana ada unsur-unsur minum minuman keras dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai pertanian. Kita berasa bangga kerana kerajaan kita peka dengan keperluan semasa sehingga kita pada masa ini sedang merancang dan melaksanakan kegiatan pertanian berskala besar dengan menggunakan kaedah-kaedah teknologi moden dan petani-petani kita digalakkan untuk berkecimpung, menanam tanaman yang berekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membolehkan mereka terlibat ataupun mengikuti kegiatan ini, petani-petani kita harus mempunyai pendidikan, pendidikan yang cukup dan rapi berhubung dengan tanaman berekonomi itu dan juga teknologi moden. Saya tidak akan menyentuh lebih panjang berhubung dengan perkara ini tetapi apa yang ingin saya kemukakan di sini ialah penglibatan belia kita dalam pembangunan pertanian moden kita. Sepertimana yang kita maklum, sebelum ini, beberapa dekad yang lalu, kita telah menumpu perhatian yang begitu penuh dan rapi ke atas pembangunan industri dan belia-belia kita telah berlatih untuk mendapat kemahiran yang membolehkan mereka bekerja dalam industri-industri.

Jadi, apakah usaha kita untuk mendedahkan belia-belia kita kepada ilmu ataupun kemahiran dalam pertanian yang mempunyai kemahiran teknologi moden? Ini adalah penting kerana mungkin kaum tani kita yang tua akan bersara dan usaha untuk memajukan pertanian berskala moden kita akan diambil alih oleh belia-belia kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1), saya menjemput Yang Berhormat Dato' Michael Chen mengganti saya.

[Dato' Michael Chen Wing Sum *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**Tuan Abdillah bin Abdul Rahim:** Terima kasih. Saya berharap Kementerian Pertanian akan mengambil langkah-langkah untuk melibatkan lebih banyak lagi belia-belia kita berkecimpung dalam pertanian moden di mana mereka bukan sahaja mahir dalam ilmu pertanian dari segi tanaman yang berekonomi tetapi juga dari segi teknologinya yang mungkin juga melibatkan IT.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana mempunyai banyak pertubuhan-pertubuhan di bawah jagaannya yang terlibat dalam pembangunan pertanian, sebagai contoh Persatuan Peladang, FAMA dan sebagainya di mana petani-petani kita bukan sahaja diajar untuk bercucuk tanam tetapi juga untuk mengedar dan memasarkan barang-barang keluaran pertanian itu. Walau bagaimanapun, seperti apa yang saya maklumkan tadi penglibatan belia kita dalam semuanya ini harus kita pertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan beberapa perkara mengenai kesihatan. Peruntukan yang telah diberi kepada kesihatan awam dalam belanjawan kita ialah sebanyak RM737 juta bagi tahun 1999 dan ianya menurun menjadi RM727 juta dalam tahun 2000. Saya ingin mengambil perhatian dalam pecahan peruntukan ini di mana peruntukan untuk kawalan penyakit telah menurun daripada RM146 juta lebih kepada angka RM143 juta lebih. Saya memandang perkara ini dengan serius kerana baru-baru ini kita mendengar banyak penyakit-penyakit yang berjangkit yang mana seharusnya sudah pupus di negara kita ini telah timbul semula. Walaupun ia masih wujud, ianya telah dikurangkan tetapi pada masa ini telah timbul semula sebagai satu penyakit berjangkit yang boleh menjadi besar, sebagai contoh penyakit Tibi dan saya pun kluatir lagi nanti penyakit Malaria pun



akan timbul dan sekiranya penyakit Malaria ini timbul banyak kita akan kena penyakit ini kerana ia mudah dibawa oleh nyamuk sama juga macam Denggi melalui jenis nyamuk yang berlainan.

Sepertimana yang kita maklum, Tuan Yang di-Pertua, kita membawa masuk banyak pekerja asing dan terdapat sebahagian daripada pekerja-pekerja asing ini masuk ke negara kita secara tanpa izin dan mereka tidak diperiksa dari segi kesihatan mereka dan sekiranya mereka menghidapi penyakit Tibi ataupun Malaria, penyakit ini menjadi sukar dikawal dan akan merebak dan melibatkan kita. Jadi apabila saya melihat peruntukan untuk kawalan penyakit ini sudah menurun, saya berasa bimbang kerana kalau di negeri Sarawak mudah saja pekerja-pekerja asing ini masuk daripada Tebedu, masuk dari Lubok Antu dan melalui beberapa kawasan di bahagian Kuching dan banyak lagi di sepanjang sempadan Sarawak mereka mudah masuk dan saya takut penyakit seperti penyakit yang saya maklumkan tadi akan sukar dikawal jikalau ianya tidak dibendungkan dari awal lagi dan dengan itu peruntukan untuk kawalan penyakit ini tidak harus dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan peruntukan untuk kawalan mutu makanan yang telah diturunkan daripada RM12 juta lebih kepada RM11 juta lebih. Sepertimana yang kita maklum kawalan mutu makanan ini adalah penting untuk mewujudkan masyarakat Malaysia yang sihat kerana sebahagian besar daripada rakyat kita yang duduk dalam kampung dan pedalaman tidak mempunyai kemampuan untuk mendapati makanan-makanan yang bermutu, maka dengan adanya peruntukan kawalan mutu makanan ini maka mutu makanan rakyat kita yang tidak mampu juga dapat kita kawalkan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk pergigian juga menurun daripada RM120 juta kepada RM117 juta padahal rakyat kita telah bertambah dan dari masa ke semasa rakyat kita dari pedalaman sudah mula berpindah ke bandar-bandar dan dengan itu saya berharap peruntukan seperti ini harus juga kita pertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara berhubung dengan perumahan. Baru-baru ini saya telah melawat satu kawasan perumahan yang berharga murah, low cost housing, dengan izin dan saya tertarik hati dengan reka bentuk bangunan yang dibuat. Bagi rakyat yang tidak mampu, rumah yang mempunyai 2 bilik tidur dan 1 bilik air dan 1 ruang tamu di mana juga ditempatkan untuk mereka memasak dan makan mungkin mencukupi berpandu kepada pendapatan

mereka dan walaupun sempit rumah itu, Alhamdulillah, mereka sudah mempunyai rumah dan tidak lagi duduk dalam rumah setingan ataupun pondok-pondok.

Usaha kerajaan ke arah membina banyak lagi rumah-rumah kos rendah ini sangatlah dialu-alukan. Walau bagaimanapun saya ingin memberi beberapa pandangan. Dalam kawasan perumahan kos rendah seperti juga dalam kawasan perumahan yang lain jikalau ianya dikhaskan untuk rakyat yang berpendapatan kecil, besar kemungkinan para penghuninya tidak akan dapat mengindahkan rumah mereka dan mengisi rumah mereka itu dengan kemudahan-kemudahan yang mereka perlu bukan sahaja dari segi keperluan sebenarnya bahkan juga dengan keinginan apabila melihat jiran mereka mempunyai barang-barang dan kelengkapan yang mewah sebagai contoh televisyen, peti sejuk dan lain-lain lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah dimaklumkan bahawa rumah yang berkos rendah ini boleh diperolehi oleh rakyat yang bergaji tidak melebihi RM500 sebulan dengan hanya membayar wang pendahuluan sebanyak RM500 dan kemudian membayar secara beransur-ansur tiap-tiap bulan sebanyak RM100 ke RM200. Ini adalah satu usaha yang mulia yang telah dibuat oleh kerajaan untuk rakyat. Sebagai manusia, walaupun pendapatan mereka kecil apabila sudah mendapat rumah mereka juga mempunyai keinginan bersama dengan jiran mereka untuk membeli TV dan alat kelengkapan yang lain dan sudah tentu ini akan membuat rumah mereka sesak dan menjadid tidak selesa terutama sekali kepada anak-anak mereka. Jikalau rumah itu mempunyai keluarga besar, diduduki oleh seorang keluarga yang mempunyai banyak anak, memang susah bagi anak-anak mereka untuk mendapatkan ruang yang selesa untuk tempat mereka belajar.

Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan dalam Skim Perumahan Kos Rendah seperti ini kerajaan harus mengadakan satu kawasan iaitu tempat bangunan untuk, dengan izin, common usage iaitu satu bangunan di mana semua penginap atau penghuni-penghuni kawasan perumahan itu akan dapat mengguna kemudahan yang sama dalam bangunan itu, sebagai contoh, televisyen, bahan-bahan bacaan, meja untuk menulis supaya mereka yang tidak mampu membeli televisyen boleh pergi ke bangunan itu untuk menonton program televisyen beramai-ramai dengan jiran mereka dan disediakan juga satu kawasan di mana ada bilik bacaan untuk digunakan oleh anak-anak mereka membaca dan belajar. Dengan cara begini anak-anak orang yang

tidak mempunyai pendapatan yang tinggi ataupun pendapatan ala kais pagi makan pagi, akan dapat juga menikmati suasana yang baik untuk mereka belajar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kawasan perumahan di mana penghuni-penghuninya terdiri daripada orang-orang Islam, mungkin sudah tiba masanya untuk kita mengubah reka bentuk masjid ataupun surau itu untuk merangkumi kemudahan-kemudahan yang lain. Apa yang ada sekarang kebanyakannya surau ini mementing kepada reka bentuk dan rupa daripada fungsi masjid dan surau itu. Jadi saya cadangkan jikalau surau dan masjid didirikan dalam kawasan perumahan ini ianya harus disediakan dengan satu bahagian dimana sebahagian dari masjid itu digunakan untuk kemudahan awam di mana anak-anak akan dapat menggunakannya sebagai bilik bacaan, riadah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita akan bertanya jikalau kemudahan seperti ini sudah disediakan siapakah yang akan mengawalkannya? Maka di sini saya ingin mencadangkan supaya pihak jawatankuasa kampung ataupun Rukun Tetangga dalam kawasan perumahan yang berkenaan harus terlibat dalam perkara ini untuk mengurus dan mentadbir bangunan yang digunakan bersama oleh penghuni-penghuni dalam kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya ingin juga mencadangkan supaya kawasan perumahan kos rendah begini disediakan dengan padang bola sepak, bahkan juga sepak takraw dan mungkin bola keranjang. Siapa tahu di kalangan anak-anak penghuni di kawasan rumah kos rendah ini mempunyai talent, dengan izin, dalam sukan-sukan yang tertentu dan mungkin mereka juga boleh menjadi juara untuk negara kita.

Terdapat kebanyakan daripada kawasan perumahan kos rendah begini tidak mempunyai kemudahan seperti yang saya maksudkan tadi. Kemudahan seperti ini adalah penting supaya anak-anak muda dalam kawasan perumahan kos rendah begini akan dapat berkumpul bersama kawan-kawan mereka untuk kegiatan-kegiatan yang sihat, kalau tidak mereka akan terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak sihat. Maklum sahajalah kadang-kadang kalau keluarga itu tidak mempunyai pendapatan yang baik, anak-anak mereka pun tidak dikawal dengan baik dan tidak terjaga dengan baik dan oleh yang demikian mudah terlibat dalam kegiatan yang tidak sihat.

Dengan mengadakan kemudahan untuk bermain secara beramai-ramai seperti yang dicadangkan, anak-anak muda dalam kawasan perumahan kos rendah akan dapat melibatkan diri mereka dalam kegiatan yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan kemudahan yang lain, seperti bicycle track, dengan izin. Dalam kawasan perumahan di mana penghuni-penghuninya adalah orang yang berpendapatan rendah, mungkin susah bagi mereka hendak bergerak dari satu tempat ke satu tempat dalam kawasan tersebut jikalau mereka tidak mempunyai kenderaan, sebagai contoh untuk pergi adalah dicadangkan selain daripada tempat untuk berjalan kaki kawasan itu harus juga mengadakan bicycle track, dengan izin. Bicycle track ini bukan sahaja memberi kemudahan kepada penghuni-penghuni di kawasan tersebut bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain, tetapi ianya juga boleh digunakan sebagai satu kemudahan di mana mereka dengan sendirinya boleh menggunakannya sebagai tempat untuk senaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengalu-alukan belanjawan yang telah disediakan dan mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana belanjawan ini benar-benar menunjukkan satu belanjawan yang sengaja untuk menggerakkan ekonomi negara dan supaya rakyat kita akan dapat hidup dalam aman dan sentosa.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2000. Sekian, terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Puan Nosimah.

**16.17 ptg.**

**Puan Nosimah binti Hashim:** Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati. Marilah kita bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dapat bersidang dalam Dewan ini dalam suasana yang penuh harmonis. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut dalam perbincangan perbelanjaan bagi tahun 2000.

Kita merasa amat berbangga kerana Kerajaan Malaysia telah dapat mengatur dasar ekonominya yang begitu baik. Ini adalah dasar kerajaan kita yang hendak menjaga rakyat dan negara terjamin dari ancaman luar dan dalam.

Dalam kita sibuk menyediakan diri ke arah pembangunan negara ke satu tahap negara membangun, acap kali terdapat kelemahan dalam aspek kerohanian dan

kekosongan jiwa yang amat ketara dan justeru mengakibatkan masalah sosial di kalangan golongan remaja dan rakyat.

Rata-rata masalah remaja dikatakan sebagai punca penyebab masalah sosial yang utama tanpa disedari punca berlakunya masalah di kalangan remaja adalah disebabkan oleh orang dewasa iaitu seperti berikut:-

Statistik tahap kepercayaan di kalangan orang Melayu yang tinggi. Saya telah meminta Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan memberi statistik rangka perceraian di kalangan masyarakat Melayu untuk membuat kajian sebab musabab berlaku perceraian dan cara mengatasi masalah-masalah tersebut. Kajian ini amat mengenal pasti kesan perceraian terhadap institusi keluarga khususnya golongan anak-anak yang diwakili oleh remaja.

Tempat kerja juga adalah tempat di mana masalah sosial boleh berlaku. Antara contoh masalah sosial yang boleh berlaku di tempat kerja adalah gangguan seksual. Gangguan seksual ini adalah sebarang bentuk tindakan atau percakapan berunsur luhah. Saya pernah menerima aduan dari sebuah industri perkilangan yang agak terkenal tentang gangguan seksual dengan semakin berleluasa tanpa diambil tindakan oleh mana-mana pihak.

Masalah gangguan seksual biasanya bermula dari pihak majikan. Alasan yang sering digunakan oleh majikan ialah ia termasuk dalam bidang kuasa kerja. Pekerja diarahkan untuk menurut segala kehormatan majikan dan disogokkan dengan kenaikan gaji serta komisyen yang tinggi serta pelbagai hadiah untuk menjalinkan hubungan yang lebih intim.

Pekerja sebagai golongan yang lemah hanya mampu menurut tanpa sebarang bantahan kerana sekiranya menolak, majikan akan mengugut untuk memberhentikan kerja dan sebagainya. Pekerja golongan bawahan ini selalunya kurang arif mengenai hak mereka sebagai pekerja dan hanya mendiamkan diri kerana bimbang dengan ugutan majikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sebegini perlu diberi perhatian serius oleh Kementerian Sumber Manusia. Saya mencadangkan supaya Akta Gangguan Seksual diwujudkan berperanan sebagai Akta Keganasan Rumah Tangga. Akta Keganasan Rumah Tangga diwujudkan untuk melindungi mangsa keganasan rumah tangga seperti penganiayaan dan penderaan di kalangan suami isteri dan ahli keluarga yang tinggal serumah. Maksud keganasan rumah tangga yang sebenar ialah melakukan

perbuatan yang sengaja atau berniat mencederakan atau menakutkan mangsa hingga menyebabkan berlakunya kecederaan fizikal.

Mangsa pada kebiasaannya akan disuruh melakukan sesuatu perkara secara paksaan dan mengugut mangsa agar membuat keputusan untuk melakukannya. Mangsa juga akan dikurung tanpa kerelaan hatinya. Sebarang tindakan beserta dengan niat yang boleh menyebabkan kemarahan mangsa atau kerosakan harta benda boleh juga didefinisikan sebagai keganasan rumah tangga.

Di dalam akta tersebut, seseorang itu berhak menuntut ganti rugi di Mahkamah Sivil bagi apa-apa kecederaan tubuh badan atau kerosakan harta benda kepunyaannya. Di samping itu, seseorang itu berhak kepada nafkah dalam tempoh perintah perlindungan diberi. Akta ini melindungi isteri, suami, bekas isteri, bekas suami, anak-anak, bapa dan ahli keluarga yang tinggal serumah seperti adik, kakak, anak lelaki, perempuan ataupun ibu bapa mangsa.

Seseorang itu berhak mendapatkan perlindungan undang-undang apabila ianya secara fizikal dianiayai dan penganiayaannya tersebut menyebabkan kecederaan ini yang disebabkan oleh suami isteri atau ahli keluarga boleh dilaporkan di pejabat polis. Polis adalah berkewajipan untuk mengambil tindakan. Perintah perlindungan boleh diperolehi untuk menghalang sipenganiaya daripada terus bertindak.

Mangsa keganasan rumah tangga boleh mengambil pelbagai tindakan dengan membuat laporan di balai polis berhampiran. Membuat pemeriksaan doktor di hospital, mengambil gambar bahagian yang cedera dan juga memberitahu seseorang sebagai saksi sekiranya kes berpanjangan di mahkamah. Pihak polis merupakan orang yang terpenting dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga membuat laporan.

Tugas-tugas polis meliputi membantu mangsa keganasan rumah tangga membuat laporan, menyediakan kemudahan pengangkutan untuk mangsa pergi ke tempat yang lebih selamat atau pergi ke tempat perlindungan sekiranya perlu. Menyediakan kemudahan pengangkutan untuk mangsa mengenai haknya dan perlindungan daripada keganasan rumah tangga ini dan mengiringi mangsa pulang ke rumah untuk mengambil barang keperluan. Sungguhpun wujudnya Akta Keganasan Rumah Tangga, persoalannya adalah sama ada pelaksanaan akta ini mendapat kerjasama sepenuhnya daripada pihak polis.

Masalah selanjutnya adalah masalah murtad. Ia merupakan satu masalah yang serius dan kita masih lagi belum menemui jalan penyelesaian ke arah memerangi masalah ini. Islam telah menggariskan bahawa sebagai orang Islam, kita wajib menasihati orang yang murtad sebanyak tiga kali supaya bertaubat dan jika sekiranya orang itu masih enggan untuk bertaubat, Islam telah mengarahkan supaya orang murtad dihukum bunuh. Ini adalah kerana orang yang murtad akan memberi ancaman yang besar kepada agama Islam dan jika tiada tindakan untuk mengawal, sudah tentu agama Islam akan hancur.

Punca murtad disebabkan oleh pegangan agama yang goyah dan sering kali gagal atau kecewa dalam hidup. Masalah murtad juga boleh dikatakan rentetan dari masalah sosial iaitu permasalahan perceraian ibu bapa, keretakan rumah tangga dan sebagainya.

Ramai di kalangan masyarakat Islam sendiri yang tidak peka dengan masalah ini dan hanya menyerahkan kepada pihak-pihak tertentu sahaja untuk memikul tanggungjawab ini. Saya ingin mencadangkan supaya satu kajian terperinci dilakukan ke atas kes-kes murtad untuk mengenal pasti punca murtad. Dan juga sejauh mana pelaksanaan tindakan-tindakan yang telah diambil dan kenapa tindakan untuk menghalang orang yang murtad tidak dapat dilaksanakan dan juga bidang kuasa undang-undang terhadap isu murtad.

Masalah ini juga banyak terdedah kepada pasangan yang baru memeluk agama Islam kerana ingin mendirikan rumah tangga. Selalunya apabila berlaku masalah rumah tangga, pasangan muallaf ini akan berbalik semula kepada agama mereka yang asal. Persoalannya yang timbul adalah apakah tindakan badan-badan Islam di negara ini untuk menyekat perkara ini daripada berlaku.

Saya ingin mencadangkan supaya pasangan muallaf ini diberi bimbingan dari masa ke semasa dengan majikan mereka menghadiri kelas-kelas fardu ain untuk memberi kesedaran tentang agama Islam dan pentingnya untuk tidak mengubah agama setelah menganut agama Islam. Persoalan undang-undang yang sering timbul dan masih belum dapat diselesaikan bagi isu murtad ialah dari segi pelaksanaannya. Persoalannya adalah sejauh mana terdapat peruntukan undang-undang murtad dalam Enakman Pentadbiran Hukum Syarak dan Undang-undang Keluarga Islam.

Dalam Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) memperuntukkan bahawa semua perkara yang berkaitan dengan keluarga Islam hendaklah didengar di Mahkamah

Syariah. Isu murtad tidak dinyatakan secara khusus di dalam mana-mana akta dan masih terdapat *lacuna* bagi pelaksanaannya. Atas dasar ini semua kes murtad dibicarakan di Mahkamah Sivil. Secara logiknya pelaksanaan bagi isu sebegini adalah di bawah pentadbiran akidah Islam dan penyelesaian bagi masalahnya hendaklah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Namun begitu tiada siapa yang berani untuk tampil ke hadapan bagi memperjuangkan isu ini dan ia hanya tenggelam begitu sahaja tanpa dapat perhatian daripada mana-mana pihak.

Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan Islam sebagai Agama Rasmi. Namun penukaran agama adalah bebas dan bukan satu kesalahan dari segi undang-undang, tiada hukuman jenayah ke atas orang yang murtad sungguhpun Al-Quran dan Hadis telah menetapkan sedemikian. Malahan Mahkamah Syariah sendiri tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar kes-kes yang berkaitan dengan murtad. Justeru, peruntukan agama Islam sebagai agama rasmi dalam Perlembagaan hanyalah untuk membolehkan Malaysia mengadakan hari kebesaran dan upacara keagamaan sahaja dan tidak langsung memberi kesan ke arah pelaksanaan undang-undang Islam yang hakiki.

Saya ingin mencadangkan supaya *lacuna* bagi isu murtad dibahaskan di Parlimen dan Perlembagaan Persekutuan dipinda supaya Mahkamah Syariah diberi bidang kuasa untuk mendengar kes-kes murtad di samping mengkaji semula peruntukan-peruntukan murtad dalam enakmen supaya pentadbirannya dapat diselaraskan demi menegakkan kesucian agama Islam sebagai Agama Rasmi di Malaysia.

Tuan Yang diPertua, negara kita Malaysia dalam dekad ini ternyata sedang membangun dan kita sedang berusaha ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Kita lihat di sana-sini penuh pembangunan di sektor perindustrian dan perdagangan begitu pesat dan terkini, kita adalah pencetus dalam teknologi maklumat multimedia. Kita berharap negara akan maju di persada dunia hari ini. Namun begitu seperkara penting yang perlu diberi perhatian di sebalik pembangunan yang kita war-warkan, kita perlu melihat jalinan apa yang dikatakan perseimbangan ekonomi yakni antara bidang industri dan sektor pertanian. Kita tidak mahu di sana berlaku satu jurang pendapatan yang jauh di antara pekerja industri dan petani, pekebun kecil di desa.



Negara setiap tahun terpaksa mengimport berbilion ringgit dalam menampung keperluan asas makanan rakyat. Di satu segi Malaysia tidak kurang dalam penglibatan di sektor pertanian. Justeru itu, kita berharap kerajaan melalui agensi-agensinya berusaha mempertingkatkan lagi produktiviti pertanian dari segi pengeluaran dan juga pendapatan petani.

Dalam pembentangan Belanjawan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan Malaysia mengumumkan bahawa kenaikan gaji kakitangan kerajaan sebanyak 10% bukan apa-apa lagi kini didapati harga barangan telahpun naik sewenang-wenangnya. Kawalan harga barang oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna perlu bertindak dengan lebih berkesan. Apabila kita mendongak ke atas, jangan kita lupa melihat rakyat petani dan pekebun-pekebun kecil di bawah yang rata-rata hidupnya dalam keadaan terhimpit dengan kemiskinan. Kenaikan harga barangan yang sewenang-wenangnya oleh peniaga, yang berobjektif mengaut keuntungan semaksimum mungkin sudah tentu membebankan rakyat terutamanya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, menjadi suatu yang badihi, yang dimaklumi umum, sebuah negara akan bangun dan maju apabila rakyat dalam negara itu maju dan berpegang kepada nilai-nilai hidup yang murni. Apalah ertinya pembangunan yang tinggi sedangkan rakyat khususnya belia-belia remaja runtuh akhlaknya. Negara akan hancur apabila institusi kekeluargaan yang merupakan nukleus kepada masyarakat itu musnah. Seperti kata seorang ulama, *“Kemanusiaan hari ini berada di tebing jurang kehancuran bukan disebabkan oleh gejala itu sendiri tetapi kerana kemanusiaan hari ini sedang menghadapi satu krisis nilai. Manusia telah keliru meletakkan neraca hidup sesuai dengan nilai-nilai keagamaan.”*

Kita merasa amat sedih angka penagih dadah di negara mencecah lebih 600,000 penagih, yang mana 80% adalah terdiri daripada umat Islam. Kalau dimasukkan semua ke dalam penjara ataupun dalam lokap pun masih belum mencukupi untuk menampung jumlah penagih yang begitu ramai.

Kita lihat pula gejala sosial seperti bohsia dan tape VCD lucah bersepah dijual di merata-rata, di manakah pelaksanaan dan penguatkuasaan atau tidak dibuat langsung. Di sinilah kita menekankan antara pembangunan material diseimbangkan dengan pembangunan rohani dan fizikal. Justeru itu, Kementerian Penerangan dan media massa perlu lebih memperbanyakkan dan menekankan aspek-aspek

pengetahuan dan pendidikan. Apabila masyarakat terdidik, kemajuan akan terserlah dan dapat dipertahankan. Ingatlah bahawa mencegah adalah lebih baik dari merawat.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati. Kita baru sahaja dapat melihat peratus kenaikan dan kejayaan pelajar-pelajar dalam peperiksaan STPM dan SPM. Sudah tentulah kejayaan itu akan lebih berkesan dan diraikan sekiranya dapat melangkah ke institusi pengajian tinggi. Manakala bagi mereka yang berjaya tetapi tidak mampu menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana kos pengajian yang meningkat dewasa ini sudah tentu mengecewakan pelajar-pelajar.

Dengan ini, saya mengharapkan Kementerian Pendidikan dalam hal ini perlu menilai dan mengkaji skim bantuan biasiswa ataupun apa bentuk bantuan khususnya kepada rakyat yang miskin supaya mereka juga mampu melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, dewasa ini kita sering digarapkan dengan masalah perpecahan umat Islam di negara ini. Di dalam Islam, Al-Quran menjelaskan dalam surah Al-Imran, ayat 103 bermaksud: "*Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali Allah dan jangan lah kamu bercerai berai.*"

Perpecahan ini sebenarnya bermula dari dalam jiwa sendiri. Justeru itu, situasi ini perlu ditangani segera dengan mengadakan muzakarah dengan pihak-pihak terlibat dengan meletakkan keikhlasan dan matlamat ikatan tali Allah, iaitu Al-Quran dan Sunnah sebagai dasarnya.

Dengan ini saya menyokong perbahasan Belanjawan tahun 2000. Sekian.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor.

**4.35 ptg.**

**Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk bangun sekali lagi bagi mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini.

Firman Allah s.w.t [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya, "*Apakah mereka tidak memandang ke langit yang berada atas mereka, bagaimana kami membina dan menghiasinya dengan bintang-bintang bertaburan dan langit itu tidak sedikit pun retak dan cacat dan kami hamparkan bumi ini dan kami pacakkan kepadanya gunung-ganang yang kukuh dan tumbuhkan kepadanya segala macam tanam-tanaman yang indah dipandang mata untuk mencari pelajaran dan peringatan*

*kepada setiap hamba yang mahu kembali kepadanya.”* Surah Al-Kahf, Ayat 6 hingga 8.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah keadaan cuaca di negara kita sekarang agak sukar diramalkan. Waktu pagi agak panas dan sebelah petang pula Allah s.w.t turunkan hujan. Bagi para petani keadaan ini secara tidak langsung akan dapat membantu mereka untuk menjalankan tugas menyiram pokok dan sebagainya . Tetapi bagi warga Kuala Lumpur hujan yang sedikit telah menyebabkan keadaan menjadi kelam kabut, trafik jam akan berlaku, banjir kilat akan melanda termasukjuga banjir lumpur.

Saya dapati keadaan ini berterusan berlaku dan menjadi rungutan terutama kepada suri rumah yang terpaksa membersihkan rumah apabila setiap kali banjir kilat berlaku. Saya mencadangkan agar pihak yang berkenaan segera bertindak ke atas kawasan-kawasan yang berkenaan dengan membina longkang-longkang yang besar bagi mengatasi masalah ini. Kita dapati di sesetengah tempat banjir kilat yang tidak pernah berlaku sebelum ini telah terjadi apabila kawasan di sekeliling telah dibangunkan dengan begitu pesat dan bukit-bukit telah digondolkan serta hutan-hutan telah ditebas.

Sesungguhnya Allah s.w.t telah memberi amaran dan menjelaskan awal-awal lagi bahawa tindakan-tindakan melakukan kerosakan di muka bumi akan menimbulkan implikasi yang buruk kepada manusia itu sendiri sebagaimana penjelasan Allah s.w.t dalam Suratul Ar-Rum, Ayat 41, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] maksudnya, “*Telah zahir kerosakan di bumi, di laut dengan sebab usaha tangan-tangan manusia yang akhirnya Allah s.w.t rasakan kepada mereka ganjaran dari sebahagian yang mereka kerjakan supaya mereka kembali.*” Keperluan kita memelihara alam ciptaan Allah s.w.t ini sama ada di laut atau di darat demi kesejahteraan rakyat amat diperlukan.

Berdasarkan maklumat awal yang dikumpulkan oleh Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia menunjukkan pertambahan aktiviti perkapalan di sepanjang 1,000 kilometer di Selat Melaka sememangnya telah memberi kesan buruk kepada alam sekitarnya. Ketua Pasukan Pengurusan Pantai Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Selat Melaka berpendapat tiada sesiapa yang boleh menafikan wujudnya pelbagai ancaman yang terpaksa dihadapi di selat itu termasuk pencemaran. Berdasarkan maklumat yang diperolehi oleh Pusat

Penyelidikan dan Pembangunan Selat Melaka, sejak 1978 hingga 1994 sejumlah 476 kemalangan termasuk tumpahan minyak berlaku di sepanjang selat itu dengan purata 30 kemalangan setahun.

Saya memohon penjelasan adakah Kerajaan Malaysia terpaksa menanggung keseluruhan kos bagi pembersihan tumpahan minyak dan juga pencemaran yang dilakukan oleh kapal-kapal yang terbabit dan berapakah jumlah kos yang dibelanjakan setakat ini untuk tujuan tersebut. Sehingga April 2000, berapa bilangan kes kemalangan termasuk tumpahan minyak yang berlaku bukan sahaja di Selat Melaka tetapi juga di seluruh pesisir pantai dan laut yang mengelilingi Malaysia.

Kita amat mengharapkan perancangan termasuk Pelan Tindakan yang sewajarnya diambil bagi mengatasi pencemaran di laut ini supaya ia tidak akan menjejaskan pendapatan para nelayan tetapi juga tidak akan mengganggu kesihatan para penduduk khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil peluang untuk menyentuh berkaitan dengan Suruhanjaya Pilihan Raya. Alhamdulillah, kita semua telah dimaklumkan bahawa 680,000 orang pengundi yang mendaftar pada tahun lepas telah pun diluluskan pendaftaran mereka sebagai pemilih. Walaupun jangka masa untuk memproses pendaftaran tersebut telah mengambil masa yang agak lama iaitu hampir sembilan bulan. Tempoh masa yang diambil tersebut amatlah tidak munasabah terutama sekali pada zaman yang serba canggih ini, di mana terdapat kemudahan teknologi maklumat, inisiatif penggunaan komputer secara meluas. Saya mencadangkan kepada pihak SPR agar mengkaji balik kaedah memproses daftar pemilih tersebut dan adalah baik sekiranya pendaftaran tersebut diadakan sepanjang masa iaitu pada seseorang tersebut mencapai umur 21 tahun. Mereka boleh terus mendaftar dan hak kelayakan mengundi terus diperolehi tanpa menunggu sehingga hampir setahun untuk diproses.

Di samping itu, setiap kali selepas pilihan raya pelbagai aduan yang kita dengar antaranya, ialah terdapat nama orang yang sudah meninggal dunia tetapi masih tersenarai dalam daftar pemilih. Selain itu terdapat juga pertindihan kad pengenalan iaitu orang yang berbeza di kawasan yang berbeza tetapi memiliki nombor kad pengenalan yang sama. Ada pula nama mereka hilang dalam senarai dan sesetengahnya pula nama mereka tersenarai di kawasan yang lain di mana mereka tidak pernah membuat permohonan untuk berpindah kawasan atau negeri.

Saya memohon penjelasan setakat ini jumlah aduan dan juga jenis-jenis aduan yang telah diterima oleh pihak SPR. Sehubungan itu, apakah jaminan yang boleh diberikan oleh pihak kerajaan agar perkara-perkara tersebut tidak berulang lagi dan pilihan raya yang akan datang akan memberi hak kepada semua rakyat yang telah mencapai umur 21 tahun untuk memilih wakil rakyat mereka.

Tuan Yang diPertua, alhamdulillah, Kerajaan Malaysia mempunyai kakitangan yang begitu komited terhadap apa tugas-tugas mereka dan sewajarnya mereka diberi perhatian dan kebajikan mereka dijaga. Saya tertarik untuk menyentuh berkaitan dengan Sistem SSB yang telah dilaksanakan sekian lama dan telah menjadi kritikan semenjak ia dilaksanakan.

Saya mencadangkan agar sistem ini dikaji semula kerana apabila ramai kakitangan yang tidak berpuas hati dengan sistem penilaian yang dilaksanakan ini ia akan menimbulkan kesan yang negatif di mana ketidakpuasan hati akan menjejaskan prestasi kerja yang seterusnya, akan menghasilkan produktiviti yang rendah. Berdasarkan aduan yang diterima didapati sesetengah majikan memberi 5% menegak dan melintang berdasarkan seniority walaupun prestasi kerja tidak cemerlang. Terdapat juga penilai berdasarkan orang yang dikuasai dan tidak dinafikan juga terdapat sebahagian yang amanah, menilai berdasarkan kecemerlangan kakitangan pada tahun yang dinilai tersebut. Oleh itu, saya amat mengharapkan kakitangan kerajaan yang ada pada hari ini diberi penilaian yang adil dan saksama kerana mereka bekerja kuat membantu kerajaan membangunkan ekonomi dan negara secara langsung.

Apabila bercakap berkenaan dengan kakitangan kerajaan, saya tertarik untuk memanjangkan berkaitan guru-guru kita yang berusaha untuk menambah pengetahuan mereka iaitu yang telah mengorbankan masa dan wang ringgit bagi mengikuti program jarak jauh, bagi membantu hasrat kerajaan agar semua guru di sekolah menengah khususnya dan juga sekolah rendah adalah terdiri daripada guru siswazah.

Kebelakangan ini pelbagai rayuan dan rintihan yang kita dapat baca di akhbar berkaitan guru-guru yang mengikuti Program Jarak Jauh (PJJ) tidak mempunyai jaminan untuk kenaikan ke gred DG3. Sebagaimana guru-guru siswazah yang lain merasakan perkara ini adalah tidak adil kepada guru-guru yang berkenaan sekiranya ijazah mereka diiktiraf sebagai ijazah-ijazah lain yang diikuti secara sepenuh masa yang diperolehi guru-guru lain. Walhal mereka bukan mengikuti program PJJ di

universiti yang tidak diiktiraf, tetapi di IPTA tempatan seperti UPM dan sebagainya. Oleh itu, saya merayu dan mencadangkan agar pihak kerajaan mengkaji balik sebarang dasar yang telah ditetapkan yang tidak membenarkan peralihan guru tersebut di gred DG3 kerana saya berkeyakinan, dasar bukan sesuatu yang rigid tetapi ini boleh diubah kalau mahu demi kepentingan masa hadapan guru kita yang telah berusaha melanjutkan pelajaran. Walaupun tidak memperolehi biasiswa tetapi di samping bekerja, mereka bertungkus-lumus belajar dan sewajarnya usaha mereka dihargai bagi menggalakkan guru-guru lain juga terus berusaha untuk mempertingkatkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memperbaiki tahap keuntungan serta mempertingkatkan kecekapan kumpulan bank, penggabungan bank-bank telah dilakukan, iaitu daripada 54 buah menjadi 10 buah sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan sejauh manakah kejayaan setakat ini terhadap penggabungan yang telah dilakukan tersebut. Saya amat mengharapkan agar penggabungan bank-bank yang dilakukan tidak akan menjejaskan atau memberi impact yang negatif kepada sesetengah pihak terutama kakitangan bank yang berkenaan kerana kita amat dukacita sekiranya terdapat kakitangan yang secara rela diberhentikan kerja yang menyebabkan mereka hilang pendapatan dan seterusnya akan menjejaskan ekonomi dan kuasa beli isi rumah yang berkenaan.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan penjelasan sehingga kini, iaitu semenjak penggabungan bank yang dilakukan berapa ramaikah kakitangan bank yang telah berhenti atau diberhentikan dan juga bentuk pampasan yang diberikan kepada mereka?

Bercakap mengenai bank sebagai sumber pinjaman kepada yang memerlukan seperti biasa, prosedur pinjaman memerlukan kepada penjamin atau cagaran. Perkara yang mendukacitakan kita ialah sehingga kini begitu ramai penjamin pinjaman yang diisytiharkan muflis dan 35% kes kebangkrapan di negara ini adalah kes yang melibatkan penjamin. Kita juga tidak mempunyai data berapa ramai lagi penjamin yang menjadi mangsa seperti pemotongan gaji bulanan dan sebagainya?

Bagi institusi kewangan pula, langkah yang mudah apabila penjamin gagal membayar pinjaman ialah kerana memberi amaran kepada penjamin dan disusuli dengan tindakan undang-undang. Sekiranya penjamin tidak membayar pinjaman tersebut sepatutnya pihak institusi kewangan perlu bersungguh-sungguh untuk

megeskan penjamin tanpa meletakkan bebanan kepada penjamin yang bermurah hati. Menjadi penjamin apabila keadaan terdesak, kita tidak nafikan memang telah wujud peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara, iaitu institusi kewangan perlu mencari peminjam terlebih dahulu sebelum mencari penjamin peminjam tetapi ia tidak diambil berat oleh institusi kewangan yang berkenaan.

Sehubungan itu, saya ingin mencadangkan agar pihak Bank Negara perlu mengambil serius dalam menguatkuasakan peraturan yang ditetapkan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap institusi kewangan yang tidak mematuhi peraturan tersebut. Di samping itu diharapkan satu pindaan undang-undang akan digubal bertujuan untuk memberi perlindungan kepada penjamin pinjaman dan ini akan memudahkan orang ramai untuk lebih bersedia menjadi penjamin pada masa akan datang. Kita khuatir sekiranya perlindungan tidak diberikan kepada penjamin, suatu hari nanti tidak lagi sesiapa yang sanggup menjadi penjamin bagi mereka yang memerlukan pinjaman.

Saya mengharapkan dengan perlantikan Gabenor Bank Negara yang baru, iaitu Datuk Dr. Zeti Akhtar akan membawa perubahan yang positif ke atas sistem perbankan di negara kita. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Dr. Zeti Akhtar, wanita pertama yang dilantik sebagai Gabenor Bank Negara yang baru.

Tuan Yang diPertua, gejala rasuah adalah satu perbuatan yang keji dan hina baik pada pandangan manusia lebih-lebih lagi di sisi Allah S.W.T kerana gejala ini bukan sahaja satu kezaliman kepada golongan yang memerlukan pertolongan tetapi juga ini meruntuhkan kerohanian dan kestabilan negara. Rasuah boleh dilakukan di mana-mana dan bila-bila masa sahaja walaupun terdapat undang-undang. Tetapi amat sukar untuk mengatasi gejala tersebut kerana amalan rasuah sentiasa berusaha untuk merebut peluang yang ada bagi mereka meneruskan kegiatan mereka. Oleh itu, kita tidak dapat menafikan bahawa hanya pendidikan agama yang mengajar kita tentang dosa dan pahala sahaja yang dapat membantu kita daripada terus melakukan perbuatan keji ini. Sabda Rasulullah S.A.W [*Membaca sepotong hadis*] Maksudnya: "*Mereka yang memberi, menerima, menulis dan menjadi saksi kepada kegiatan merasuah semuanya akan ditempatkan ke dalam neraka*". Sehubungan itu, saya amat berterima kasih sekiranya pihak kerajaan dapat menjelaskan sama ada sistem terhadap kes aduan berkanun Datuk Murad terhadap bekas Timbalan Perdana Menteri telah

selesai dilakukan dan sekiranya telah selesai apakah hasilnya kerana saya kira rakyat mesti tertanya-tanya dan apakah bentuk tindakan yang akan diambil sekiranya dakwaan Datuk Murad itu didapati tidak benar?

Tuan Yang di-Pertua, kegiatan ekonomi memainkan peranan yang besar dalam menjana aktiviti-aktiviti perdagangan di dalam sesebuah negara. Ini terbukti di mana peruntukan sejumlah RM10.88 bilion telah diberikan untuk sektor ekonomi dan tidak dapat dinafikan sektor ini mempunyai jaminan dan mencerminkan kehebatan sesebuah negara, contohnya negara Jepun dan Amerika Syarikat telah menjadi anggota yang berpengaruh di dunia disebabkan oleh kekuatan ekonomi kedua-dua buah negara tersebut. Kita turut berbangga dengan penglibatan dan pencapaian beberapa orang ahli perniagaan bumiputera dalam kegiatan ekonomi dalam negeri dan di peringkat antarabangsa. Usaha yang berterusan patut dilakukan oleh kerajaan bagi meningkatkan penglibatan bumiputera dalam perniagaan dengan menyediakan latihan-latihan intensif dan juga kemudahan pinjaman.

Di samping itu, dalam usaha kita untuk meningkatkan ekonomi negara dan melibatkan diri dalam perniagaan. Kita perlu sentiasa berusaha untuk menjauhkan amalan riba dari terus mengkongkong aktiviti yang kita laksanakan kerana kita tidak mahu masyarakat dan para pengguna khususnya menjadi mangsa dari perbuatan riba ini. Aktiviti ekonomi berasaskan riba bukanlah kegiatan ekonomi yang dituntut oleh Islam kerana ia perlu bergerak berlandaskan syariat Allah S.W.T. Ia tidak boleh menjadi sesuatu aktiviti bebas dari kaedah dan ajaran Allah S.W.T kerana ajaran Allah S.W.T merangkumi semua aspek kehidupan termasuk perniagaan dan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu mewujudkan ahli perniagaan yang beretika dan beradab di dalam menguruskan ekonomi kita. Perlu mewujudkan sistem ekonomi yang tidak hanya memperkayakan sesuatu golongan dan menindas golongan yang lain, sebaliknya kita perlu mewujudkan satu sistem ekonomi yang lebih adil dan saksama yang dapat dinikmati oleh semua rakyat. Sistem ekonomi Islam yang dipertikaikan di zaman kegemilangan Islam terbukti menjamin kesejahteraan rakyat dan umat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama. Sistem zakat yang berperanan sebagai pembersihan diri dan nafsu manusia terhadap harta benda berupaya menjadi penggerak ekonomi ummah serta mampu diketengahkan dan dikembangkan.

Dalam pada itu pengurusan zakat perlu dilakukan secara bijaksana dan tiada penyelewengan kerana zakat-zakat tersebut telah dikhususkan kepada orang-orang



yang boleh menerima sebagaimana Firman Allah s.w.t dalam surah At-Taubah, ayat 60 [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud: “*Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin. Pengurusan-pengurusan zakat para mualaf yang telah dipujuk hatinya untuk memerdekakan hamba. Orang-orang yang berhutang untuk jalan Allah dan orang-orang yang dalam perjalanan sebagai suatu ketetapan yang diwujudkan oleh Allah dan Allah Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana*”.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh berkaitan dengan berita mutakhir yang tersiar di akhbar pada hari Sabtu yang lepas iaitu sebuah institusi pengajian tinggi swasta di Johor Bahru dipercayai terlibat dalam kegiatan membekalkan pekerja-pekerja secara haram dari China ke restoran dan pusat hiburan di negara ini. Yang mendukacitakan kita ialah pengarah institusi yang berkenaan dikatakan dari warga Singapura. Oleh itu, saya ingin memohon penjelasan daripada kerajaan sejauh mana sebenarnya penyeliaan, penguasaan dan pemantauan terhadap IPTS dijalankan sebagaimana yang sentiasa dijelaskan bahawa lawatan berkala sering dilakukan tetapi gejala tidak dapat dikesan sehinggalah lima pelajar warga China tampil dan mendakwa mereka telah ditipu. Selain itu setakat ini adakah sistem tela h dijalankan dan apa-apa tindakan telah diambil terhadap institusi yang berkenaan sekiranya benar berita yang dilaporkan tersebut.

Akhir sekali, marilah sama-sama merenung dan mengambil iktibar daripada ayat Allah s.w.t [*membaca sepotong ayat Al-Quran*] surah al-A'raf ayat 90, maksudnya, “*Jika sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkat daripada langit dan bumi tetapi mereka mendustakan ayat-ayat Kami itu maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatan mereka*”.

Dengan ini saya turut menyokong.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Dato' Lee Pit Chern.

**16.55 ptg.**

**Dato' Lee Pit Chern:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbincangan Dewan yang mulia ini berhubung pembentangan Belanjawan negara tahun 2000 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada persidangan Parlimen ke-10 baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah menyediakan satu belanjawan rakyat yang seimbang, adil dan sederhana yang memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat di negara kita. Di waktu ini kita semua sedang memulakan kehidupan di alaf yang baru dengan pelbagai cabaran khususnya masalah ekonomi yang telah melanda kita selama hampir tiga tahun. Kita merasa bersyukur kerana dianugerahkan dengan pemimpin-pemimpin yang cekap, peka, cergas dan cekal iaitu para pemimpin Kerajaan Barisan Nasional kita yang telah berjaya mengawal serta menangani masalah ekonomi dengan berkesan. Dan pada hari ini seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan wajah pemulihan ekonomi negara kita telah hampir menampakkan keseluruhanserinya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan rakyat yang seimbang, adil dan sederhana yang telah dibentangkan tersebut adalah Belanjawan yang tidak membebankan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Secara keseluruhan Belanjawan tersebut meskipun menekankan kepentingan golongan berpendapatan rendah dan sederhana ianya pula tidak memberi tekanan atau penindasan kepada golongan yang berada. Inilah keseimbangan dan keadilan yang menjadi dasar dan prinsip yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional bukan sahaja dalam sosial pentadbiran malahan juga di dalam pelaksanaan dasar ekonominya.

Tuan Yang di-Pertua, dasar dan prinsip Belanjawan kerajaan ini adalah seharusnya mendapat puji pujian dan tabik hormat daripada kita semua. Memandangkan ekonomi kita sedang mengalami proses pemulihan yang rancak, kerajaan sentiasa bersikap bijak dan berhati-hati dengan terus mengamalkan sikap sederhana dalam mengawalkan perbelanjaan negara. Kita bangga kerana kerajaan kita memiliki sikap beringat sebelum kena, berjimat semasa ada dan sentiasa menitikberatkan kesejahteraan hidup setiap lapisan rakyat di negara ini.

Tanda-tanda pemulihan ekonomi pula memang jelas berkembang. Kita lihat ada pertambahan dalam permintaan terhadap industri pemilikan hartanah. Kadar pinjaman asas bank-bank perniagaan telah turun manakala pasaran saham tempatan telah pun mengalami kenaikan mata yang memberangsangkan. Begitu juga bilangan pekerja yang dibuang kerja semakin berkurangan. Kita bangga kerana pemulihan ekonomi kita kini yang jelas telah pun diiktiraf oleh pihak Bank Dunia, penganalisa ekonomi antarabangsa serta pihak IMF yang merupakan lanun kewangan dunia yang

pernah cuba untuk menawan, menguruskan dan mengawal ekonomi negara kita sewaktu ekonomi mula gawat dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara yang telah dibentangkan dalam Belanjawan 2000 iaitu, nombor satu, Wanita Dalam Pembangunan. Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menyentuh mengenai wanita dalam pembangunan dalam ucapan Belanjawan tahun 2000 dan mengesahkan bahawa kerajaan menyanjung tinggi komitmen wanita dalam pembangunan negara kita. Kita merasa bangga dengan penghargaan kerajaan terhadap kaum wanita. Memang jelas bahawa wanita telah memainkan peranan yang amat besar dalam pembangunan dan kejayaan negara selama ini.

Pada hari ini wanita di negara ini telah melibatkan diri secara aktif dan infektif dalam berbagai bidang dan aktiviti sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Namun demikian masih ada segelintir anggota masyarakat yang tidak menghargai peranan wanita khususnya para suami yang melakukan penderaan fizikal dan mental terhadap isteri-isteri. Kesedaran dan keinsafan para suami daripada golongan ini perlu dipertingkatkan supaya mereka tidak terus mendera isteri mereka walau di atas apa kesalahan sekalipun. Saya berharap agar undang-undang keluarga mengenai soal penderaan terhadap isteri ini disemak, dipinda dan dikuatkuasakan dengan secepat mungkin. Dengan ini penghargaan terhadap wanita lebih dimartabatkan oleh semua pihak.

Selain daripada itu, memperlihatkan kesungguhan kerajaan dalam menghargai peranan wanita. Kerajaan perlu sentiasa peka dan sentiasa memastikan agar sebarang bentuk penganjuran program dan aktiviti di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa mempunyai penglibatan wanita sekurang-kurangnya 50%. Bilangan wanita yang memegang jawatan pada peringkat tertinggi di sektor-sektor kerajaan dan korporat pula perlu ditambah dengan kadar nisbah sekurang-kurangnya 50:50. Dengan taraf pendidikan wanita yang semakin tinggi sekarang, saya yakin kebolehan wanita amat ketara dan memberangsangkan.

Saya di sini ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Dato' Dr. Zety di atas perlantikan beliau sebagai Gabenor Bank Negara yang baru berkuat kuasa mulai 1 Mei 2000. Kita merasa bangga di atas perlantikan tersebut kerana itu merupakan satu lagi pengiktirafan dan penghargaan kerajaan terhadap peranan wanita di negara ini. Perlantikan Dr. Zety juga adalah satu

sejarah yang berharga kepada kaum wanita kita kerana beliau juga adalah wanita pertama yang menjawat jawatan tertinggi tersebut di peringkat Asia.

Yang kedua, Pembangunan Belia. Menerusi Belanjawan 2000 kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM44.6 juta untuk program Pembangunan Belia. Peruntukan yang besar itu tidak mempunyai sebarang makna sekiranya program-program yang dijalankan itu menyeluruh dan hanya memberi manfaat kepada setengah pihak sahaja. Ini sudah pasti akan menjadikan hasrat kerajaan untuk membentuk belia yang sihat aktif, berguna dan berkebolehan tidak mencapai sasarannya. Kita lihat daripada sehari ke sehari jumlah belia yang terlibat dengan gejala sosial semakin meningkat.

Saya ingin mencadangkan agar Kementerian Belia dan Sukan mengambil langkah secara tegas dan berkesan dalam mengawal masalah sosial di kalangan belia. Misalnya dengan mewajibkan penyertaan setiap belia yang berusia sekurang-kurangnya 16 tahun tanpa mengira kaum mengikut program bina semangat dan brain storming. Sekiranya belia-belia berkenaan telah terlibat dengan aktiviti sosial yang tidak sihat pada usia yang lebih awal sekurang-kurangnya program berkenaan boleh membantu menyedarkan mereka, dengan ini pembentukan peribadi dan sahsiah dapat diserapkan dan disemai pada peringkat awal sebelum mereka lebih terdedah dengan berbagai cabaran kehidupan sekarang. Saya berpendapat gabungan kerjasama di antara kerajaan negeri, Kementerian Pendidikan serta Kementerian Belia dan Sukan dan me'realise'kan cadangan di atas.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan perkara-perkara berikut diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menyediakan belanjawan akan datang iaitu menaikkan kadar maksimum rebet potongan cukai pendapatan ibu bapa pekerja di mana majikan mereka tidak menyediakan tempat jagaan kanak-kanak. Ini adalah kerana ibu bapa berkenaan perlu membayar sekurang-kurangnya RM2,500 setahun untuk setiap anak yang dihantar kepada Pusat Asuhan Kanak-Kanak ataupun baby sitter.

Kedua, bagi menggalakkan pelancongan domestik secara lebih menyeluruh pula bayaran tiket kapal terbang ke destinasi tempatan perlu diturunkan, manakala cukai lapangan terbang yang dikenakan kepada penumpang kapal terbang ke destinasi tempatan perlu dihapuskan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya di sini walaupun kita telah memasuki era pemulihan ekonomi tetapi kita tidak boleh alpa atau lalai bahawa adalah menjadi tanggungjawab kita semua sebagai rakyat Malaysia untuk sekurang-kurangnya menyedarkan keadaan sekarang selain daripada terus berusaha meningkatkan usaha memperbaiki keadaan yang sedia ada. Setiap pihak perlu memperingati bahawa mala petaka ekonomi yang menimpa kita dahulu perlu dipastikan dapat ditampar supaya ianya tidak berulang lagi. Justeru itu, pengurusan belanjawan perlu dirancang, dikawal dan diselia dengan teliti di peringkat bawahan pemuda, diharap keluarga kepada komuniti yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membahaskan Terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Yang Berhormat Tuan Khoo Lay Hin.

**5.15 ptg.**

**Tuan Khoo Lay Hin:** Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah atas Dato' Yang di-Pertua dilantik semula Ahli Dewan Negara pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini.

Saya ingin sentuh tentang masalah perumahan di mana terdapat banyak kes yang layak untuk mendapat rumah kos rendah tetapi diambil oleh orang-orang yang lebih mampu. Di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengadakan satu sistem komputer yang komprehensif di mana sebarang data boleh didapati untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa. Contohnya, apabila seorang sudah mendapat satu unit rumah kos rendah data tersebut dimasukkan ke dalam komputer yang mempunyai sistem yang berpusat atau centralize dengan izin. Dengan cara ini orang tersebut tidak akan membeli satu unit rumah kos rendah di tempat lain sebab maklumat mengenainya telah dimasukkan dalam sistem komputer.

Ini akan mengelakkan penyalahgunaan di mana seorang yang mampu boleh membeli beberapa unit rumah kos rendah dan kemudiannya menjual dengan harga yang tinggi. Sistem komputer juga boleh digunakan sebagai semakan di mana kerajaan akan tahu status pembeli rumah jenis kos rendah yang masih dalam senarai tunggu. Saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Perumahan supaya menggalakkan pemaju rumah membina lebih banyak rumah pangsa jenis kos sederhana di mana harganya di bawah RM100,000. Ini juga boleh memendekkan senarai tunggu bagi rumah jenis kos rendah. Terdapat mereka yang tidak mampu

membeli rumah di mana harganya terlalu tinggi tetapi terlampau berkelebihan, over qualified, dengan izin, untuk membeli rumah kos rendah.

Golongan rakyat seperti ini memang ramai didapati di bandar-bandar. Jika pemaju rumah rela membina rumah jenis kos sederhana, maka saya percaya ini akan menarik minat orang ramai membelinya. Banyak kali saya dapati rumah kos jenis sederhana ini terletak di kawasan yang jauh contohnya, di Bukit Beruntung. Dalam kawasan sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya susah mendapat projek perumahan yang berjenis kos sederhana. Ramai pemaju rumah hanya berminat rumah yang jenis kos tinggi ataupun kondominium yang mahal sebab motif mereka ialah untuk mendapat pulangan yang tinggi.

Saya ingin menyarankan pihak kerajaan supaya memperkenalkan sistem kuota bagi pemaju-pemaju rumah untuk membina rumah kos sederhana di tapak-tapak yang mana mereka membina rumah kos tinggi. Ini akan mewujudkan satu komuniti yang lebih seimbang di mana sesuatu tempat tidak akan dikenali sebagai tempat tinggal orang kaya dan satu lagi dianggap tempat orang miskin. Memang keadaan seperti demikian tidak mendatangkan sebarang manfaat kepada masyarakat kita di mana pihak kerajaan sering menyeru supaya memupuk semangat penyayang di kalangan orang ramai. Perbezaan di antara golongan yang berada di golongan yang miskin itu akan memunculkan sentimen cemburu dan ketidakpuashatian di kalangan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan kerajaan sebanyak 58,600 unit rumah kos rendah akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Kini tempoh masa lima tahun Rancangan Malaysia Ketujuh cuma tinggal satu tahun lagi dan masih terdapat lebih 22,000 unit atau lebih satu pertiga daripada jumlah unit yang perlu dibina baru sahaja dalam peringkat awal pelaksanaan. Saya berharap pihak yang berkenaan dapat mengawasi kemajuan projek-projek sedemikian dengan rapi supaya rumah-rumah dapat disempurnakan dalam jangka masa seperti mana yang dirancang.

Memandangkan teknologi 'brick cast' telah digunakan secara meluas dalam pembinaan di negara-negara maju, saya berharap kerajaan juga dapat menggalakkan penggunaan teknologi ini dalam pembinaan rumah kos rendah di negara kita. Penggunaan teknologi ini akan dapat mengurangkan kos serta masa pembinaan di samping menjamin mutu pembinaan yang memuaskan. Projek perumahan rakyat bersepadu hanya akan diperkenalkan di Bandaraya Kuala Lumpur. Saya berharap

para penduduk di bandar-bandar besar yang lain juga akan dapat menikmati faedah daripada projek-projek sedemikian tidak lama lagi. Selalunya bandar-bandar besar merupakan kawasan yang mengalami masalah kekurangan rumah yang paling kritikal.

Kewujudan banyak keluarga yang tidak mampu memiliki rumah sendiri di sesebuah bandar besar merupakan satu kecacatan kepada pembangunan di bandar-bandar besar. Pembinaan setinggan secara haram juga mendatangkan kesan negatif terhadap rupa wajah sesebuah bandar. Malahan mereka yang sering menggunakan kuasa elektrik dengan sewenang-wenangnya menyebabkan kebakaran sering berlaku di kawasan setinggan-setinggan. Oleh itu saya berpendapat bahawa kerajaan harus melipat-gandakan usaha untuk memperluaskan projek perumahan rakyat bersepadu ke semua bandar dengan secepat mungkin.

Satu lagi cadangan alternatif ialah membina rumah pangsa di bandar-bandar besar dan menyewakannya kepada orang ramai dengan sewa yang berpatutan. Bagi skim ini keluarga yang kurang mampu harus diberi keutamaan. Rumah pangsa jenis satu bilik juga boleh disewa kepada mereka yang masih bujang. Ramai di antara mereka yang bekerja di bandar besar terpaksa sewa bilik. Jika skim sedemikian boleh dilaksanakan, tentu akan mendapat sambutan baik di kalangan mereka yang masih belum berumahtangga.

Tuan Yang di-Pertua, bagi bidang pendidikan, saya berharap dasar terbuka Menteri Pendidikan dapat diteruskan iaitu memberi layanan yang sama rata kepada sekolah-sekolah rendah kebangsaan dan jenis kebangsaan. Seajar dengan pelaksanaan persekolahan satu sesi pada tahun ini, sebanyak 371 buah sekolah baru akan dibina dan 662 blok tambahan akan didirikan untuk sekolah-sekolah yang sedia ada. Tujuan utama pembinaan sekolah-sekolah atau blok-blok baru ini adalah untuk mengurangkan masalah kesesakan pelajar di sesebuah sekolah.

Oleh itu saya berharap peruntukan untuk membina sekolah-sekolah rendah baru atau blok tambahan untuk sekolah yang sedia ada akan dapat diagihkan mengikut permintaan dari segi bilangan pelajar tanpa mengira bahasa pengantar yang digunakan di sekolah-sekolah terbabit. Ini adalah penting untuk menjamin para pelajar yang berlainan bahasa ibunda dapat menerima pendidikan yang berkualiti supaya dapat sama-sama menyumbang kepada pembangunan negara pada masa akan datang.

Isu tentang betapa beratnya bagi beg sekolah bagi seorang murid sekolah rendah juga harus diberi perhatian. Saya mencadangkan pihak sekolah memakai buku

latihan ataupun *workbooks* yang berbentuk *loose sheet*, dengan izin, jadi murid hanya membawa satu atau dua helai kertas daripada buku latihan mereka ke rumah untuk kerja rumah. Mereka tidak dikehendaki membawa semua buku latihan balik ke rumah. Apabila habis kerja rumah, kertas itu dikumpul sekali atau menfailkan sekaligus. Dengan cara ini beg sekolah mereka tidak akan membebankan mereka.

Satu cara lagi ialah jangan membawa semua buku teks ke sekolah. Ibu bapa boleh membimbing mereka untuk mengikuti jadual kelas dan bawa buku teks yang diperlu. Walaupun negara kita telah sedia menyambut era teknologi maklumat dan banyak menggunakan komputer, saya rasa masyarakat kita belum sampai tahap di mana seorang murid mampu membeli satu *laptop* di mana mereka boleh memakainya di sekolah. Harga *laptop* belumlah begitu murah dan bukan setiap keluarga mampu membelinya.

Jika boleh, murid-murid hanya dikehendaki pakai disket untuk membuat kerja rumah. Buku teks pun berbentuk disket dan tidak payah membawa banyak buku teks dan buku latihan ke sekolah. Ini tentu akan meringankan beg murid tetapi malangnya kita belum sampai tahap itu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Belanjawan 2000. Terima kasih.

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Siapa mahu bahas? Tidak mahu cakap? Yang Berhormat Datuk Long?

**Datuk Long bin Jidin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan hendak bercakap. Saya hendak bertanya rakan saya di belakang [*Merujuk kepada Yang Berhormat Tuan Khoo Lay Hin*]. Tadi, berkaitan dengan beg banyak buku dalam masa pergi bersekolah. Jadi, saya cadangkan kalau boleh Yang Berhormat setuju atau tidak setuju, dalam satu masa pembelajaran pagi hingga tengah hari, kalau boleh lakukan hanya dua mata pelajaran, dua buku teks, dua buku tulis, tambah dengan dua buku praktikal ataupun latihan. Jadi, enam buah buku sahaja.

Jadi, kalau kita banyak sangat subjek, contohnya, satu hari tujuh lapan subjek, kena bawa tujuh lapan buah buku. Tetapi kita dalam tempoh satu hari itu, dua subjek sahaja. Esoknya, dua subjek lagi. Jadi, saya yakin benda ini tidak berat dan mudah untuk dibawa oleh anak-anak kita yang kecil. Saya ingin tanyalah kepada Yang Berhormat, dia bersetuju ataupun tidak. Terima kasih.



**Tuan Khoo Lay Hin:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tadi tanya soalan itu, saya ingin pulangkan kepada Menteri Pendidikan jawablah. *[Ketawa]*

**Dato' Michael Chen Wing Sum:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat masa pun hampir cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi esok.

*Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 5.30 petang .*

## LAMPIRAN

24 April 2000

### AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman,  
D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,  
Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.  
(Dilantik)
- “ Menteri Pendidikan,  
Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N.,  
D.P.C.M. (Dilantik)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri,  
Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan,  
Datuk Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,  
B.K.M. (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

- “ Dato’ Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)
- “ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Puan Chia Chui Ket (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)
- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)

Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)

- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)

- “ Dato’ Michael Chen Wing Sum  
(Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi, A.M.P., P.P.N.,  
P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Tuan Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)  
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Datuk Tee Thiong Hock, D.S.S.A., S.S.A., A.M.N., P.J.K.  
(Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

**DEWAN NEGARA**

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Negara:**

Abdullah bin Abdul Wahab

**Ketua Penolong Setiausaha:**

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

**Penolong Setiausaha:**

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

**BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

**PARLIMEN KESEPULUH****PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA**

---

**Jilid II****Bil. 5****Isnin****24 April 2000**

---

**K A N D U N G A N****MENGANGKAT SUMPAH:**

- Y.B. Dato' Michael Chen Wing Sum
  - Y.B. Puan See Too Mee
- (Halaman 1)

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

- Mengalukan Ahli-ahli Baru
  - Perutusan Daripada Dewan Rakyat
  - Urusan Mesyuarat
- (Halaman 1)  
(Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 3)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- Rang Undang-undang Perbekalan 2000
- (Halaman 21)

